

## PENDAHULUAN

### A. Latar Belakang Masalah

Kajian yang berkaitan dengan hadith Nabi s.a.w merupakan suatu usaha yang tidak dapat dinafikan kepentingannya sama sekali. Ini disebabkan hadith Nabi s.a.w merupakan salah satu sumber utama lahirnya hukum yang menjadi wasilah *'ubudiah* seorang insan kepada Allah s.w.t.

Dewasa ini umat Islam di seluruh dunia dan di Malaysia khususnya menunjukkan kecenderungan, keinginan dan kemahuan untuk kembali menjadikan syariat Islam sebagai penyuluh kepada seluruh gerak kerja aktiviti kehidupan mereka. Realiti ini dapat dilihat bukan sahaja bertambahnya penghayatan Islam dikalangan individu, tetapi juga dalam bidang pendidikan negara dari peringkat sekolah hingga ke universiti. Ini memberi harapan agar *haḍarah* Islam dapat kembali menyinari kehidupan manusia sejagat. Walaupun begitu, perkembangan ini tidak akan bermakna sama sekali sekiranya ia tidak dibentuk berasaskan sumber pengambilan hukum yang sahih, yang mana *al-qurān* dan *al-ḥadīth* merupakan sumber hukum utama sebelum sumber-sumber hukum yang lain. Perlu dinyatakan disini bukan semua hadith yang diriwayatkan itu adalah sahih nasabnya kepada Nabi s.a.w. Pada masa yang sama, penulis merasakan kesedaran dan pendedahan tentang perkara ini kepada masyarakat pula masih ditahap yang minima.

Fenomena ini dapat disaksikan dari sudut amalan masyarakat seperti berdoa, berzikir dan lain-lain ibadat yang berbentuk khusus, begitu juga buku-buku panduan ibadat yang dicetak, malahan ceramah-ceramah agama yang disiarkan melalui media elektronik juga tidak memberi penekanan yang serius tentang kepentingan menjadikan sandaran amalan ibadat berdasarkan kepada hadith yang sahih. Maka tidak hairanlah jika majoriti umat Islam di

negara kita begitu mudah mengamalkan amalan yang bersandarkan kepada riwayat yang *ḍa'īf*, bahkan juga *mawḍū'* (palsu). Penulis juga merasakan penghargaan terhadap peranan ulama' hadith dalam menjaga ketulenan sesuatu riwayat masih kurang menyerlah dikalangan masyarakat. Justeru itu penulis memilih untuk melakukan penyelidikan yang cuba menzahirkan disiplin ilmu penilaian ke atas sesebuah hadith khususnya terhadap hadith yang *ḍa'īf*.

## **B. Pernyataan Masalah**

Melihat pada perkembangan serta minat kepada pengajian ilmu hadith dewasa ini, khususnya dalam bidang pengajian *isnād* yang mana ia merupakan salah satu elemen penting dalam menentukan kedudukan sesebuah hadith, maka ramai ilmuan dan sarjana semasa yang tampil melakukan penilaian keatas riwayat-riwayat hadith. Fenomena ini dibimbangi menjadi suatu usaha yang dianggap mudah sehingga boleh dilaksanakan oleh mana-mana individu, asalkan ada maklumat tentang ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth*, memiliki kitab-kitab induk hadith dan bibliografi perawi hadith, maka mereka pun menganggap telah berkelayakan untuk berjihad menentukan kedudukan sesuatu hadith samada sahih atau *ḍa'īf*.

Penulis cuba membuktikan bahawa tanggapan sebegini adalah tidak tepat. Usaha untuk melakukan penilaian keatas sesebuah hadith mestilah dilaksanakan oleh mereka yang benar-benar berkelayakan. Bukan sahaja dengan merujuk kepada kitab-kitab, tetapi kemampuan serta kefahaman yang luas untuk menghimpun kesemua jalur *isnād*, serta meneliti kesepakatan atau perbezaan diantara perawi-perawi yang meriwayatkan hadith yang dikaji itu. Ini kerana ia memberi kesan dalam membuat penilaian keatas riwayat tersebut. Begitu juga keperluan memiliki kepakaran untuk meneliti keadaan amalan dan fatwa sahabat atau perawi yang meriwayatkan hadith, kerana secara asasnya ia tidak boleh bercanggah

dengan riwayat yang dibawanya dari Rasul Allah s.a.w. kerana percanggahan itu boleh menjadi ‘*illah*<sup>1</sup> yang menyebabkan riwayat tersebut ditolak.

Penulis merasakan perlunya bagi penuntut ilmu hadith, khususnya bagi diri penulis sendiri mendapatkan contoh dan cara mempraktikkan kaedah-kaedah yang digunapakai oleh ahli hadith untuk menda’ifkan mana-mana riwayat. Oleh yang demikian, penulis cuba melakukan penyelidikan yang bertajuk “*Manhaj Taḍ’if al-Ḥadīth Ibn Hajar al-‘Asqalānī* Dalam Kitab *Talkhīs al-Habīr*” dengan usaha mendapatkan penyelesaian permasalahan berikut:

- 1- Sejauh manakah ketokohan Ibn Hajar dalam bidang hadith?
- 2- Sejauh manakah disiplin *muṣṭalah al-ḥadīth* dipraktikkan dalam kitab *Talkhīs al-Habīr*?
- 3- Apakah *manhaj* yang dipraktikkan oleh Ibn Hajar untuk menilai sesuatu riwayat hadith dalam kitab *Talkhīs al-Habīr*?

### **C. Objektif Dan Skop Kajian**

Secara umumnya, penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan *manhaj* yang dipraktikkan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī dalam menda’ifkan sesebuah hadith bagi manfaat bersama. Objektif kajian secara terperinci adalah untuk:

- I. Memperkenalkan disiplin ilmu hadith yang khusus berkaitan dengan *taḍ’if al-ḥadīth*.
- II. Mengemukakan sebab-sebab utama *taḍ’if* terhadap hadith-hadith yang dikumpul.
- III. Memperlihatkan ketelitian Ibn Hajar dalam proses penilaiannya keatas sesuatu riwayat hadith.

---

<sup>1</sup>‘*Illah* secara umum disisi ahli hadith bermaksud riwayat hadith itu ada kecacatan dan bantahan padanya. Adapun definisi khas tentang ‘*illah* atau *ma’lūl* adalah sebab yang sulit lagi tersembunyi yang membawa kepada bantahan terhadap kesahihan hadith itu, sedangkan secara zahirnya tidak kelihatan sebarang masalah. Lihat al-Ḥafīz Abū Muhammad ‘Abd al-Rahman bin Abī Hātim al-Rāzi, seterusnya disebut sebagai Ibn Abī Hātim al-Rāzi (2006), *Kitab al-‘Ilal*. Al-Riyāḍ, Muassasah al-Juraysī, h. 23 dan 27.

Bagi merealisasikan tujuan dan objektif yang dinyatakan tadi, penulis membuat penyelidikan berdasarkan skop berikut:

- I. Meneliti kemudian memilih sebahagian dari hadith-hadith yang dida'ifkan dalam kitab *al-Tahārah* dari kitab *Talkhīs al-Habīr*.
- II. Perbahasan hanya ditumpukan kepada *matn* hadith yang asal sebagaimana yang dinukil dari kitab *Sharh al-Kabīr*.<sup>1</sup>

#### D. Metodologi Kajian

Metodologi secara bahasa adalah perkaedahan.<sup>2</sup> Dalam bahasa Arab disebut sebagai *manhaj*, dan ia berasal dari kata kerja نَهَجَ - يَنْهَجُ - نَهَجٌ yang bermaksud jalan yang terang dan jelas.<sup>3</sup>

Firman Allah s.w.t :

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا

“...untuk tiap-tiap umat diantara kamu, kami berikan aturan dan jalan yang terang.”  
Sūrah al-Māidah (5): 48

Profesor Muhammad Rawās Qal'ah Jī mendefinisikan *manhaj* sebagai himpunan kaedah-kaedah yang diikuti oleh penyelidik dalam menyediakan penyelidikannya.<sup>4</sup> Adapun Dr. Uthman bin Ali Hassan mendefinisikannya sebagai jalan yang membawa kepada mengenali kebenaran sesuatu ilmu dengan perantaraan beberapa himpunan kaedah yang umum supaya mengawal peranan akal dan membataskan tugas-tugasnya sehingga tercapai suatu natijah.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Iaitu sebuah kitab fiqh madhhab al-Shāfi'ī karangan Imam Abū Qāsim 'Abd al-Karim bin Muhammad al-Rāfi'ī (wafat 623H). Lihat Shihāb al-Din Abī al-Faḍl Ahmad bin Ali al-'Asqalāni, seterusnya akan disebut sebagai al-'Asqalāni (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr*, “Mukadimah Pentahqiq”, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 61.

<sup>2</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2001), *Kamus Dwi Bahasa*, Kuala Lumpur, Bahasa Inggeris-Melayu, h. 759.

<sup>3</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu*, Kuala Lumpur. Kata kerja ن ه ج h. 2444.

<sup>4</sup> Muhammad Rawās Qal'ah Jī(1999), *Turuq al-Bahth fī al-Dirāsāt al-Islāmiyah*. Beirut: Dār al-Nafāis, h. 7.

<sup>5</sup> Uthman bin Ali Hassan (1995), *Manhaj al-Istidlāl 'alā Masāil al-I'tiqād 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, j.1. Al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, h. 20.

## E. Jenis Penyelidikan

Penyelidikan boleh dibahagikan kepada penyelidikan asas (*pure research*) dan penyelidikan gunaan atau (*applied research*). Secara ringkasnya penyelidikan asas adalah semata-mata untuk memahami subjek yang dikaji. Ia hasil rasa ingin tahu (*curiosity*) tentang perkara berkenaan. Penyelidikan gunaan pula bertujuan menghasilkan sesuatu yang boleh digunakan nanti.<sup>1</sup>

## F. Jenis Penyelidikan Berasaskan Tujuan Dan Kaedah

Penyelidikan boleh dibahagikan kepada berbagai-bagai jenis, iaitu penyelidikan sejarah, tinjauan, tindakan, kes, pembentukan teori, etnografi, hermenutik, huristik, perbandingan, penilaian, kemungkinan dan tekstual. Walau bagaimanapun, sesuatu penyelidikan boleh menepati lebih dari satu jenis.<sup>2</sup>

## G. Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam

Secara umumnya metodologi penyelidikan Islam adalah sama dengan metodologi penyelidikan Barat. Dalam Islam secara prinsipnya telah ada gesaan supaya penganutnya menjalankan penyelidikan dan menggunakan metodologi secara saintifik seperti pencarian dan pengesahan data dalam penyelidikan.<sup>3</sup>

Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ

مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - sebab kejahilan kamu mengenainya - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Sūrah al-Hujurāt (49): 6

<sup>1</sup> Lihat Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Kamil & Shakir Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor, h.25.

<sup>2</sup> Ibid., h.27.

<sup>3</sup> Lihat Ahmad Sunawari Long (2007), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h.15.

Ayat ini memberi panduan kepada kita tentang kepentingan meneliti sesuatu maklumat yang diambil, samada dari sudut sumber maklumat mahupun isinya. Apatah lagi maklumat yang diambil tadi kelak akan dijadikan hujah atau sandaran dalam menetapkan sesuatu hukum. Dengan mengambil sikap berhati-hati dan teliti mudah-mudahan keputusan yang dilahirkan itu tidaklah akan tersasar dari kebenaran.

## **H. Pengumpulan Data**

Data boleh dikategorikan kepada dua:

- I. Data kuantitatif iaitu data dalam bentuk angka seperti bilangan, kekerapan, pecahan dan juga peratus yang dihasilkan melalui kaedah yang melibatkan proses penghitungan seperti soalselidik dan observasi.<sup>1</sup>
- II. Data kualitatif iaitu data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenalpasti sesuai dengan keperluan kajian berkenaan.<sup>2</sup>

## **I. Penilaian Data**

Sumber data juga boleh dikategorikan kepada dua bahagian:

- I. Sumber primari seperti manuskrip, temubual, soal selidik dan sebagainya.<sup>3</sup>  
Kaedah ini juga digunapakai dalam pengumpulan data secara kajian lapangan (*fieldwork reseach*) yang popular dalam kajian sains sosial Barat hari ini, yang sebenarnya telah dibina oleh ulama' Islam termasuk teknik temubual dan observasi. Sebagai contoh, dalam metodologi periwayatan hadith, pengumpul hadith seperti al-Bukhārī dan Muslim dilakukan melalui kaedah temubual bagi meriwayat dan mengesahkan hadith. Peribadi perawi diperhatikan dan biodata mereka dikritik bagi mendapatkan hadith yang betul-betul sahih. Islam sangat

---

<sup>1</sup> Idris Awang (2009), op.cit., h.68.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid., h.94 -95.

prihatin terhadap prinsip kewujudan, kesahihan, kecukupan dan ketepatan data atau 4A (*Availability, Authencity, Adequacy* dan *Accuracy*).<sup>1</sup>

- II. Sumber sekunder yang merupakan bahan yang ada perantara di antara penulisnya dengan keadaan atau pengalaman yang menjadi subjek diperbincangkan seperti ulasan, makalah dan juga buku ilmiah.<sup>2</sup>

Dari aspek lain pula sumber boleh dilihat dari sudut keauthoritiannya seperti kitab-kitab *turāth* yang penulisnya diiktiraf zaman berzaman seperti al-Nawawi, al-Ghazali dan lain-lain. Demikian juga tulisan kontemporari yang dihasilkan oleh mereka yang telah menguasai sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Keilmuan mereka diiktiraf dan tulisan mereka menjadi rujukan oleh penuntut dalam bidang berkenaan.<sup>3</sup>

#### **J. Analisis Data**

Perbincangan di sini lebih tertumpu kepada proses analisis data kualitatif. Proses ini dikenali dengan kaedah umum induktif dan deduktif. Dalam pengajian Islam kaedah induktif dikenali sebagai *istiqrā'* manakala deduktif adalah *istinbāt*.<sup>4</sup>

Dalam proses mengumpul serta menganalisa data penyelidikan ini, penulis menggunakan metodologi kajian seperti berikut:

Penyelidikan ini adalah penyelidikan asas (*pure research*), yang mengadaptasikan kajian pembentukan teori sebagaimana dalam bab 1. Pengumpulan data pula secara kualitatif dengan menjadikan rujukan kitab-kitab *turāth* khususnya karangan Ibn Hajar sendiri dan penulisan kontemporari, sebagaimana dalam bab 1, 3 dan 4. Adapun dalam bab 2, penulis menerapkan kajian sejarah dan historiografi. Penulis juga mengaplikasikan kaedah induktif dan deduktif dalam menganalisa data maklumat yang dikumpulkan sebagaimana dalam bab 4 dan 5.

---

<sup>1</sup> Ahmad Sunawari Long (2007), op.cit., h.17.

<sup>2</sup> Idris Awang (2009), op.cit.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid., h.101.

## **K. Kajian Terdahulu**

Sememangnya kajian terhadap sumbangan ilmiah Imam Ibn Hajar al-‘Asqalānī telah banyak dilakukan dewasa ini. Perkara ini disebabkan ketokohan beliau yang mendapat pengiktirafan semenjak zamannya lagi hingga ke hari ini. Disini penulis menyenaraikan beberapa buah kajian ilmiah yang dikemukakan untuk mendapat ijazah doktor falsafah dan sarjana dari universiti yang berbeza.

1. Tesis bertajuk: “**Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Muṣannafātih wā Dirāsah fī Manhajih wā Mawāriḍih fī Kitābih al-Iṣābah**”. Oleh Shakir Mahmud ‘Abd al-Mun’im yang dikemukakan untuk mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti Baghdad. Kajian ini telah dicetak pertama kalinya oleh Muassasah al-Risālah pada tahun 1997/ 1417H.

Penyusunnya telah membahagikan kajian ini kepada empat bab, dan pada setiap bab ada fasal-fasal yang memperincikan lagi perbincangan bab itu. Pada bab yang pertama tumpuan perbincangan ialah kepada latar belakang Ibn Hajar, yang mana penyusun ini mengatakan beliau telah menggunakan sumber yang masih dalam bentuk manuskrip sebagai rujukannya. Pada bab kedua, perbincangan adalah sekitar kehidupan Ibn Hajar sebagai penyebar ilmu, *qāḍi* dan lain-lain. Pada bab ketiga penyusun mula membahaskan tentang kitab *al-Iṣābah* dengan memberi tumpuan kepada *manhaj* penyusunan kitab ini yang dikatakan amat berbeza dengan cara penyusunan kitab-kitab yang lain dan sumber-sumber rujukan yang diguna untuk menyusun kitab ini. Pada bab keempat penyusun membincangkan tentang kepentingan kedudukan kitab *al-Iṣābah* sebagai sumber penting bagi mendapat bibliografi para sahabat.



2. Disertasi bertajuk: **“Development of the Science of Hadith: An Analytical Study of Ibn Hajar’s Contribution to the Science of Hadith with Special Reference to His “Nukhbat Al-Fikr”**. Oleh Habeeb Rahman Ibramsa yang dikemukakan untuk mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti Temple pada tahun 1999.

Disertasi ini telah dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama adalah pendahuluan, bab kedua merangkumi perbincangan tentang latar belakang Ibn Hajar secara ringkas, begitu juga tentang sistem politik dan pendidikan pada zamannya. Bab ketiga perbincangan tentang sumbangan Ibn Hajar. Bab keempat adalah kajian tentang kritikan kepada *sanad*. Bab kelima membincangkan tentang kritikan kepada *matn* (*textual criticism*) dan bab keenam adalah kesimpulan dan rumusan disertasi.

3. Disertasi bertajuk: **“Manhaj al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-‘Asqalānī fī al-‘Aqīdah min Khilāl Kitābih Fath al-Bārī”**. Oleh Muhammad Ishaq Kindo yang dikemukakan bagi mendapat ijazah sarjana dari Kuliah Dakwah dan Usuluddin Universiti Islam Madinah. Kajian ini telah dicetak pertama kali oleh Maktabah al-Rushd, al-Riyāḍ 1998/ 1319H.

Penyusun membahagikan kajian ini kepada dua bab utama dan satu bab permulaan. Pada bab permulaan beliau membincangkan tentang latar belakang Ibn Hajar dan tentang kitab *Fath al-Bārī*. Pada bab pertama yang kemudiannya dibahagikan kepada lima fasal, perbincangan adalah sekitar definisi tauhid dan cara Ibn Hajar membincangkannya dan begitu juga cara perbincangannya berkaitan *al-rububiyah*, *al-asma’ wa al-sifat* serta *al-ulūhiyah*, *al-qaḍā’ wa al-qadar*, *al-tabarruk* dan perkara-perkara yang membatalkan tauhid. Pada bab kedua yang kemudiannya dibahagikan juga kepada lima fasal, perbincangan adalah sekitar cara perbincangan Ibn Hajar berkenaan iman, kedudukan para sahabat dan perbincangan bid’ah dan

golongan bid'ah. Akhirnya sebagai penutup penyusun membuat beberapa kesimpulan terhadap kajiannya.

4. Disertasi bertajuk: “**Usūl al-Fiqh min Fath al-Bārī Jam’an wa Dirāsatan wa Taqwīm**”. Oleh Muhammad Husain ‘Abd Abū Rahmat yang dikemukakan bagi mendapat ijazah sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1994.

Penyusun telah membahagikan penulisan ini kepada dua bab. Bab yang pertama membincangkan tentang manhaj Ibn Hajar dalam *Fath al-Bārī*. Terkandung dalam bab ini juga, biodata Ibn Hajar dan keadaan zamannya kemudian diikuti dengan pendahuluan perbincangan mengenai usaha Ibn Hajar dalam memberi khidmat kepada kitab Sahih al-Bukhārī. Seterusnya penyusun membincangkan tentang perbahasan *usūl al-fiqh* yang dibicarakan oleh Ibn Hajar dalam kitab ini. Adapun bab kedua, beliau membincangkan kupasan *usūl al-fiqh* Ibn Hajar serta faedah-faedahnya. Pada penutup, penyusun membentangkan keputusan kajian yang utama dan antaranya ialah terkandung dalam kitab ini banyak perbahasan ilmu *‘ulūm al-ḥadīth* dan *fiqh* serta *usul al-fiqh*, begitu juga tafsir serta riwayat-riwayat tarikh yang menjadikan kitab ini ibarat sebuah perpustakaan yang lengkap.

5. Disertasi bertajuk: “**Manhaj al-Ḥafīz Ibn Hajar fī Tahsīn al-Asānid (Dirasah Taṭbiqiyah) min Khilāl Kitāb Fath al-Bārī**”. Oleh Sāmih Fathi Dalūl yang dikemukakan bagi mendapat ijazah sarjana dari Universiti Islam Gaza pada tahun 2008.

Disertasi ini dibahagikan kepada tiga bahagian asas, iaitu: mukadimah, dua bab dan penutup. Pada mukadimah, penulisnya telah mengupas tentang kepentingan kajian, sebab pemilihan tajuk kajian, matlamat kajian, metode kajian dan susunan kajian. Pada bab yang pertama, penulisnya telah bahagikan kepada tiga fasal. Fasal pertama tentang latar belakang Ibn Hajar, fasal kedua tentang kitab *Fath al-Bārī* serta manhaj Ibn Hajar dalam menyusun kitab ini dan

fasal ketiga adalah perbahasan tentang hadith *hasan*. Pada bab kedua, penulis telah membentangkan kajian *manhaj* Ibn Hajar secara praktikal bagi menilai martabat hadith *hasan*. Beliau telah mengumpulkan sebanyak seratus lima puluh hadith yang telah dinilai oleh Ibn Hajar sebagai *hasan*.

6. Disertasi bertajuk: “**Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan Sumbangannya Kepada Hadith**”.

Tumpuan kepada kitabnya *Bulugh al-Marām*. Oleh Dr. Ishak bin Hj. Sulaiman yang dikemukakan untuk memenuhi keperluan bagi ijazah sarjana pada tahun 1996 Universiti Malaya.

Disertasi ini tertumpu kepada menzahirkan ketokohan Ibn Hajar yang mana penyusun telah membentangkan latar belakang Ibn Hajar dengan begitu terperinci dan turut diperkenalkan istilah-istilah yang digunapakai dalam ilmu hadith, kemudiannya beliau membincangkan tentang metode penyusunan kitab *Bulūgh al-Marām*.

7. Disertasi bertajuk: “**Manhaj al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-‘Asqalānī fī Naqd al-Asānīd (Dirāsah Taṭbiqiyah min Khilāl Kitab Talkhīs Al-Habīr ‘alā Ruwāh al-Kutub al-Sittah)**”. Oleh Samihah Hasan Ali al-Aswad yang dikemukakan bagi mendapat ijazah sarjana dari Universiti Islam Gaza pada tahun 1999.

Tajuk disertasi ini penulis temui dalam senarai kajian tesis ijazah tinggi Universiti Islam Gaza bertarikh 8/10/2008 melalui laman web [www.iugaza.edu](http://www.iugaza.edu) yang dilayari pada 29/6/2009, tetapi ianya sekadar tajuk kajian dan penulis tidak dapat meneliti kajian ini secara terperinci.

Secara umumnya, seperti kajian-kajian yang dinyatakan tadi, disertasi yang cuba penulis lakukan ini juga berusaha menonjolkan ketokohan Imam Ibn Hajar. Adapun secara khusus terdapat beberapa asas perbezaan diantara disertasi ini dan yang disebutkan diatas:

- I. Disertasi ini memberi tumpuan kepada metode *tad'if al-ḥadīth* secara umum dan cara yang dipraktikkan oleh Ibn Hajar secara khusus.
- II. Tumpuan kajian adalah kepada kitab *Talkhīs al-Habīr*. Sebuah kitab *takhrij al-ḥadīth* yang sangat masyhur dikalangan penuntut ilmu dan ulama'.
- III. Disertasi ini tidak membincangkan tentang perihal akidah, fiqh, tarikh dan sebagainya melainkan ia ada kaitan dan kesan terhadap proses penilaian keatas sesuatu riwayat.

Di akhir kajian ini, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan yang dirasakan munasabah dalam perbincangan tajuk ini.



## **L. Susunan Penulisan**

Untuk mencapai matlamat di atas, kajian ini adalah mengikut tahap-tahap penyelidikan seperti berikut:

### **PENDAHULUAN**

- A. Latar belakang Masalah
- B. Pernyataan Masalah
- C. Objektif Dan Skop Kajian
- D. Metodologi Kajian
- E. Jenis Penyelidikan
- F. Jenis Penyelidikan Berasaskan Tujuan Dan Kaedah
- G. Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam
- H. Pengumpulan Data
- I. Penilaian Data
- J. Analisis Data
- K. Kajian Terdahulu
- L. Susunan Penulisa

## **BAB 1: MANHAJ DAN TEORI *TAD'IF AL-ḤADĪTH***

### 1.1 Definisi Hadith *Ḍa'īf*

### 1.2 *Tad'if al-Ḥadīth*

1.2.1 *Tad'if al-ḥadīth* disebabkan *sanad*

1.2.2 *Tad'if al-ḥadīth* disebabkan *matn*

### 1.3 *Ḍa'īf Mujbar*

### 1.4 *Ghayr Mujbar*

### 1.5 Kewujudan Hadith *Ḍa'īf* Dalam Himpunan Kitab Induk Hadith

### 1.6 Hukum Beramal Dengan Hadith *Ḍa'īf*

### 1.7 Hukum Meriwayatkan Hadith *Ḍa'īf*

## **BAB 2**

### **SUMBER RUJUKAN HADITH *ḌA'ĪF* DAN METODOLOGI PENULISANNYA**

2.1 Pendahuluan

2.2 Sumber Rujukan Hadith *Ḍa'īf* Dan Metodologi Penulisannya

## **BAB 3**

### **BIODATA IBN HAJAR AL- 'ASQALĀNI DAN PENGENALAN KEPADA KITAB TALKHĪS AL-ḤABĪR**

2.1 Nama Dan Latar belakangnya

2.2 Rehlah Menuntut Ilmu

2.3 Para Guru Dan Pelajarnya

2.4 Pengiktirafan Keatas Ibn Hajar

2.5 Karya Ilmiah Yang Dihasilkan

2.6 Tarikh Wafat

2.7 Ilmu *Takhrij* Suatu Pengenalan

2.8 Metode Penugasan *Takhrij*

2.9 Kitab *Talkhīs al-Ḥabīr*

## **BAB 4: *TAD'IF AL-ḤADĪTH* DALAM KITAB *TALKHĪS AL-HABĪR***

Pendahuluan

Contoh Praktikal:

- *Matn* Hadith.
- *Takhrij al-Ḥadīth*.
- Gambarajah *Sanad*.
- Sebab Dan Metode *Tad'if*.
- Ulasan dan Komentari

## **BAB 5: PENUTUP, RUMUSAN DAN SARANAN**

## BAB 1

### MANHAJ DAN TEORI TAḌ'IF AL-ḤADĪTH

#### 1.1 Definisi Hadith *Ḍa'if*

##### 1.1.1 Pada Bahasa

Menurut bahasa Arab perkataan *Ḍa'if* ialah kata lawan bagi perkataan kuat<sup>1</sup>.

##### 1.1.2 Pada Istilah

Imam Ibn Hajar mengistilahkan hadith *Ḍa'if* sebagai setiap hadith yang tidak terhimpun padanya sifat-sifat *qabūl* (diterima).<sup>2</sup>

Imam al-Suyūṭī<sup>3</sup> berpendapat definisi ini lebih tepat dari definisi Imam Ibn Ṣalāh<sup>4</sup> yang mengatakan hadith *Ḍa'if* ialah semua hadith yang tidak terhimpun padanya sifat hadith sahih dan hadith *hasan*.<sup>5</sup> Ini kerana setiap hadith yang tidak memiliki sifat hadith yang sahih tidak semestinya *Ḍa'if*, bahkan martabatnya diturunkan kepada *hasan*. Mungkin kalau diringkaskan dengan mengatakan hadith *Ḍa'if* ialah hadith yang tidak terhimpun padanya sifat hadith *hasan* adalah lebih tepat.<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Zayn al-Din Muhammad bin Abī Bakar bin 'Abd al-Qādir al-Rāzi (1994), *Mukhtār al-Sihāh*. Beirut: Muassasah al-Risālah, kata kerja *ضعف*, h. 381.

<sup>2</sup> Al-'Asqalāni (2003), *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn Ṣalāh, Tahqiq wa Dirāsah* Dr.Rabī' bin Hādi Umayr al-Madkhalī, j.1. T.T.P: Maktabah al-Furqān, h. 321.

<sup>3</sup> Beliau ialah Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin al-Kamāl Abī Bakr al-Suyūti, tokoh dalam pelbagai bidang dan banyak menghasilkan penulisan. Meninggal pada tahun 911H. Lihat Khayr al-Din al-Zirkali, seterusnya disebut sebagai al-Zirkali (1999), *al-A'lām*, juz.3. Beirut: Dār al-'Ilmī Li al-Malāyīn, h.301.

<sup>4</sup> Beliau ialah Abū 'Amrū Uthmān bin Ṣalāh al-Din bin 'Abd al-Rahman bin Uthmān al-Kurdī al-Shahrazūrī, seorang tokoh dibidang hadith serta alim dibidang usul dan fiqh al-Shāfi'i. Meninggal pada 643H. Lihat Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhāwī, seterusnya akan disebut sebagai al-Sakhāwī(1999), *al-Mutakallimūn fī al-Rijāl*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyah, no. 163, h. 125.

<sup>5</sup> Imam Abū 'Amru Uthmān bin 'Abd al-Rahman al-Shahrazūrī, seterusnya akan disebut sebagai Ibn Ṣalāh (1984), *'Ulūm al-Ḥadīth li Ibn al-Ṣalāh*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 41.

<sup>6</sup> Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abī Bakr al-Sayūṭī, seterusnya akan disebut sebagai al-Suyūṭī (t.t) *Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 91.

### 1.1.3 Syarat-syarat *Qabūl* Hadith

Sesuatu riwayat agar diterima sandarannya kepada Nabi s.a.w baik sebagai perkataan atau perbuatan mahupun sebagai *taqrīr* dari baginda, perlu terlebih dahulu disaring melalui proses yang teliti. Proses ini menurut Dr. Hamzah al-Milyabāri perlu melalui empat peringkat:<sup>1</sup>

**Yang Pertama:** Ilmu *al-Riwāyah*- iaitu bagaimana sesuatu riwayat itu diambil, ditulis dengan tahap ketelitian dari sudut baris bacaan dan hurufnya. Ini bertujuan agar sebutannya betul , kerana kecuaiian ini boleh mengubah makna riwayat tersebut. Termasuk juga proses penelitian dalam ilmu ini berkaitan dengan bagaimana riwayat itu disampaikan kepada orang yang lain.<sup>2</sup>

**Yang Kedua:** Kaedah *tashih* dan *taḍ'īf* – hujah-hujah akan dikemukakan bagi membuktikan keadaan riwayat ini samada boleh disandarkan kepada Nabi s.a.w ataupun tidak.<sup>3</sup>

**Yang Ketiga:** Ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl*- perbahasan khusus tentang keadaan perawi-perawi hadith, dari sudut *ṭabaqah* mereka, iaitu adakah mereka itu golongan sahabat, atau *tābi'in* atau *tābi' al-tābi'in* dan seterusnya. Turut diperbincangkan dalam ilmu ini perbahasan *'adālah* dan *ḍābit* para perawi dan lain-lain yang berkisar tentang samada mereka ini boleh dipercayai atau sebaliknya.<sup>4</sup>

**Yang Keempat:** *Fiqh al-Ḥadīth*- Ilmu *nāsikh* dan *mansūkh*, *mushkil* dan *muhkam al-ḥadīth*, *gharīb al-ḥadīth* dan sebab *wurūd al-ḥadīth*.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Hamzah 'Abd Allah al-Milyabari (2003), *'Ulūm al-Hadīth fī Taḥqīqāt al-Muhaddithīn al-Nuqāt*, Dār Ibn Hazm, Beirut-Lubnan, h.16.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid., h.17.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid., 17-18.



Penulis mengatakan sebagai kesimpulan dari proses ini, maka lahirlah garis panduan *qabūl* sesuatu riwayat seperti berikut:

- I. Bersambung sanadnya, yang mana setiap perawi diyakini mendengar dari perawi yang terdahulu darinya sehingga sampai kepada sahabat yang meriwayatkan sabda Nabi s.a.w.<sup>1</sup>
- II. Setiap perawi mesti memiliki sifat ‘*adālah*, iaitu kekuatan iman yang menjadikan seseorang melazimi ketakwaan dan meninggalkan perkara-perkara yang fasik serta amalan yang tidak berakhlak. Perawi mestilah beragama Islam, baligh, berakal dan bertakwa. Semua ini hendaklah disabitkan dengan nas atau dengan dua saksi yang adil ataupun dengan kemasyhuran perawi.<sup>2</sup>
- III. Setiap perawi mestilah memiliki kekuatan *ḍabit*, iaitu kemampuan yang baik untuk menghafal dan menjaga dari melakukan kesilapan terhadap riwayat yang disampaikan.<sup>3</sup>
- IV. Riwayat itu mestilah tidak *shādh*, iaitu perawi yang *thiqah* (dipercayai) menyalahi riwayat perawi yang lebih *thiqah* darinya.<sup>4</sup> Syarat ini melazimi *sanad* dan *matn*.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Ali Qāsim al-‘Umari (2000), *Dirāsāt fī Manhaj al-Naqd ‘inda al-Muḥaddithīn*. Jordan: Dār al-Nafāis, h. 311.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Menurut Ibn Ṣalāh jika perawi bersendirian membawa sesuatu riwayat, maka perlulah diteliti dahulu. Sekiranya perawi ini menyalahi riwayat mereka yang lebih mantap hafazan dan *ḍabit* darinya, maka riwayatnya itu *shādh* dan ditolak. Adapun jika perawi bersendirian membawa riwayat yang tidak menyalahi riwayat-riwayat yang lain sedangkan riwayat itu tidak ada perawi yang lain meriwayatkannya, maka perlu diselidiki. Jika perawi seorang yang memiliki ‘*adālah*, baik hafazan serta *thiqah* lagi mantap *ḍabit*nya, maka diterima riwayat ini dan tiada kritikan bersendirian dia dalam membawa riwayat ini. Sebaliknya jika perawi yang bersendirian ini tidak memiliki kriteria yang dinyatakan tadi, maka riwayatnya perlu diketepikan sebagai riwayat yang sah. Lihat Ibn Ṣalāh (1984), ‘*Ulūm al-Ḥadīth li Ibn al-Ṣalāh*. Op.cit., h.79. Shaykh ‘Amru ‘Abd al-Mun’im Salim mendefinisikan riwayat *shādh* sebagai perawi yang memiliki sifat *ḍabit* menyalahi mereka yang lebih mantap sifat *ḍabit* darinya atau riwayat yang dibawa secara bersendirian oleh perawi yang tidak memiliki kekuatan sehingga boleh diterima riwayatnya jika bersendirian, seperti perawi *thiqah* tetapi *matn* riwayat yang dibawa *munkar*, atau bersendirinya seorang perawi membawa riwayat yang diambil dari seorang tokoh hadith yang besar sedangkan murid-muridnya yang rapat tidak berkongsi membawa riwayat itu. Lihat ‘Amru ‘Abd al-Mun’im Salim (1997), *Taysīr ‘Ulūm al-Ḥadīth li al-Mubtadiin*. Al-Qāherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, h.80.

<sup>5</sup> Muhammad Ali Qāsim al-‘Umari (2000). Op.cit., h. 311.

V. Hendaklah riwayat itu tidak *mu'allah*, iaitu tiada kecacatan tersembunyi lagi tercela yang menurunkan kedudukan sesuatu hadith hingga menjadi *da'if*.<sup>1</sup>

Adakalanya lima syarat yang disebutkan ini ditambah satu lagi, iaitu apabila ulama' bersepakat menerima dan mengamalkan sesuatu hadith walaupun tidak memenuhi lima syarat tadi, seperti perawi kurang mantap dabitnya.<sup>2</sup>

## 1.2 Konsep Dan Pembahagian Taḍ'if al-Ḥadīth

Penilaian keatas seseorang perawi samada *thiqah* ataupun tidak, dan juga kedudukan sesebuah hadith sama ada sahih ataupun *da'if*, adalah natijah dari suatu ijthad oleh mereka yang benar-benar berkeahlian. Imam Ibn Taymiyyah mengatakan,<sup>3</sup>

“...Maka ketahuilah tiada seorang pun dari imam-imam yang diakui secara umumnya oleh umat Islam sengaja menyalahi sunnah Rasullullah s.a.w dengan cara sembunyi mahupun secara terang-terangan, akan tetapi sekiranya terdapat pandangan salah seorang dari mereka yang berbeza dengan hadith yang sahih, maka sudah pasti dia memiliki keuzuran yang tertentu...”<sup>4</sup>

Katanya lagi; “Meyakini akan da'ifnya hadith tertentu adalah dengan cara ijthad. Mungkin seorang ulama' menilai perawi tertentu itu *da'if*, sedangkan ulama' yang lain menilai perawi yang sama tadi *thiqah*. Perlu diketahui bahawa pengetahuan tentang kedudukan hal seseorang perawi merupakan suatu medan ilmu yang luas dan ulama' dalam bidang ini dari sudut bersepakat dan ikhtilaf sama juga dengan ulama'

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Beliau ialah Abū al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salām, Ibn Taymiyyah al-Harrāni al-Dimashqī. Meninggal pada 728H. Lihat al-Sakhāwī (1999), op.cit., h.129.

<sup>4</sup> Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah (1988), *Raf' al-Malām 'an al-Aimmah al-A'lām, Tahqiq wa Takhrīj* Husayn al-Jamal. Al-Qāherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, h. 22.

dalam bidang-bidang ilmu yang lain.”<sup>1</sup> Imam al-Tirmidhī<sup>2</sup> mengatakan; “Para ulama’ telah berbeza pendapat dalam menda’ifkan seseorang perawi sebagaimana wujudnya perbezaan pendapat dalam pelbagai bidang ilmu yang lain. Dikatakan bahawa Imam Shu’bah<sup>3</sup> telah menda’ifkan perawi yang bernama Abū Zubayr al-Makki,<sup>4</sup> ‘Abd al-Malik bin Abū Sulayman<sup>5</sup> dan Hakim bin Jubayr,<sup>6</sup> tetapi beliau menerima periwayatan dari perawi yang lebih lemah hafalan dan ‘adālah seperti Jābir al-Ju’fi,<sup>7</sup> Ibrahim bin Muslim al-Hajari<sup>8</sup> dan Muhammad bin ‘Ubayd Allah al-‘Arzami,<sup>9</sup> yang mana mereka ini pula dinilai *ḍa’if* oleh sebahagian ahli hadith yang lain.”<sup>10</sup>

Di sini penulis cenderung kepada kefahaman, sekiranya terdapat hadith yang disepakati *ḍa’if* oleh para ulama’ hadith yang muktabar, bolehlah secara terang-terangan kita mengatakan bahawa hadith tersebut *ḍa’if*. Jika sekiranya terdapat perbezaan dalam menilai kedudukan hadith itu, yang mana belum dikenal pasti penilaian manakah yang *rājih*,<sup>11</sup> maka sepatutnya kita menyandarkan penilaian *ḍa’if* kepada ulama’ yang menda’ifkannya sahaja. Contoh dengan mengatakan hadith ini dida’ifkan oleh imam fulan atau yang lainnya. Tujuannya ialah supaya tidak berlaku kekeliruan dan keterlampauan dalam membantah

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 34.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, penyusun kitab *al-Jāmi’* yang terkenal. Meninggal pada 279H. Lihat Bashār Ma’rūf dan Shu’ib al-Arnaūṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, j.3. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 302.

<sup>3</sup> Beliau ialah Shu’bah bin al-Hajjāj dari golongan pengikut *tābi’in* yang besar. Meninggal pada 160H di Basrah. Ahmad Fāiz al-Humshī (1992), *Tahdhīb Siyr A’lām al-Nubalā’*, j.1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 257.

<sup>4</sup> Namanya ialah Muhammad bin Muslim bin Tadrus dari golongan selepas peringkat pertengahan *tābi’in*. Meninggal pada 126H. Lihat Abū al-‘Ula Muhammad bin ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim al-Mubārakfūrī, seterusnya disebut sebagai al-Mubārakfūrī (2001), *Shifā’ al-Ghulal fī Sharh Kitāb al-‘Ilal*, dicetak pada hujung kitab *Tuhfah al-Ahwaḍhī bi Sharh Jāmi’ al-Tirmidhī*, j.10. Beirut: Dār al-Ihyā’ al-Turāth al-Arabī dan Muassasah al-Tārikh al-Arabī. h. 470.

<sup>5</sup> Dari golongan *tābi’in* yang kecil. Ayahnya bernama Maysarah. Meninggal pada 145H. Ibid., 471.

<sup>6</sup> Merupakan perawi bagi kitab *al-Sunan al-Arba’ah*, dinilai *ḍa’if* dan dilemparkan tuduhan sebagai *tashayyu’* (cenderung kepada madhhab syiah) Ibid.

<sup>7</sup> Perawi yang sangat *ḍa’if* dan seorang *Rāfiḍi*. Ibid.

<sup>8</sup> Imam al-Nasāi dan yang lain menda’ifkan beliau. Ibid.

<sup>9</sup> Perawi yang *matruk* (ditinggalkan riwayatnya) Ibid.

<sup>10</sup> Ibid., h. 470-471.

<sup>11</sup> Iaitu pendapat yang lebih kuat. Lihat Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu*. Op.cit., perkataan *الراجح*, h.860.

golongan yang mengamalkan hadith tersebut, yang mereka yakini ianya sahih berdasarkan kepada ijtihad ulama' yang lain.

Dari sudut kelayakan ijtihad bagi menilai keadaan sesuatu riwayat hadith, penulis menyokong penuh apa yang dinyatakan oleh tiga tokoh ulama' hadith yang mutakhir iaitu Imam Ibn Kathīr, Ibn Hajar dan al-Sakhāwi yang menyatakan bahawa mereka iaitu ulama' hadith yang terdahulu wajar diberi kepercayaan penuh terhadap penilaian mereka kerana pengetahuan mereka yang amat mendalam serta kajian yang amat luas begitu juga kepakaran dalam bidang periwayatan, ditambah pula dengan sifat benar dan amanah serta pegangan agama yang baik.<sup>1</sup>

#### 1.2.1 *Taḍ'if al-Ḥadīth* Disebabkan *Sanad*

Para ahli hadith menetapkan bahawa *taḍ'if al-ḥadīth* berlaku samada disebabkan kecacatan pada *sanad* atau pada *matn*, ataupun pada kedua-duanya sekali.

- *Sanad* menurut bahasa Arab ialah sesuatu yang dapat dijadikan sandaran.<sup>2</sup>
  - Menurut istilah pula, *sanad* ialah *salsilah* perawi yang menukilkan sesuatu riwayat dari seorang ke seorang yang lain hingga sampai kepada perawi khabar yang asal.<sup>3</sup>
- Ahli hadith juga menggunakan kalimah *isnād* yang disamaertikan dengan *sanad*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat al-Milyabari (2003), op.cit., h 12-13 yang saya nukilkan secara kesimpulan.

<sup>2</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006) *Kamus Besar Arab – Melayu*. Op. cit, kata kerja سن ن د , h. 1191.

<sup>3</sup> Nur al-Din 'Etr (1997), *Manhaj al-Naqd fī Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 344.

<sup>4</sup> Mahmud al-Ṭahhān (1985), *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. T.T.P: Maktabah al-Haramayn, h.16.

Pada peringkat awal Islam, *sanad* atau *isnād* tidak dipersoalkan. Masalah timbul setelah berlakunya fitnah pembunuhan Saydina Uthman bin Affan r.a pada tahun 36H dan pembunuhan al-Husain bin Ali r.a pada tahun 61H. Peristiwa ini telah membawa kepada munculnya kelompok ahli politik yang cuba mempergunakan hadith sebagai jalan meraih sokongan, bahkan mereka juga turut merekacipta hadith palsu.<sup>1</sup> Kemunculan kelompok ahli kalam seperti lain-lain juga terlibat dalam jenayah merekacipta hadith palsu. Berkata Muharraz Abū Rajā' yang telah bertaubat dari madhhab *al-Qadariyah*,<sup>2</sup> "Jangan kamu mengambil sebarang riwayat dari kelompok ahli *al-Qadariyah*, demi Allah kami merekacipta hadith-hadith palsu dan menyebarkannya kepada masyarakat..."<sup>3</sup> Fenomena ini telah menyumbang lahirnya ketelitian terhadap *sanad* dan perawi setiap hadith sebagai suatu mekanisme penting bagi memastikan ketulenan sesuatu riwayat.

Imam Ibn Sirīn mengatakan;<sup>4</sup> "Mereka tidak pernah mempersoalkan tentang *isnād*, tetapi apabila berlakunya fitnah maka mereka berkata; namakan kepada kami perawi kamu, maka dinilai dan diambil riwayat dari ahli sunnah dan ditolak riwayat dari ahli bid'ah."<sup>5</sup> Abū al-Āliyah Rufay' bin Mihrān al-Riāhi al-Baṣri mengatakan,<sup>6</sup> "Kami mendengar riwayat tentang sahabat Rasulullah s.a.w sedangkan kami di Basrah, maka tiadalah kami redha melainkan kami menunggang kenderaan pergi ke Madinah dan mendengar sendiri dari mulut mereka."<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Ali Mustafa Yaqub (2004), *Kritik Hadis*. Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 3- 4.

<sup>2</sup> *al-Qadariyah* adalah golongan yang mengatakan bahawa manusia ini bebas secara mutlak menentukan *iradah* mereka, manakala *al-Mujassimah* adalah golongan yang menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk. Lihat Akram Ḍiyā' al-'Umari (1983), *Buhūth fī al-Sunnah al-Musharrafah*. Al-Madīnah Al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, h. 32.

<sup>3</sup> Ibid, h. 31-32.

<sup>4</sup> Beliau ialah Abū Bakr Muhammad bin Sirīn dari golongan pertengahan *tābi'in*. Meninggal pada 110H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 95.

<sup>5</sup> Muslim bin al-Hajjāj (2000), *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam al-Nawawī*, j.1, "Mukadimah, Bāb Bayān anna al-Isnād min al-Dīn", no. 27. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 243.

<sup>6</sup> Tergolong dikalangan *tābi'in* yang besar. Meninggal pada 90H, ada yang mengatakan 93H, atau selepas itu. Lihat Bashār Ma'rūf dan Shu'ib al-Arnaūṭ (1997), j.1. Op.cit., h. 405.

<sup>7</sup> 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah, seterusnya akan disebut sebagai Abū Ghuddah(1417H), *Lamahāt min Tārikh al-Sunnah wa 'Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiah, h. 138.

Imam ‘Abd Allah ibn al-Mubārak<sup>1</sup> mengatakan, “Sekiranya tanpa *isnād*, nescaya berkatalah sesiapa pun apa yang dia suka.”<sup>2</sup> Menurut Imam Abū Hātim Muhammad bin Idris al-Rāzi,<sup>3</sup> “Tidak terdapat umat yang sebelumnya semenjak Allah ciptakan Adam a.s yang amanah dalam memelihara warisan para rasul melainkan umat ini.”<sup>4</sup>

Oleh kerana itu keaslian kitab-kitab yang diturunkan kepada umat yang terdahulu sudah hilang dan tidak lagi boleh dipertanggungjawabkan sebagai wahyu. Sebaliknya ia hanyalah ajaran-ajaran palsu dari para pendusta yang mendakwa itu adalah ajaran para nabi mereka. Seandainya umat Islam tidak memiliki sistem *sanad*, tentulah *al-qurān* dan *al-ḥadīth* Nabi s.a.w mengalami nasib seperti ajaran nabi-nabi yang sebelumnya.<sup>5</sup>

## 1.2.2 *Taḍ’if* keatas *sanad* terbahagi kepada dua:

### 1.2.2.1 Bahagian yang pertama: *Tajrīh* Ke atas Perawi.

Sabitnya *tajrīh*<sup>6</sup> keatas perawi dapat dikategorikan kepada empat bahagian yang asas:

#### a. *Jahālah* Perawi:

Yang dimaksudkan dengan *jahālah perawi* ialah perawi yang tidak diketahui secara pasti kedudukan dirinya dari sudut *ta’dīl* dan *tajrīh*. Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar mengatakan ia berlaku dengan dua sebab:

- i. Perawi yang memiliki banyak sifat atau nama atau gelaran atau pekerjaan atau nasab, yang mana dia masyhur dengan salah satu daripada itu, tetapi

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd al-Rahman ‘Abd Allah bin Mubārak al-Marwazī, Meninggal pada 181H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 99.

<sup>2</sup> Abū Ghuddah (1417H), *Lamahāt min Tārīkh al-Sunnah wa ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Op. cit. , h. 140.

<sup>3</sup> Merupakan imam yang hebat dalam bidang hadith yang seangkatan dengan al-Bukhārī dan Muslim. Meninggal pada 277H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 107.

<sup>4</sup> Abū al-Hasanāt Muhammad ‘Abd al-Hay al-Laknawī al-Hindī, seterusnya akan disebut sebagai al-Laknawī (1997), *Al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-Asilah al-‘Asharah al-Kāmilah*. Al-Qāherah: Dār al-Salām. h.23.

<sup>5</sup> Ali Mustafa Yaqub (2004). Op. cit. , h. 98

<sup>6</sup> Kritikan keatas *‘adālah* dan *ḍabit* seorang perawi. Lihat Nur al-Din ‘Etr (2001), *Usūl al-Jarh wa al-Ta’dīl wa ‘Ilm al-Rijāl*. Dimashq: Dār al-Farfūr, h.7.

dia telah dinamakan atau disifatkan dengan sesuatu yang dia tidak masyhur dengannya. Oleh sebab demikian dia disangkakan seorang yang lain, maka berlakulah *jahālah* terhadap perawi ini.

Contoh: *مُحَمَّدُ بْنُ السَّائِبِ بْنِ بَشْرِ الْكَلْبِيِّ* terdapat sebahagian mereka yang menasabkannya kepada datuknya, dengan menamakannya *مُحَمَّدُ بْنُ بَشْرِ* sebahagian yang lain menamakannya *حَمَّادُ بْنُ السَّائِبِ*. Ada juga yang menggelarkannya dengan *أَبُ النَّضْرِ*, yang lain pula dengan *أَبُ سَعِيدٍ*, dan ada juga yang menggelarkannya dengan *أَبُ هِشَامٍ*.

Oleh yang demikian, timbullah sangkaan bahawa kesemua nama perawi tadi merupakan orang yang berbeza, walhal dia adalah perawi yang sama.<sup>1</sup> Kesimpulan dari contoh ini, berlakulah *jahālah*, yang mana perawi tidak dapat dikenal pasti dalam sanad tersebut. Dengan berlakunya *jahālah*, maka sanad riwayat itu akan terjejas.


- ii. Perawi merupakan seorang yang tidak banyak meriwayatkan hadith, maka tidak ramailah murid yang mengambil riwayat darinya. Ini menyumbang berlakunya *jahālah* terhadap perawi ini.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Al-‘Asqalāni (1993), *Nuzhah al-Nadhar fī Tawqīh Nukhbah al-Fikar*, Tahqiq Nur al-Din ‘Etr. Beirut: Dār al-Khayr, h. 97-98.

<sup>2</sup> Ibid.

Ibn Hajar kemudiannya membahagikan *jahālah* kepada *jahālah al-‘ayn* dan *jahālah al-hāl (al-mastūr)*.<sup>1</sup>



- *Jahālah al-‘Ayn* ialah perawi yang diketahui namanya tetapi hanya memiliki seorang murid yang mengambil riwayat darinya sedangkan dia tidak dithiqahkan. Sekiranya tidak diketahui namanya, maka ia digelar *mubham*, seperti berkata seorang murid أَخْبَرَنِي فَلَانَ (telah memberitakan kepadaku fulan), atau أَخْبَرَنِي شَيْخًا (telah memberitakan kepadaku shaykh).

Riwayat yang sebegini ditolak, sekali pun murid ini mendakwa shaykhnya *thiqah*, seperti berkata: أَخْبَرَنِي بَقَّةً (telah memberitakan kepadaku seorang yang *thiqah*). Ini kerana mungkin penilaian *thiqah* tadi hanya mengikut pendapat muridnya, sedangkan disisi ulama’ yang lain, tidak begitu.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Ibid., h. 99

<sup>2</sup> Ibid., h. 100.



➤ *Jahālah al-Hāl* atau *al-Mastūr* ialah perawi yang diambil riwayat darinya oleh dua orang murid atau lebih, sedangkan dia tidak dithiqahkan. *Sanad* yang memiliki perawi sebegini, tidaklah secara mutlak ditolak ataupun diterima, malah ia bergantung kepada munculnya petunjuk yang dapat menerangkan keadaan halnya.<sup>1</sup> Imam Ibn Hibbān<sup>2</sup> berpendapat sekiranya perawi yang telah dinafikan baginya *jahālah al-‘ayn*, maka sabitlah baginya sifat ‘*adālah* selagi mana tidak nyata berlakunya *tajrīh* keatasnya. Ini juga merupakan madhhab gurunya Imam Ibn Khuzaymah.<sup>3</sup> Pendapat ini telah dibantah oleh Ibn Hajar dengan mengatakan, sekiranya ternafi *jahālah al-‘ayn* keatas perawi, maka *jahālah al-hāl* masih berlaku, yang mana keadaan ‘*adālah* dan *ḍabit* perawi itu masih tidak diketahui.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū Hātim Muhammad bin Hibbān bin Ahmad bin Hibbān al-Busti. Meninggal pada 354H. Lihat al-Sakhāwī(1999). Op.cit., h.111. Ibn Hibbān disebut sebagai seorang yang *mutasāhil* (memperudahkan) memberi penilaian *thiqah* keatas seseorang perawi. Mengikut penelitian Shaykh ‘Abd al-Rahman bin Yahya al-Mu‘allimī, dakwaan ini bukanlah secara mutlak. Ini kerana penilaiannya untuk thiqahkan perawi berlaku mengikut lima peringkat:

a. Beliau secara jelas mengatakan perawi itu mantap ( كان متقناً ).

b. Perawi itu merupakan antara guru-guru yang beliau bergaul dengan mereka dan mengetahui keadaan mereka.

-Penilaian *thiqah* keatas perawi mengikut peringkat a & b adalah berdasarkan pengetahuan keadaan perawi dan cara ini tidak kurang samanya dengan cara imam-imam yang lain, bahkan adakalanya lebih mantap dari sebahagian yang lain.

c. Perawi merupakan mereka yang dikenali dengan banyak meriwayatkan hadith.

- Memberi penilaian *thiqah* dengan cara begini, boleh diterima ( مقبولاً ).

d. Menurut cara percakapannya, beliau mengenali perawi dengan baik.

- Memberi penilaian *thiqah* dengan cara begini, dikatakan *ṣāleḥ* (baik).

e. Memberi penilaian *thiqah* kepada perawi yang tidak sebagaimana peringkat “a-d”. Maka peringkat inilah yang tidak dijamin berlakunya kesalahan. Lihat ‘Abd al-Rahman bin Yahya al-Yamānī al-Mua‘allimī (1986), *al-Tankīl bi Mā fī Ta’rīb al-Kautharī mina al-Abāṭīl*, juz.2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 669.

<sup>3</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ishāq bin Khuzaymah. Meninggal pada 311H. al-Sakhāwī (1999), op.cit., h 110.

<sup>4</sup> Al-‘Asqalānī (1996), *Lisān al-Mīzan*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h.107.

❖ **Garis Panduan *Jahālah* Perawi.**

- Ikhtilaf ulama' dalam menerima *jahālah* perawi hanya khusus keatas mereka yang bukan sahabat r.a, kerana semua sahabat r.a bersifat '*adālah*'.<sup>1</sup>
- *Jahālah* perawi ada beberapa peringkat:
  - a) Golongan *tābi'in* yang besar dan pertengahan diterima riwayat mereka selagi tidak bercanggah dengan perbahasan usul atau tidak berlaku kecatatan pada lafaz bahasa Arab. Sekiranya *jahālah* perawi itu merupakan pengikut *tābi'in* atau golongan yang selepas mereka, maka riwayat itu menjadi lebih *ḍa'īf* apatah lagi sekiranya perawi itu bersendirian. Adapun jika bersendirian perawi yang mantap ( *الأُتْبَاتُ* ), segolongan ulama' seperti Imam al-Nasāi<sup>2</sup> dan Ibn Hibbān berhujah dengan mereka.<sup>3</sup>
  - b) Bagi perawi yang *mubham* atau diketahui namanya tetapi dia tidak dikenali, sekiranya di zaman *tābi'in* atau kurun yang disaksikan bagi mereka kebaikan (*salaf al-ṣāleh*), boleh dijadikan sebagai riwayat sokongan ( *يُسْتَأْنَسُ بِرِوَايَتِهِ* ) pada keadaan tertentu, sebagaimana keadaannya dalam Musnad Imam Ahmad dan lain-lain.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat Dr.'Abd al-Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Abd al-Latif, seterusnya akan disebut sebagai 'Abd al-Aziz (1412H), *Ḍawābīṭ al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Ṣan'ā': Maktabah al-Nūr al-Islāmīyah, h. 86.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū 'Abd al-Rahman Ahmad bin Ali bin Shu'ib bin Ali. Meninggal pada 303H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 110.

<sup>3</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Opcit., h. 87.

<sup>4</sup> Ibid.

- Perawi yang dijadikan hujah dalam Sahih al-Bukhārī dan Muslim atau salah satu darinya digolongkan sebagai perawi yang telah dithiqahkan dan dinafikan bagi mereka *jahālah*, walaupun tiada seorangpun yang menthiqahkan mereka. Pendapat ini disokong kuat oleh Imam al-Dhahabī<sup>1</sup> dan Ibn Hajar.<sup>2</sup>
- Tidak semestinya penilaian oleh sesetengah ulama' keatas perawi tertentu dengan *jahālah* bermakna hukum itu muktamad. Mungkin ulama' lain mengenali perawi itu dan menilainya sebagai *thiqah*.

Contohnya: عَبُّ اللَّهِ بْنِ الْوَلِيدِ بْنِ عَبِّ اللَّهِ الْمُرْنِيِّ - Imam Ibn Ma'ien<sup>3</sup> menilainya sebagai *thiqah*, begitu juga al-Nasāi. Menurut Abū Hātim, perawi itu *ṣāleh al-ḥadīth*, tetapi Imam Ali bin al-Madīnī<sup>4</sup> mengatakan, “*Majhul* saya tidak mengenalinya.”<sup>5</sup>

- Kemungkinan berlaku penilaian *jahālah* keatas beberapa imam yang terkenal. Hal ini tidak memberi kesan kepada mereka.

Contohnya: Imam Ibn Hazm<sup>6</sup> mendakwa Imam Abū 'Īsā al-Tirmidhī sebagai *majhul*. *majhul*. Imam Ibn Kathir<sup>7</sup> telah memberi komentar terhadap dakwaan ini dengan mengatakan ia tidak merendahkan kedudukan Imam al-Tirmidhī bahkan ia mengurangkan kedudukan Imam Ibn Hazm disisi para *huffāz*.<sup>8</sup>

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi al-Dimasyqi. Meninggal dunia pada tahun 748H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 130.

<sup>2</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit., h. 88.

<sup>3</sup> Beliau ialah Abū Zakariā Yahya bin Ma'ien bin 'Awn bin Ziyad bin Bisṭām. Meninggal di al-Madinah al-Munawarah ketika melakukan ibadat haji pada tahun 233H. Ibid., h. 102.

<sup>4</sup> Beliau ialah Abū al-Hasan Ali bin 'Abd Allah bin Ja'far bin Najih al-Sa'dī. Meninggal pada 234H. Ibid., h. 103. Ibid., h. 103.

<sup>5</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. h. 89.

<sup>6</sup> Beliau ialah Abū Muhammad Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm. Meninggal pada 456H. Ibid., h. 118.

<sup>7</sup> Beliau ialah Ismail bin Umar bin Kathir bin Ḍaw bin al-Dir' al-Qurashī al-Baṣrawī al-Dimashqī. Meninggal pada 774H. Lihat al-Zirkali (1999), juz.1. Op.cit., h. 320.

<sup>8</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. h. 90. *Huffāz* ialah kata *jamak* dari perkataan *ḥāfiẓ* yang diistilahkan oleh Shaykh al-Munāwī sebagai mereka yang telah menghafal seratus ribu hadith, *matn* dan sanadnya walau dengan berbeza bilangan jalur *sanad*, atau mereka yang meriwayatkan hadith dan memahami perbincangan riwayat tersebut. Lihat Abū Ghuddah (1411H), *Umarā' al-Mu'minīn fī al-Ḥadīth*, dicetak bersama kitab *Jawab al-Ḥafīẓ Abī Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Mundhirī al-Miṣri 'an Asilah fī al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmīyah, h.127.

- Menurut al-Sakhāwī:<sup>1</sup> Perkataan Abū Hātim keatas seseorang perawi bahawa dia itu *majhul*, tidak bererti hanya terdapat seorang murid yang mengambil riwayat dari perawi tadi, tetapi yang dimaksudkannya ialah *majhul al-hāl*. Ini kerana lafaz *majhul* disisi Abū Hātim merangkumi kedua-dua jenis *jahālah*.<sup>2</sup>
- Kebiasaannya para ulama' tidak akan menyebut kalimah *majhul* secara mutlak melainkan kepada perawi yang benar-benar *majhul*, dan sebutan *majhul* secara mutlak hanya layak dikeluarkan oleh imam yang luas kajiannya. Sekiranya seorang ulama' tidak mengenali perawi tertentu, dia sepatutnya hanya berkata;

مَجْهُولٌ لَا أَعْرِفُهُ (*majhūl* saya tidak mengenalinya) atau لَا أَعْرِفُ حَالَهُ (saya tidak mengetahui keadaannya).<sup>3</sup>

- Semua perawi wanita yang dida'ifkan adalah disebabkan *jahālah*.<sup>4</sup>
- Tidak dianggap diamnya al-Bukhārī dan Ibn Abī Hātim dari menilai *thiqah* atau da'ifnya seorang perawi sebagai satu bentuk penilaian *thiqah* dan menafikan *tajrīh* keatas perawi tadi.<sup>5</sup>
- Tidak mampu menetapkan nama perawi secara pasti seperti katanya: حَدَّثَنِي فُلَانٌ، أَوْ فُلَانٌ (telah berkata kepadaku fulan, atau fulan), dan dinamakan kedua-duanya sekali.

Jika kedua-dua nama tadi *thiqah*, maka itu menjadi hujah, sebaliknya jika berlaku *jahālah* pada salah satu dari dua nama tadi, samada dinyatakan nama perawi atau

<sup>1</sup> Beliau adalah Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abī Bakr bin Uthmān al-Sakhāwī, salah seorang murid Imam Ibn Hajar yang terkenal. Meninggal pada 902H. Lihat 'Abd al-Sattār al-Shaykh (1992), *al-Hāfiẓ Ibn Hajar al-'Asqalānī Amīr al-Mu'minīn fī al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār al-Qalam, h. 300.

<sup>2</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. h. 91.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid., h. 92. Menurut Shaykh Abū Ghuddah, jika tokoh ilmuan hadith seperti al-Bukhārī, Abū Zur'ah, Abū Hātim dan anaknya serta tokoh-tokoh hadith yang menyusun kitab-kitab *rijāl* berdiam dengan tidak memberi sebarang komentar terhadap perawi tertentu sedangkan *matn* riwayat yang dibawa oleh perawi itu tidak *munkar* maka dianggap berdiamnya mereka sebagai suatu penilaian *thiqah* terhadap perawi tersebut. Lihat al-Laknawī (2000) *al-Raf' wa al-Takmil fī al-Jarh wa al-Ta'dīl*, "nota kaki", Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyah, h. 246-247.

dimubhamkan, maka yang ini tidak boleh dijadikan hujah kerana ada kemungkinan murid yang membawa khabar ini pula merupakan seorang yang *majhul*.<sup>1</sup>



b. *Tajrih* yang khusus keatas '*adālah* perawi:

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا  
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Sūrah al-Hujurāt (49): 6

Ayat ini merupakan dalil yang jelas mengatakan '*adālah perawi* merupakan syarat bagi diterima sesuatu khabar atau riwayat. Maka dengan itu, para ulama' hadith mengariskan lima ciri *tajrih* keatas '*adālah* seseorang perawi yang menyebabkan riwayat mereka ditolak;

i. " *انْخِرَامُ الْمَرْوَةِ* " - secara bahasa *انْخِرَام* membawa makna terbelah atau

koyak, sedangkan *المروءة* pula membawa makna marwah atau harga diri.<sup>2</sup>

Istilah ini digunapakai dalam ilmu hadith sebagai kelakuan yang merendahkan atau mengurangkan maruah perawi, seperti perawi mengambil upah untuk riwayat yang disampaikan. Kelakuan begini

<sup>1</sup> Lihat 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit., h. 92.

<sup>2</sup> Lihat Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu*. Op.cit., h. 606 dan 2184.

dikritik oleh ramai ulama' hadith seperti Imam Ishāq bin Rahūyah,<sup>1</sup> Ahmad bin Hanbal,<sup>2</sup> dan Abū Hātim al-Rāzi kerana ia boleh menyebabkan sangkaan buruk keatas perawi dengan tuduhan dia meriwayatkan hadith yang tidak didengarinya semata-mata untuk mendapatkan upah. Walaupun begitu Ibn Ṣalāh mengecualikan kritikan begini keatas perawi yang terpaksa mengambil upah untuk menyara kehidupan mereka.<sup>3</sup>

- ii. **Ahli Bid'ah** - dinamakan juga sebagai ahli *ahwā'* oleh ulama' *salaf*, iaitu mereka yang meyakini sesuatu yang baru dalam urusan ibadah yang bercanggahan dengan apa yang diketahui dari Nabi s.a.w dan para sahabat, bukan kerana kesombongan dan perasaan membesarkan diri, tetapi kerana kekeliruan.<sup>4</sup> Ibn Hajar membahagikan golongan ini kepada dua bahagian:

Bid'ah dikafirkan pelakunya  Bid'ah difasikkan pelakunya.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū Ya'kub Ishāq bin Ibrahim al-Marwazī. Meninggal pada 238H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 104. Menurut Shaykh Abū Ghuddah tentang melafazkan kalimah Rahūyah dan yang sepertinya (Sabūyah, 'Amrūyah...) ahli hadith mendammahkan huruf sebelum - و - dan mensukunkan - و - manakala ulama' nahu dan sastera arab menfathahkan - و - dan huruf yang sebelumnya. Lihat al-Sakhāwī (1999), op.cit., "nota kaki", h. 103.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū 'Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Shaybānī. Meninggal pada 241H. Al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 103.

<sup>3</sup> Lihat 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit., h. 95.

<sup>4</sup> Ali Nayif Baqā'ī (1998), *al-Ijtihād fi 'Ilm al-Ḥadīth wa Atharuh fi al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiah, h. 180.

<sup>5</sup> Al-'Asqalānī (1993), *Nuzhah al-Nadhar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Op.cit. h.100.

➤ Bid'ah yang dikafirkan pelakunya.

- أ. Samada dengan sepakat ulama' seperti golongan yang mendakwa Allah tidak tahu sesuatu perkara melainkan sehingga diciptanya perkara itu, atau beriman bahawa Saydina Ali r.a akan kembali ke dunia, atau bersatunya ketuhanan dengan Saydina Ali r.a, dan yang seumpamanya.<sup>1</sup>
- ب. Ataupun dengan wujud ikhtilaf ulama' dalam mengkafirkan pelakunya seperti golongan yang mendakwa *al-qurān* itu makhluk atau menafikan melihat Allah pada hari kiamat.<sup>2</sup>

Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar bagaimanapun menetapkan bahawa tidak semua riwayat pelaku bid'ah yang dinilai kafir terus ditolak. Ini kerana setiap kumpulan mendakwa golongan yang berbeza dengan mereka sebagai pelaku bid'ah dan mungkin ada yang melampaui batasan ketika menghukum golongan yang berbeza dengan mereka sebagai kafir, dan ini boleh membawa kepada pengkafiran diantara satu sama yang lain. Ada pun secara pasti, ditolak semua riwayat mereka yang mengingkari sesuatu yang mesti diketahui dalam Islam secara *mutawātir*. Bagi yang tidak sabit dengan sifat ini, ditambah pula memiliki sifat *ḍabit, wara'* dan takwa, maka tiada halangan untuk diterima riwayat mereka.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Abū Bakr Kāfi (2000), *Manhaj Imam al-Bukhāri fī Taṣḥīh al-Aḥādīth wa Ta'līlūhā*. Beirut, Dār Ibn Hazm, h. 101.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Al-ʿAsqalānī (1993), *Nuzḥah al-Nadhar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Op.cit., h.100.

➤ Bid'ah yang difasikkan pelakunya.

Iaitu golongan yang tidak terkeluar dari lingkungan iman seperti *al-Khawārij*,<sup>1</sup> *al-Rawāfiḍ*<sup>2</sup> yang tidak melampau dan golongan ahli bid'ah yang lain yang menyalahi usul ahli *sunnah* kerana bersandarkan *ta'wil* tertentu. Para ulama' hadith berbeza pendapat terhadap golongan ini, samada diterima atau ditolak riwayat mereka. Ibn Hajar memilih serta menyokong pendapat yang mengatakan boleh diterima riwayat perawi sebegini selama mana dia tidak menyeru kepada bid'ahnya<sup>3</sup>. Beliau juga mengatakan; *al-tashayyu'* mengikut '*urf* ulama' terdahulu ialah menyakini bahawa Saydina Ali lebih mulia dari Saydina Uthman, dan tindakan Ali betul dalam peperangannya, dan golongan yang menyanggahinya adalah salah. Dalam pada itu mereka tetap memuliakan dan melebihkan Abū Bakr dan Umar r.a. Kemungkinan ada juga dikalangan mereka yang menganggap Ali adalah sebaik-baik makhluk selepas Rasulullah s.a.w. Sekiranya yang berkeyakinan sebegini memiliki sifat *wara'*, berpegang teguh dengan tuntutan agama, seorang yang benar, *mujtahid*, maka tidak ditolak riwayatnya, apatah lagi kalau dia tidak menyeru kepada fahamannya tadi. Adapun *al-tashayyu'* mengikut '*urf* ulama' yang terkemudian ialah golongan *al-Rāfiḍi* yang melampau, maka tidak diterima riwayat *al-Rāfiḍi* yang melampau dan tiada kemuliaan kepada golongan ini.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Menurut al-Shahrastānī mereka adalah golongan yang keluar menentang Imam (Ketua Negara) yang benar samada pada zaman sahabat iaitu al-Khulafā' al-Rashidīn ataupun dizaman *tābi'in*, begitu juga pada mana-mana zaman. Lihat Irfān 'Abd al-Hamid (1997), *Dirasāt fī al-Firaq al-'Aqāid al-Islāmiyah*. Beirut: Dār al-Bashīr & Muassasah al-Risālah, h. 89.

<sup>2</sup> Golongan yang melampauai batasan dalam menyanjungi Saydina Ali r.a dan merupakan antara golongan bid'ah yang paling sesat dan sangat membenci kebanyakan sahabat Nabi s.a.w. Dinamakan *al-Rāwafid* kerana mereka menolak kepimpinan Zayd bin Ali bin al-Husayn bin Ali bin Abī Ṭālib apabila beliau memuji Abū Bakr dan Umar dengan mengatakan, "Mereka adalah *wazir* kepada datukku". Lihat Muhammad bin Ṣāleh al-Uthaymin (1998), *Sharh al-'Aqidah al-Wasṭiyyah*. Al-Mamlakah al-'Arabiah al-Sa'ūdiyyah: Dār al-Tharayyā, h. 615.

<sup>3</sup> Al-'Asqalānī (2000), *Hadyu al-Sāri Muqadimah Fath al-Bāri*. Al-Riyād: Dār al-Salām, h. 549.

<sup>4</sup> Al-'Asqalānī (2001), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j.1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h.53.



### ❖ Peringatan

Suatu peringatan yang amat penting bagi para pengkaji tentang keadaan perawi hadith menerusi kitab-kitab bibliografi perawi yang terkenal, ialah terdapat sebilangan perawi yang dilontarkan sebagai ahli bid'ah sedangkan itu adalah semata-mata dakwaan.

Shaykh al-Qāsimī<sup>1</sup> berkata, “Saya telah merujuk kepada kitab-kitab bibliografi perawi syiah terhadap sebilangan perawi yang dituduh berpegang kepada madhhab syiah dalam kitab al-Bukhārī dan Muslim, tetapi ternyata golongan syiah sendiri tidak mengenali mereka. Begitu juga saya tidak menemui perawi al-Bukhārī dan Muslim yang dikatakan sebagai syiah oleh al-Imam al-Suyūṭī yang bilangannya didakwa seramai dua puluh lima orang melainkan dua sahaja, iaitu **أبان بن تغلب** dan **عبد الملك بن أعين**.”<sup>2</sup> Menurut Shaykh Muhammad bin Muhammad Abū Shahbah<sup>3</sup>, “Sekiranya kita dapati sebahagian ulama’ besar seperti al-Bukhārī dan Muslim tidak berpegang dengan beberapa kaedah yang dikenali berkaitan dengan syarat-syarat perawi yang sahih, maka ini disebabkan telah zahir kepada mereka sesuatu yang meyakinkan adanya sifat benar keatas perawi itu dari sebarang tuduhan dusta. Jika sekiranya terdapat percanggahan diantara pandangan pengkritik yang lain dengan kedua-dua imam besar ini, maka pandangan mereka berdua hendaklah didahulukan dari yang lain kerana mereka lebih mahir dalam urusan ilmu ini.”<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Jamal al-Din atau Muhammad Jamal al-Din bin Muhammad Said Qāsim al-Hallāq. Alim dalam pelbagai bidang agama dan sastera arab. Meninggal pada 1914H. Lihat al-Zirkalī (1999), *al-A'lām*, juz 2. Op.cit., h. 135.

<sup>2</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qāsimī (t.t), *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, h. 195.

<sup>3</sup> Pernah menjadi profesor dalam bidang tafsir dan hadith diperingkat pengajian ijazah tinggi Universiti al-Azhar, dan dikuliah Shariah Mekah serta menjadi dekan dan pengasas kuliah usuluddin di Asyūṭ Mesir. Lihat Nur al-Din ‘Etr (1997), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, kata aluan (*Taqriẓ*). Op.cit.

<sup>4</sup> Muhammad bin Muhammad Abū Shahbah (t.t), *al-Wasīṭ fī ‘Ulūm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Al-Qāherah: Dār al-Fikr al-Arabī, h. 396.

iii. **Fasik**- iaitu mereka yang melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa-dosa kecil. Bagi perawi yang dapat dilihat secara zahir kefasikannya, samada dengan perbuatan atau perkataan, maka riwayatnya ditolak dan diklasifikasikan hadithnya sebagai “*al-munkar*” dan ia memiliki dua definisi:<sup>1</sup>

- Bersendirinya (تَفَرَّدَ بِهِ) perawi yang *da'if* dalam sesuatu riwayat yang tidak dapat diberi sokongan lagi kerana kefasikannya atau banyak kesilapan atau kelalaian.
- Riwayat dari perawi yang *da'if* bercanggah dengan perawi yang lebih *thiqah* darinya atau sekumpulan perawi yang *thiqah*.<sup>2</sup>

iv. **Dituduh sebagai pendusta** – dakwaan ini boleh dibenarkan dengan dua keadaan:<sup>3</sup>

- Bersendirinya (تَفَرَّدَ بِهِ) perawi dengan meriwayatkan sesuatu yang menyalahi usul agama atau kaedah-kaedah asasi yang umum, sedangkan tidak terdapat dalam *sanad* itu perawi lain yang dapat dituduh melainkan dia.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat ‘Abd al-Aziz (1412H). Op.cit., h.106.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid., h.107.

Contohnya: Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Yahya, berkata Imam al-Dhahabī saya tidak mengenalinya (لَا أَعْرِفُهُ) tetapi telah mengambil riwayat darinya Shaykh al-Islām al-Harawī<sup>1</sup> suatu khabar yang *mawḍū'*, sedangkan para perawi dalam *sanad* itu selain darinya adalah *thiqah*. Maka dengan ini, dia dituduh sebagai pendusta.<sup>2</sup>

- Perawi dikenali sebagai pendusta dalam perkataannya walaupun tidak secara zahir berlaku pendustaan dalam meriwayatkan hadith. Hadith yang ada perawi dituduh sebagai pendusta diklasifikasikan sebagai *matrūk*.<sup>3</sup>
- v. **Pendusta** – iaitu perawi meriwayatkan dari Nabi s.a.w sesuatu yang tidak disabdakan, atau dilakukan atau disetujuinya dengan sengaja, dan hadith ini diklasifikasikan sebagai *mawḍū'*.<sup>4</sup>

Ibn Hajar menjelaskan faktor yang mendorong berlakunya pendustaan keatas hadith Nabi s.a.w adalah berpunca samada disebabkan perbuatan ahli *zindiq* atau jahil sebagaimana berlakunya pada segolongan ahli ibadah, atau taksuf dari golongan *muqallid*, atau kerana mengikut hawa nafsu seperti yang ada pada golongan pemimpin, atau sengaja inginkan keganjilan agar menjadi masyhur.<sup>5</sup> Bagi mereka yang bertaubat dari perbuatan ini, sebahagian ulama' seperti Imam Ahmad bin Hanbal, 'Abd Allah ibn al-Mubārah dan Ibn al-Ṣalāh tetap menghukumkan riwayat darinya ditolak.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Dalam kitab *Mizān al-ʿItidāl* cetakan Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah (1995), h.273, pentahqiqnya tidak menerangkan siapakah al-Harawī ini, dan juga dalam kitab *Lisān al-Mizān* (1996), j.1 cetakan yang sama, h.358, begitu juga j.1 cetakan Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyah, h.585 yang disemak oleh Shaykh Abū Ghuddah. Penulis mengandaikan yang dimaksudkan dengan al-Harawī disini ialah Abū Ismail 'Abd Allah bin Muhammad bin Ali al-Ansāri al-Harawī. Beliau adalah seorang tokoh dalam madhhab al-Hanbali yang alim dalam bidang hadith, ilmu tarikh dan al-Ansab dan digelarkan sebagai Shaykh al-Islām di negeri Harrah, sebagaimana yang disebut dalam kitab *Ṭabaqāt al-Hanābilah*. Seorang yang kuat membela sunnah dan menentang bid'ah tetapi dalam masa yang sama memiliki kecenderungan kepada aliran sufi. Beliau meninggal pada tahun 481H. Lihat Ibn Abū Ya'lā (1998), *Ṭabaqāt al-Hanābilah*, juz.2. Al-Qāherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, h. 331.

<sup>2</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit., h. 107.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid., h. 108.

<sup>5</sup> Al-'Asqalāni (1993), *Nuzḥah al-Nadhar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Op.cit., h. 88.

<sup>6</sup> Lihat Nur al-Din 'Etr (2001), *Usūl al-Jarh wa al-Ta'dīl wa 'Ilm al-Rijāl*. Op.cit., h.108.

Ada pun Imam al-Nawawī<sup>1</sup> memilih untuk menerima riwayat dari mereka yang telah bertaubat dari perbuatan mendusta keatas hadith Nabi s.a.w kerana melihat tidak ada dalil yang kukuh yang menguatkan pendapat golongan yang pertama tadi, bahkan dilihat bercanggah dengan kaedah syarak yang menerima kembali mereka yang bertaubat dengan syarat-syaratnya. Tambahnya lagi semua ulama' bersepakat menerima perawi yang sebelumnya kafir kemudian meriwayatkan sesuatu hadith setelah memeluk Islam sebagaimana kebanyakan para sahabat.<sup>2</sup>

c. Tajrīh keatas dabit perawi.

Memiliki sifat '*adālah* semata-mata belum cukup disisi ahli hadith untuk membolehkan riwayat seseorang perawi itu diterima. Dengan itu perawi mestilah memiliki kemantapan *dabit* iaitu kemampuan baik untuk menghafal dan menjaga dari melakukan kesilapan terhadap riwayat yang disampaikan.

Abū al-Zinād 'Abd Allah bin Zakwān mengatakan;<sup>3</sup> "Saya sempat bertemu di Madinah seramai seratus individu yang hebat, semua mereka boleh dipercayai tetapi tidak boleh diambil riwayat hadith dari mereka, kerana mereka dikatakan bukan ahli untuk menjadi perawi hadith."<sup>4</sup> Kata-kata ini memberi petunjuk bahawa para perawi hadith mestilah mendapat pengiktirafan dan pengakuan akan kelayakan mereka untuk meriwayatkan hadith daripada para alim ulama' hadith muktabar yang mengenali mereka.

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Yahya bin Sharf bin Murry bin Hassan bin Husayn bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam al-Hizāmī al-Hawrānī al-Nawawī. Tokoh fiqh madhhab al-Shāfi'ī dan ilmu hadith. Meninggal pada 631H. Lihat 'Abd al-Ghanī al-Dqr (1994), *al-Imam al-Nawawi Shaykh al-Islam wa al-Muslimin wa 'Umdah al-Fuqahā' wa al-Muhaddithin*. Dimashq: Dār al-Qalam, h.20.

<sup>2</sup> 'Abd al-Aziz (1412H), op.cit. , h. 108-109.

<sup>3</sup> Beliau ialah 'Abd Allah bin Zakwān Abū 'Abd al-Rahman al-Madani, masyhur dengan panggilan Abū Zinād dari golongan *tābi'in* yang kecil. Meninggal pada 130H atau selepas itu. Lihat Basyār Ma'rūf dan Shu'ib al-Arnaūṭ (1997), j.2. Op.cit., h. 206.

<sup>4</sup> Lihat Muslim bin Al-Hajjāj (2000), *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam al-Nawawi*, j.1. Op.cit., h.244.

Menurut al-Khaṭīb;<sup>1</sup> “Sekiranya seseorang perawi itu selamat dari tuduhan sebagai pendusta atau mendengar riwayat yang tidak didengarinya dari shaykh yang meriwayatkan hadith, serta menjauhi perbuatan yang boleh menghilangkan ‘*adālah* tetapi riwayatnya hanya berdasarkan kepada hafalan semata-mata tanpa dicatat dalam kitab, maka tidak sah berhujah dengan riwayatnya melainkan ada penyaksian dari ulama’ yang mahir dalam ilmu periwayatan bahawa sememangnya dia merupakan seorang pengumpul hadith yang memiliki sifat *ḍabit*.”<sup>2</sup> Ulama’ hadith membahagikan sifat *ḍabit* kepada dua bahagian:

➤ **Pertama: *Ḍabit al-Kitāb*** iaitu perawi mencatat riwayat yang diambil. Antara perkara yang boleh membawa kepada *tajrīh* riwayat dengan cara ini ialah:

- i. Berlaku *tasāhul* (mengambil mudah) ketika mendengar sesuatu riwayat yang disampaikan dengan tidak memberi tumpuan penuh seperti tertidur. Keadaan ini juga boleh berlaku kepada shaykh yang menyampaikan riwayat. Mereka yang diketahui bersifat sedemikian ditolak riwayatnya.<sup>3</sup>
- ii. Para perawi berbeza-beza cara menulis riwayat yang didengari dari shaykhnya, ada yang mencatat secara terus ketika mendengar dari shaykh, manakala ada yang menangguhkan penulisan sehingga selesai majlis mendengar riwayat hadith. Imam al-Bukhārī pernah mengatakan; “Ada riwayat yang saya dengar di Basrah tetapi saya tulis ketika di Syam begitulah sebaliknya.” Bagi yang menulis sendiri selepas majlis, mereka bersandarkan kepada kekuatan hafalan dan ada juga yang menulis dengan bantuan orang lain. Sekiranya berlaku kesilapan, baik berpunca dari

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū Bakr Ahmad bin Ali bin Thābit Al-Baghdadi, dikenali dengan Al-Khatīb. Imam besar dibidang hadith dan tarikh. Meninggal pada 463H. Lihat Al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 118.

<sup>2</sup> ‘Abd Allah bin Yusuf al-Juday’, seterusnya akan disebut sebagai al-Juday’ (2004), *Tahrīr ‘Ulūm al-Hadīth*, j.1. Beirut: Muassasah al-Rayyān, h.254.

<sup>3</sup> Lihat ‘Abd al-Aziz (1412 H). Op.cit. , h.112.

kelemahan hafalan atau kesilapan pembantu tadi seperti membalikkan kedudukan *sanad* atau memasukkan *sanad* yang lain kepada riwayat yang lain atau kesalahan-kesalahan yang lain, maka riwayat ini akan ditolak.<sup>1</sup>

➤ **Kedua: *Ḍabit al-Ṣadr*** iaitu perawi menjaga riwayat semata-mata dengan kekuatan hafalan. Perkara yang boleh membawa kepada *tajrīh* riwayat dengan cara ini ialah:

i. **سُرُوءُ الْحِفْظِ** – iaitu kesalahan yang lebih banyak dari yang betul ketika

meriwayatkan hadith. Sekiranya sifat ini melazimi perawi tertentu, maka dikatakan riwayatnya ada kelemahan ( **فِي حَدِيثِهِ ضَعْفٌ** ), boleh diterima riwayatnya sekiranya ada *qarinah* (petunjuk) yang menyokong. Adapun jika sifat ini berlaku kerana sebab-sebab tertentu seperti perawi mencapai usia yang lanjut atau hilang penglihatannya atau terbakar kitabnya yang merupakan sandaran untuk meriwayatkan hadith, maka ini dinamakan sebagai *al-mukhtaliṭ*.<sup>2</sup> Hukumnya, apa yang dia riwayatkan sebelum berubah sifat *Ḍabit*nya boleh diterima, dan ditolak riwayatnya selepas berubah. Begitu juga sekiranya berlaku syak adakah riwayat tertentu itu diambil sebelum perawi berubah atau tidak.<sup>3</sup>

ii. **كِبْرَةُ الْمُخَالَفَةِ** – iaitu seorang perawi yang bercanggah riwayatnya dengan

perawi yang lebih *thiqah* darinya atau sekumpulan perawi yang *thiqah*. Para

<sup>1</sup> Hamzah ‘Abd Allah al-Milyabārī, seterusnya akan disebut sebagai al-Milyabārī (2001), *al-Muāzanah bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Mutaakhirīn fī Taṣhīh al-Aḥādīth wa Ta’līlūhā*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h.150-151.

<sup>2</sup> Iaitu mereka yang terganggu daya pemikiran dan ingatan, yang sebelumnya berkeadaan baik. Lihat al-‘Asqalānī (1993), *Nuzḥah al-Nadhar fī Tawqīh Nukhbah al-Fikar*, “nota kaki”. Op.cit., h.102.

<sup>3</sup> Lihat ‘Abd al-Aziz (1412 H). Op.cit. , h.113.

ulama' hadith memiliki istilah khusus dalam menentukan bentuk-bentuk percanggahan:

- Sekiranya percanggahan riwayat itu secara mutlak dari sudut makna, sedangkan perawinya *thiqah* atau *ṣadūq*(diakui benar) maka hadith ini diklasifikasikan sebagai *al-shādh*. Jika perawi itu *ḍa'if*, maka hadith itu dikatakan *al-munkar*.<sup>1</sup>
- Sekiranya percanggahan berlaku pada perubahan susunan *sanad*, maka ia diklasifikasikan sebagai *mudraj al-isnād*.<sup>2</sup>
- Sekiranya bercampur riwayat *mawqūf* dengan *marfū'*,<sup>3</sup> maka ia diklasifikasikan sebagai *mudraj al-matn*.<sup>4</sup>
- Sekiranya percanggahan dalam riwayat itu, dengan didahulukan sebahagian yang patut dikemudiankan, begitu juga sebaliknya, maka ia diklasifikasikan sebagai *al-maqlub*.<sup>5</sup>
- Sekiranya berlaku penambahan perawi dalam sanadnya, sedangkan mengikut jalur *sanad* yang lain tidak ada penambahan dan para perawinya jelas mengakui mendengar riwayat diantara mereka, maka tempat penambahan ini diklasifikasikan sebagai *al-mazīd fī muttasil al-asānīd*.<sup>6</sup>
- Sekiranya perubahan itu berlaku pada perawi dengan tidak dapat ditentukan riwayat manakah yang lebih kuat diantara dua riwayat, maka

---

<sup>1</sup> Ibid., h.116.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> *Marfū'* adalah riwayat yang disandarkan kepada Nabi s.a.w samada bersambung sanadnya atau terputus. *Mawqūf* pula ialah apa yang disandarkan kepada sahabat, baik perkataan atau perbuatan atau persetujuan atau sifat mereka. *Mawqūf* juga digelar sebagai *athār*. Lihat Muhammad Abū Layth al-Khayr Ābādī (2005), '*Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu'āṣiruhā*'. Selangor Malaysia: Dār al-Shākir, h.138-139.

<sup>4</sup> Lihat 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. , h.116.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid.

ia diklasifikasikan sebagai *al-muṭṭarib*, dan ia boleh berlaku juga pada *matn* hadith.<sup>1</sup>

- Sekiranya berlaku perubahan pada satu huruf atau lebih dengan mengekalkan bentuk tulisan, maka ia terbahagi kepada dua:

i. Perubahan pada cara sebutan diklasifikasikan sebagai *al-muṣaḥḥaf*.

ii. Perubahan pada bentuk perkataan diklasifikasikan sebagai *al-muḥarrarf*.<sup>2</sup>

iii. **كُنُتَةُ الْوَعْمِ** - iaitu perawi yang melakukan kesalahan kerana keliru ketika

meriwayatkan hadith seperti menghubungkan *sanad* yang *mursal*<sup>3</sup> dan kesalahan yang seumpama dengan ini. Hal ini dapat dikesan dengan mengumpul semua jalur *sanad* dan menilai keadaan para perawi yang *thiqah* dan *ḍa'if*. Apabila dikesan kesilapan dan kekeliruan perawi tertentu, maka riwayat itu diklasifikasikan sebagai *al-mu'allal*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Perbahasan *sanad mursal* akan dibincangkan nanti pada tempatnya.

<sup>4</sup> 'Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. , h.117.



- iv. **شِدَّةُ الْعَفَلَةِ** – iaitu perawi tidak memiliki sifat bijak yang mantap untuk membezakan yang betul atau salah dalam riwayatnya, seperti dibentangkan beberapa buah hadith kepadanya dengan dakwaan ia adalah dari riwayatnya, lalu diperakunya sedangkan hadith itu bukan dari riwayatnya. Masalah ini dikenali sebagai *al-talqin*.<sup>1</sup>
- v. **فَحْشُ الْعَلَطِ** – iaitu perawi melakukan kesalahan yang melampau yang menyebabkan riwayatnya tidak layak untuk dijadikan riwayat sokongan (**المُتَّبَعَاتُ**) dan ia juga tidak boleh dikuatkan dengan riwayat yang lain.<sup>2</sup>



---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid., h. 117-118.

d. Tajrih yang tiada kaitan dengan ‘adālah atau dābit perawi

*Tajrih* yang dibincangkan sebelum ini berkisar pada keadaan ‘*adālah* iaitu sejauh manakah penghayatan dan pegangan Islam para perawi begitu juga keadaan *dābit* , iaitu kemampuan untuk memelihara riwayat yang ada pada perawi agar ia dapat disebarkan dengan tanpa kesalahan. Perbincangan seterusnya adalah sesuatu bentuk *tajrih* atau kritikan yang membawa kepada *tad’if* sesuatu hadith dengan tiada kaitan pada ‘*adālah* atau *dābit* perawi.

Dr. ‘Abd al-Aziz menetapkan bahawa hal ini berlaku pada tiga keadaan:<sup>1</sup>

➤ Berlaku *al-tadlis*. Ibn Hajar membahagikannya kepada lima:

- i. *Tadlīs al-Isnād* - iaitu perawi meriwayatkan sesuatu hadith yang tidak didengarinya dari shaykh yang ditemuinya dengan sebutan yang mengelirukan seperti, عَنْ فُلَانٍ (dari fulan) atau أَنَّ فُلَانًا قَالَهُ (sesungguhnya fulan telah berkata...)<sup>2</sup>
- ii. *Tadlīs al-Taswiyah* – perawi yang *mudallis* meriwayatkan hadith dengan jelas bahawa dia mendengar riwayat itu dari shaykhnya, kemudian menggugurkan perawi yang *da’if* dalam *sanad* itu yang berada diantara dua perawi yang *thiqah* yang sabit pertemuan diantara mereka. *Mudallis* ini kemudiannya meriwayatkan *sanad* itu dengan perkataan yang ada kemungkinan perawi *thiqah* yang pertama mendengar riwayat itu dari perawi yang kedua.<sup>3</sup>

Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar berpendapat bahawa *tadlīs al-taswiyah* ini adalah pecahan dari *tadlīs al-Isnād* dan ia tidak khusus bagi perbuatan menghilangkan perawi yang *da’if* dalam *sanad* bahkan juga menghilangkan perawi yang *thiqah*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h.120.

<sup>2</sup> Lihat al-‘Asqalāni (2003), *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit, h. 95-97.

<sup>3</sup> ‘Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. , h.120.

<sup>4</sup> Lihat al-‘Asqalāni (2003), *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h. 97.

- iii. *Tadlīs al-Shuyūkh* – iaitu perawi meriwayatkan dari seorang shaykh, yang dinamakan shaykh itu atau digelar atau dinasabkan atau disifatkannya dengan sesuatu yang tidak dikenali bagi shaykh itu supaya dia tidak dikenali. Ibn Hajar menambah, kalau disebutkan bagi shaykh itu sesuatu yang memang betul baginya tetapi dia tidak masyhur dengan sebutan itu, tetap juga dihitung sebagai *tadlīs*.<sup>1</sup>
- iv. *Tadlīs al-‘Atf* – iaitu perawi meriwayatkan dari dua orang shaykhnya yang mana mereka berdua ini berkongsi mendengar riwayat dari seorang shaykh, tetapi yang sebenarnya dia hanya mendengar dari salah seorang dari dua shaykh tadi. Dia kemudiannya meriwayatkan *sanad* itu secara jelas menunjukkan dia mendengarnya dari shaykh yang pertama, kemudian diiringinya dengan shaykh yang kedua supaya mengelirukan pendengar bahawa dia juga mengambil riwayat itu dari shaykh yang kedua itu.<sup>2</sup>
- v. *Tadlīs al-Qaṭ’*’- iaitu perawi meriwayatkan *sanad* dengan lafaz حَدَّثَ – kemudian diam dengan niat untuk memutuskan percakapan (*al-qaṭ’*) dan seterusnya menyebut *sanad* yang bersambung.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 96.

<sup>2</sup> Ibid., h. 97-98.

<sup>3</sup> Ibid.

- Banyak melakukan *irsāl*, dan *al-irsāl* itu terbahagi kepada dua: <sup>1</sup>
  - i. *Al-Irsāl al-Jalī* – ialah apa yang didengari oleh golongan *tābi'in* dari sumber tertentu, lalu disandarkan kepada Nabi s.a.w.<sup>2</sup>
  - ii. *Al-Irsāl al-Khafī* – ialah perawi meriwayatkan dari seorang yang sezaman dengannya sedangkan mereka tidak bertemu bahkan diantara mereka berdua sepatutnya ada perantaraan.<sup>3</sup>
  
- Banyak mengambil riwayat dari golongan yang bersifat *jahālah* atau *matrūk*. Ini menjadikan perawi itu ditajrih, kerana:
  - i. Beliau tidak meneliti dari siapa diambil riwayat.
  - ii. Gagal mengenal pasti siapa perawi yang *majhul* itu.
  - iii. Tiada faedah untuk menguatkan riwayat-riwayat perawi yang *matrūk*.<sup>4</sup>



---

<sup>1</sup> Lihat ‘Abd al-Aziz (1412H). Op.cit. , h. 126,

<sup>2</sup> Lihat al-‘Asqalāni (2003), *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h. 33.

<sup>3</sup> Al-‘Asqalānī (1993), *Nuzhah al-Nadhar fī Tawqīh Nukhbah al-Fikar*. Op.cit, h. 82.

<sup>4</sup> Lihat ‘Abd al-Aziz (1412 h). Op.cit. , h.129.

### 1.2.2.2 Bahagian yang kedua: *Sanad* Tidak Bersambung.

Pada bahagian yang pertama, *tad'if* berlaku keatas sesuatu riwayat kerana perawi telah ditajirih, dan ini menghilangkan kelayakannya sebagai seseorang yang boleh dipercayai. Manakala bahagian yang kedua pula, berlakunya *tad'if* disebabkan ketiadaan bersambunganya *sanad* sesuatu riwayat hadith. Sebenarnya perbahasan pada bahagian pertama berkait langsung dalam memastikan sesuatu *sanad* itu bersambung ataupun tidak, tetapi para ahli hadith telah menyusun kaedah-kaedah yang begitu teliti dan menggunakan istilah yang khusus bagi menentukan setiap bentuk ketiadaan bersambunganya *sanad*. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas dalam masalah ini penulis menukilkan dengan ringkas istilah yang berkaitan dengan ketiadaan bersambunganya sesuatu *sanad* seperti berikut:

- a) *Al-Munqaṭi'*– Disisi Ibn 'Abd al-Barr<sup>1</sup> ialah ketiadaan bersambunganya *sanad* samada riwayat itu disandarkan kepada Nabi s.a.w atau kepada yang lain.<sup>2</sup> Menurut al-Irāqī<sup>3</sup> dan Ibn Hajar, *al-munqaṭi'* ialah riwayat hadith yang telah gugur salah seorang perawinya sebelum sampai ke sahabat, di suatu tempat atau berbilang tempat dalam *sanad* yang sama.<sup>4</sup>

Hal ini boleh berlaku dalam bentuk yang berikut:

- أ) Seorang perawi meriwayatkan sesuatu hadith dari orang yang dia tidak dengar riwayat itu sendiri. Ini boleh berlaku di mana-mana tempat pada *sanad* itu sebelum sampai kepada sahabat.
- ب) Terdapat dalam *sanad* perawi yang *mubham*. Disebabkan perawi ini gagal dikenali maka keadaan *sanad* ini disamakan dengan *sanad* yang tidak bersambung.
- ج) Para *tābi'in* yang menyandarkan riwayat kepada Nabi s.a.w. secara langsung.

<sup>1</sup> Beliau adalah Abū Umar Yusuf bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr bin 'Āṣim al-Andalusi al-Qurtubi. Meninggal pada 463H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 118.

<sup>2</sup> Nur al-Din 'Etr (1997), *Manhaj al-Naqd fī Ulum al-Ḥadīth*. Op.cit., h. 367.

<sup>3</sup> Beliau adalah Zayn al-Dīn Abū al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husain al-Irāqī kemudian al-Miṣrī. Meninggal di Kaheerah pada 735H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 133.

<sup>4</sup> Lihat Abū Shahbah (t.t). Op.cit., h. 288.

Ulama' hadith mutakhir menetapkan ketiadaan bersambungnya *sanad* sebagaimana keadaan - ا and ب - sebagai hadith *munqaṭi'*,<sup>1</sup> manakala sebahagian ulama' terdahulu seperti Imam al-Tirmidhī dan al-Bayhaqī<sup>2</sup> menggolongkan keadaan - ا - juga sebagai hadith *munqaṭi'*.<sup>3</sup>

Terdapat juga golongan ulama' terdahulu menggunakan istilah *munqaṭi'* dengan makna *maqtū'* yang mana disisi ulama' mutakhir *maqtū'* adalah suatu khabar yang khusus dari golongan *tābi'in* semata-mata, dan ianya berbeza dengan *munqaṭi'*.<sup>4</sup>

#### ❖ Bagaimana dapat dipastikan berlakunya *munqaṭi'*?

I. Nas yang menjelaskan bahawa perawi tidak dengar sendiri. Ini berlaku seperti berikut:

- Pengakuan dari perawi sendiri. Seperti kata 'Amru bin Murrah: "Saya berkata kepada Abī Ubaydah (iaitu anak kepada 'Abd Allah bin Mas'ud), kamu ingat tak apa-apa riwayat dari ayahmu?" Katanya, "Tidak."
- Pengakuan dari perawi yang *thiqah* terhadap gurunya. Seperti kata 'Abd Malik bin Maysarah; "Al-Dahhāq tidak dengar apa-apa riwayat dari Ibn 'Abbas".
- Kenyataan dari ulama' hadith yang pakar setelah membuat kajian yang teliti. Seperti kata Ali bin al-Madīnī; "Abū Qilābah tidak dengar riwayat dari Hisyām bin 'Āmir...".<sup>5</sup>

II. Pengetahuan ilmu tarikh. Yang dimaksudkan dengan ilmu tarikh ialah kemampuan untuk mengenalpasti tarikh wafatnya shaykh yang meriwayatkan hadith dan tarikh lahirnya murid yang meriwayatkan hadith dari shaykh tadi. Sekiranya murid itu

<sup>1</sup> Lihat al-Juday' (2004). Op.cit., j.2, h. 909-911.

<sup>2</sup> Beliau adalah Abū Bakr Ahmad bin al-Husain bin Ali al-Khusru Jirdi, al-Bayhaqī. Meninggal pada 458H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 118.

<sup>3</sup> Lihat Najm 'Abd al-Rahman Khalaf (1989), '*Ulūm al-Isnād min al-Sunan al-Kubrā, Dirāsah wa Naqd*. Al-Riyād: Dār al-Rāyah, h.50-51.

<sup>4</sup> Al-Juday' (2004). Op.cit., j.2, h. 912.

<sup>5</sup> Ibid., h. 913.

lahir selepas meninggalnya shaykh periwayat hadith itu, atau murid tadi ketika shaykh itu wafat usianya masih kecil, yang tak memungkinkannya mengambil riwayat dari shaykh itu, maka sanad itu *munqaṭi*'. Maklumat ini diketahui samada secara pasti atau melalui maklumat sokongan (*qarinah*).<sup>1</sup>

- Contoh maklumat tarikh secara pasti:

‘Abd al-Rahmān bin Abī Laylā adalah dari golongan *tābi’in* yang besar mendakwa telah meriwayatkan hadith dari Abū Bakr al-Ṣidiq. Abū Bakr telah wafat pada tahun 13H, manakala beliau lahir pada 6 tahun yang masih baki dari pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb. Oleh itu riwayat Ibn Abī Laylā dari Abū Bakr adalah *munqaṭi*’ secara pasti.<sup>2</sup>

- Contoh maklumat tarikh secara sokongan:

Riwayat ‘Abdah bin Abī Lubābah dari Umar bin al-Khaṭṭāb. Kebanyakan riwayatnya adalah dari golongan *tābi’in* yang merupakan murid-murid ‘Abd Allah bin Mas’ud. Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan ‘Abdah bin Abī Lubābah telah berjumpa dengan ‘Abd Allah bin ‘Umar di negeri Syam, manakala al-Bukhārī menetapkan bahawa beliau mendengar riwayat dari Ibn Umar. Adapun Abū Hātim al-Rāzī mengatakan ‘Abdah bin Abī Lubābah hanya sempat melihat Ibn ‘Umar. Sekiranya begini keadaannya bagaimana mungkin beliau dapat bertemu dengan ‘Umar al-Khaṭṭāb.<sup>3</sup>

### III. Datangnya sesuatu riwayat dengan bentuk diyakini adanya perantaraan diantara perawi dan orang yang diatasnya.

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 914.

<sup>2</sup> Ibid., h. 915.

<sup>3</sup> Ibid., h. 916.

- Contohnya: Yahya bin Abī Kathīr<sup>1</sup> berkata; “Dikhabarkan kepadaku dari Anas bin Malik, sesungguhnya Rasul Allah s.a.w berdo'a ketika berbuka puasa disisi tuan rumah yang mengundangnya dengan bersabda:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ، وَ أَكَلَ طَعَامَكُمْ الْأَبْرَارُ ...

“Telah berbuka puasa disisi kamu, dan telah menikmati juadah makanan yang kamu sediakan oleh golongan orang-orang yang baik...”<sup>2</sup>

IV. Adanya petunjuk bahawa riwayat individu tertentu dari individu tertentu mesti melalui perantaraan, sekiranya tanpa perantaraan ini maka riwayat ini *munqati'*. Hal ini boleh berlaku pada dua keadaan:

- أ. Selalu berlaku “ *عَنْ* ” pada *sanad* tertentu diantara dua perawi yang sama.

Keadaan ini memungkinkan murid itu memasukkan nama seorang perawi yang lain sebagai perantaraan. Contohnya, riwayat Sālim bin Abī al-Ja'di dari Thawbān Mawlā Nabi s.a.w. Beliau tidak pernah sama sekali mendatangkan lafaz yang menunjukkan dia dengar sendiri riwayat dari Thawbān, tetapi kebiasaannya beliau akan memasukkan nama Ma'dān bin Abī Ṭalhah. Hal ini menyebabkan Imam Ahmad dan Abū Hātim al-Rāzī mengatakan; “Sālim bin Abī al-Ja'di tidak dengar sendiri dari Thawbān, tetapi diantara mereka berdua mesti ada perantaraan iaitu Ma'dān bin Abī Ṭalhah.”<sup>3</sup>

- ب. Sesuatu hadith yang diriwayatkan, contohnya Zayd mengambil riwayat dari 'Amru, tetapi riwayat yang sama pada *sanad* yang lain menunjukkan Zayd tidak

<sup>1</sup> Ibn Hajar menilainya sebagai seorang yang *thiqah* lagi mantap tetapi merupakan seorang *mudallis* dan *mursil*. Menurut Bashār dan al-Arnaūṭ beliau melakukan *irsāl* terhadap riwayat Anas bin Malik. Lihat Bashār 'Awwād Ma'rūf dan Shu'ib al-Arnaūṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, j.4. Beirut: Muassasah al-Risālah, no. 7632, h. 99.

<sup>2</sup> Lihat Ahmad bin Shu'ib Abū 'Abd al-Rahman al-Nasāi (1991), Sunan al-Nasāi al-Kubrā, no. 10130, j. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 82.

<sup>3</sup> Lihat al-Juday' (2004). Op.cit., j.2, h. 917.



mengambil dari ‘Amru melainkan melalui perantaraan. Dengan ini dapat diketahui bahawa riwayat Zayd dari ‘Amru secara terus adalah *munqati’*.<sup>1</sup>

V. Berjauhan negeri tempat tinggal perawi dengan shaykhnya sehingga dapat diyakini bahawa mereka tidak bertemu.<sup>2</sup>

b) *Al-Mursal*: Ibn Hajar telah mengumpul sebanyak empat definisi hadith *al-mursal* dari ulama’ yang sebelumnya seperti berikut:

أ. Berita yang disandarkan oleh *tābi’in* yang besar kepada Nabi s.a.w. Definisi ini mengecualikan berita yang disandarkan oleh *tābi’in* yang kecil dan golongan yang datang selepas mereka kepada Nabi s.a.w sebagai *al-mursal*.

ب. Berita yang disandarkan oleh golongan *tābi’in* kepada Nabi s.a.w dengan tanpa mengkhususkan *tābi’in* yang besar sahaja. Ini merupakan pandangan jumhur ahli hadith.

ج. *Sanad* yang gugur dalamnya seorang perawi. Definisi ini menyamai definisi *al-munqati’*.

د. Golongan selain dari para sahabat yang mengatakan sesuatu berita itu adalah sabda Rasul Allah s.a.w.<sup>3</sup>

Adapun beliau sendiri mendefinisikan *al-mursal* sebagai apa yang didengari oleh golongan *tābi’in* dari sumber tertentu, lalu disandarkan kepada Nabi s.a.w.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 917-919.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Lihat al-‘Asqalāni (2003), *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h. 30-31.

<sup>4</sup> Ibid., h. 33

❖ **Perhatian terhadap tiga gambaran *al-mursal* yang boleh mengelirukan.**

- I. Secara zahirnya *sanad* itu bersambung, pada hakikatnya ia *al-mursal*. Ini berlaku apabila datangnya riwayat dari seorang yang pernah melihat Nabi s.a.w tetapi tidak mendengar sesuatu pun darinya.

Contoh:

Ja'dah bin Hubayrah al-Makhzūmī, ibunya bernama Ummu Hānī' binti Abī Tālib. Dilahirkan ketika Nabi s.a.w masih hidup dan sempat melihat Nabi s.a.w. Oleh itu beliau layak mendapat kemuliaan dengan digolongkan sebagai sahabat Nabi s.a.w., tetapi sebahagian ulama' menggolongkannya sebagai *tābi'in* disebabkan beliau tidak sempat mendengar sesuatu dari Rasul Allah s.a.w. Perawi ini digolongkan sebagai sahabat tetapi kedudukan riwayatnya seperti golongan *tābi'in*.<sup>1</sup>

- II. Zahir sanadnya *mursal*, pada hakikatnya ia *mu'dal*.<sup>2</sup> Ini berlaku apabila datangnya riwayat dari orang yang sempat melihat sahabat tetapi tidak mendengar riwayat dari mereka. Maka jika ada riwayat dari golongan ini yang disandarkan kepada Nabi s.a.w maka ia adalah *mu'dal*, dan sekiranya disandarkan kepada sahabat maka ia adalah *munqaṭi'*.<sup>3</sup>

Contoh:

Abū Ḥātim al-Rāzī mengatakan; “Ibrahim al-Nakha'ī tidak bertemu dengan mana-mana sahabat Nabi s.a.w kecuali Aisyah dan Anas bin Malik r.a tetapi dia tidak mendengar sesuatu riwayat pun dari mereka kerana pertemuan itu berlaku ketika beliau masih kecil.”<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat al-Juday' (2004). Op.cit., j.2, h. 924.

<sup>2</sup> Perbincangan tentang *mu'dal* akan dibincangkan selepas ini.

<sup>3</sup> Al-Juday' (2004), j.2. Op.cit., h. 924.

<sup>4</sup> Ibid.

III. Mereka yang meriwayatkan sesuatu dari Nabi s.a.w melalui kitab yang diutuskan semasa hayat Baginda s.a.w sedangkan mereka tidak tergolong dikalangan sahabat. Walau bagaimanapun tidak terdapat sebarang contoh dalam masalah ini.<sup>1</sup>

- c) *Al-Mu'dal*: Ibn Ṣalāh mendefinisikannya sebagai, berlaku keguguran dua orang perawi secara berturutan atau lebih dalam sesuatu *sanad*. Menurut Ibn Hajar, terdapat juga penggunaan istilah *mu'dal* dikalangan segolongan ulama' hadith dengan tidak berlaku sebarang keguguran sama sekali pada *sanad*.<sup>2</sup>

Contoh:

Riwayat dari Aisyah r.a mengatakan; “Bahawa Rasul Allah s.a.w ketika sedang *i'tikaf* dan apabila melalui orang sakit, Baginda sekadar memberi salam dan tidak berhenti”. Imam Muhammad bin Yahya al-Zuhli<sup>3</sup> memberi kritikan keatas *sanad* riwayat ini dengan mengatakan bahawa ianya *mu'dal (mu'dil)*, kerana terdapat perawi yang bernama Ibn Lahi'ah yang melakukan kesilapan dengan menyandarkan perbuatan Aisyah kepada Nabi s.a.w.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 925.

<sup>2</sup> Lihat al-'Asqalāni (2003), *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h.59.

<sup>3</sup> Beliau adalah Abū 'Abd Allah Muhammad bin Yahya bin 'Abd Allah bin Khālid bin Fāris al-Zuhlī al-Nīsābūrī. Meninggal pada 258H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 106.

<sup>4</sup> Lihat al-'Asqalāni (2003), *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h.59.

Selepas membentangkan beberapa contoh penggunaan istilah *mu'dal* oleh beberapa imam yang lain seperti al-Nasāi, Abū Ishāq Ibrahim bin Ya'qub al-Juzjānī,<sup>1</sup> Ibn 'Adiy<sup>2</sup> dan Ibn 'Abd al-Barr, maka Ibn Hajar mengatakan bahawa istilah *mu'dal* boleh digunakan dengan dua makna:

**Pertama:**

Seperti yang dinyatakan oleh Ibn Ṣalāh dengan dibariskan *fathah* pada huruf

- ض - dilafazkan sebagai *mu'dal* (المُعَضَّل). Penggunaan istilah ini dengan makna yang

disebutkan oleh Ibn Ṣalāh telah didahului oleh Imam Ali bin al-Madīnī dan segolongan ulama' lain yang mengikutinya.

**Kedua:**

Bagi segolongan ulama' hadith yang lain menggunakannya dengan berbaris *kasrah* pada huruf - ض - dilafazkan sebagai *mu'dil* (المُعْضِل) yang bermakna keadaan yang amat rumit.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Meninggal pada tahun 159H. Ibid., h. 60.

<sup>2</sup> Beliau adalah Abū Ahmad 'Abd Allah bin 'Adiy, dikenali juga dengan panggilan Ibn al-Qaṭṭān. Meninggal pada 365H. al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 112.

<sup>3</sup> Al-'Asqalāni (2003), *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn Ṣalāh*. Op.cit. h. 63.

d) *Al-Mu'allaq*: iaitu riwayat yang dihilangkan seorang perawi atau lebih, pada permulaan *sanad* secara berturutan atau hingga akhir *sanad*.<sup>1</sup> Menurut Imam al-Nawawi yang mula-mula menggunakan istilah ini adalah Imam al-Dārquṭnī.<sup>2</sup>

Gambarannya adalah seperti berikut:

- أ. Secara terus tanpa *sanad* dikatakan Rasul Allah s.a.w bersabda.
- ب. Sanadnya dihilangkan sehingga sampai kepada sahabat atau kepada *tābi'in* dan sahabat r.a.
- ج. Dihilangkan perawi yang menyampaikan riwayat kepadanya dan disandarkan *sanad* itu terus kepada perawi yang atas pada gurunya. Ulama' berselisih, adakah ini juga dinamakan *mu'allaq* ataupun *mudallas*? Sekiranya diketahui melalui kenyataan ulama' yang muktabar atau melalui kajian yang teliti bahawa perawi yang menghilangkan nama gurunya dalam *sanad* tadi adalah seorang *mudallis*, maka riwayat ini dihukum sebagai *mudallas*. Sekiranya tidak, maka riwayat ini adalah *mu'allaq*.<sup>3</sup>

Riwayat *al-mu'allaq* ini digolongkan sebagai riwayat yang *da'if* kerana tidak diketahui keadaan perawi yang telah dihilangkan itu. Sekiranya diketahui nama perawi yang dihilangkan itu, kemungkinan riwayat ini boleh diterima.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat al-'Asqalāni (1993), *Nuzhah al-Nadhar fi Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*, "nota kaki". Op.cit., h.77.

<sup>2</sup> Al-Suyūṭi, (t.t). Op.cit, h.116. Imam al-Dārquṭnī ialah Abū al-Hassan Ali bin 'Amru al-Dārquṭnī al-Baghdādī. Meninggal pada tahun 385 H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 113.

<sup>3</sup> Al-'Asqalāni (1993), *Nuzhah al-Nadhar fi Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Op.cit., h. 78.

<sup>4</sup> Ibid.

▪ **Hukum *al-mu'allaq* yang terdapat dalam Sahīh al-Bukhārī dan Muslim.**

Terdapat 1,341 riwayat *mu'allaq* dalam sahīh al-Bukhārī. Sekiranya riwayat-riwayat ini telah disambungkan sanadnya ditempat yang lain dalam kitab ini juga, maka hukumnya adalah sahīh.<sup>1</sup> Jika tidak disambung *sanad* ini ditempat lain dalam kitab ini, maka keadaannya adalah seperti berikut:

- a) Disebutkan dengan *jazam* (yakin) seperti: berkata fulan..., atau fulan meriwayatkan..., atau seumpamanya. Maka *sanad* ini sahīh hanya kepada perawi yang disandarkan padanya, dan kajian teliti harus diteruskan bagi menentukan keadaan *sanad* seterusnya.<sup>2</sup> Contohnya Ibn Hajar mengatakan; “*Sanad mu'allaq* ini sahīh sampai kepada Ṭawus, tetapi Ṭawus tidak sempat mendengar mana-mana riwayat dari Mu'ādh, maka ia *munqaṭi'*”. Jangan tertipu dengan kata-kata bahawa riwayat *mu'allaq* yang disebut dengan *jazam* dalam sahīh al-Bukhārī adalah sahīh disisinya secara mutlak, tetapi ia hanya sahīh sehingga kepada yang disandarkan sahaja. Walaupun begitu, riwayat yang didatangkan dengan cara ini menunjukkan Imam al-Bukhārī cenderung untuk menguatkannya.<sup>3</sup>
- b) Disebut dengan lafaz *tamrīḍ* (menunjukkan lemah) seperti: dikatakan fulan berkata... Riwayat *mu'allaq* sebegini mungkin sahīh atau *hasan* sekiranya dapat dikuatkan. Sebaliknya jika tidak dapat dikuatkan, maka ia adalah *ḍa'if*, dan Imam al-Bukhārī sendiri menjelaskannya.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat Muhammad Abū Layth Ābādī (2005). Op.cit., h.173.

<sup>2</sup> Lihat al-'Asqalāni (2003), *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.1. Op.cit., h.177.

<sup>3</sup> Ibid., h. 182.

<sup>4</sup> Ibid., h. 177

Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar telah menyusun sebuah kitab untuk menyambung kesemua riwayat *mu'allaq* dalam kitab ṣahih al-Bukhārī yang dinamakan “*Taghliq al-Ta'liq*”. Adapun riwayat *mu'allaq* dalam sahih Muslim mengikut Imam al-Nawawi adalah sebanyak 14 riwayat sahaja, atau 17 riwayat mengikut Imam al-Suyūṭī dan kesemuanya dinilai sebagai sahih oleh al-Nawawī.<sup>1</sup>

Topik ini mengakhiri perbincangan tentang teori *taḍ'if al-ḥadīth* yang berlaku disebabkan keadaan *sanad*. Penulis dapat simpulkan bahawa jika berlakunya *tajrīh* keatas perawi atau terputus hubungan *sanad* diantara mereka, maka ia memberi keraguan kepada ulama' hadith yang melakukan semakan dan penilaian keatas keutuhan *sanad* tersebut.<sup>2</sup>



---

<sup>1</sup> Lihat Muhammad Abū Layth Ābādī (2005). Op.cit., h. 174.

<sup>2</sup> Perlu diingatkan bahawa tidak semestinya *sanad* sesuatu riwayat itu *da'if* maka matnnya juga *da'if*, kemungkinan *matn* disahihkan disebabkan terdapat jalur *sanad* lain yang menguatkannya. Lihat Abū al-Hasan Mustafā bin Ismail al-Sulaymāni, seterusnya akan disebut sebagai al-Sulaymāni(2000), *Ithāf al-Nabīl bi Ajwibah Asilah 'Ulūm al-Ḥadīth wa 'Ilal wa al-Jarh wa Ta'dīl*, j.1. T.T.P: Maktabah al-Furqan, h. 292.

### 1.2.3 Tad'if al-Hadīth Disebabkan *Matn*

*Matn* dari sudut bahasa: *Matn* dari sudut bahasa Arab ialah bahagian yang tinggi.<sup>1</sup>

*Matn* dari sudut istilah: Dari sudut istilah *matn* hadith merupakan penghujung *sanad* yang mengandungi perkataan atau perbuatan atau *taqrir* ataupun sifat yang disandarkan kepada Rasul Allah s.a.w.<sup>2</sup>

Dalam perbincangan sebelumnya, teori *tad'if al-ḥadīth* telah menunjukkan bahawa kesilapan atau kekeliruan perawi boleh menyumbang kepada wujudnya kesalahan pada *matn* riwayat. Oleh itu para penyelidik hadith yang mahir tidak akan hanya menumpukan kajian kepada *sanad* untuk membuat penilaian keatas sesuatu riwayat, bahkan mereka akan mengkaji dengan mendalam keadaan *matn* riwayat kerana perawi yang *thiqah* juga tidak terlepas dari melakukan kesilapan atau kekeliruan. Inilah yang dilakukan oleh imam-imam hadith yang hebat seperti Imam Ahmad, al-Bukhārī, Abū Ḥātim al-Rāzī dan lain-lain. Perlu dinyatakan di sini, asas penyelidikan kepada *matn* riwayat sebenarnya dipelopori oleh para sahabat r.a. Antara mereka ialah Ummu al-Mu'minin Aisyah r.a yang mengkritik 'Umar bin al-Khaṭṭāb apabila beliau meriwayatkan bahawa Rasul Allah s.a.w bersabda; "Sesungguhnya mayat akan diazab disebabkan tangisan ahli keluarganya."<sup>3</sup> Aisyah berkata cukuplah apa yang Allah firmankan dalam *al-qurān*:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ...

"... dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain..."

Al-An'am: 164.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu*. Op.cit, kata kerja ن م ت ن , h. 2162.

<sup>2</sup> Muhammad Abū Layth Ābādī (2005). Op.cit., h. 25.

<sup>3</sup> Muhammad bin Ismail Abū 'Abd Allah al-Bukhārī, seterusnya disebut sebagai al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi' al-Ṣāhiḥ al-Mukhtasar* seterusnya disebut sebagai *Sāhiḥ al-Bukhārī*, no: 1226, j.1. Beirut, Dār Ibn Kathīr & al-Yamāmah, h. 423.

<sup>4</sup> Lihat Muhammad Ali Qāsim al-'Umari (2000). Op.cit. h. 27-28.



‘Umar bin al-Khaṭṭāb juga pernah mengkritik riwayat Fatimah binti Qays yang mengatakan Rasul Allah s.a.w tidak menetapkan tempat tinggal dan nafkah bagi isteri yang diceraikan dengan talak tiga. ‘Umar berkata; “Kita tidak boleh tinggalkan *al-qurān* dan sunnah Nabi kita s.a.w dengan mengambil perkataan wanita ini yang tidak diyakini adakah dia menghafal riwayat ini dengan betul atau tidak. Bagi isteri yang diceraikan dengan talak tiga ditetapkan tempat tinggal dan nafkah sebagaimana firman Allah s.w.t:

“Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah mereka dan janganlah mereka diizinkan keluar kecuali kalau mereka mengerjakan perbuatan keji yang terang.” [Al-Ṭalaq:1] .<sup>1</sup>

Imam Ibn Kathīr dan beberapa ulama’ yang lain telah meriwayatkan kisah segolongan Yahudi yang telah menonjolkan sebuah kitab yang mereka dakwa Rasul Allah s.a.w telah menghapuskan *jizyah*<sup>2</sup> kepada ahli *Khaybar* dengan disaksikan oleh beberapa sahabat r.a. Ali r.a dikatakan penulis kepada riwayat itu. Kitab ini telah dihadapkan kepada ketua tertinggi Abū al-Qāsim Ali bin al-Hassan, iaitu menteri kepada khalifah *al-‘Abbāsī* pada tahun 447 hijrah. Ketua tertinggi ini telah membentangkan kitab ini kepada Imam al-Khaṭīb al-Baghdādī. Setelah meneliti kitab ini, Imam al-Baghdādī berkata; “Kitab ini adalah palsu!”. Ditanya kepada beliau, bagaimana dia tahu kitab itu adalah palsu, maka jawabnya; “Dalam kitab ini mendakwa Saydina Mu’awiyah antara yang menjadi saksi sedangkan beliau hanya memeluk Islam pada tahun 8 hijrah sedangkan *Khaybar* dibuka pada tahun 7 hijrah. Ini bermakna Mu’awiyah belum memeluk Islam pada waktu itu dan sudah pasti dia tidak hadir di *Khaybar*.

Dalam kitab itu juga mendakwa Saydina Sa’d bin Mu’adh menjadi saksi sedangkan dia telah meninggal dunia pada tahun 5 hijrah ketika peristiwa Bani *Qurayzah* iaitu 2 tahun sebelum

---

<sup>1</sup> Penulis tidak bercadang mengupas lebih lanjut dalam kedua masalah ini, tetapi sekadar menunjukkan bahawa sahabat merupakan pengasas teori kritikan kepada *matn* hadith. Lihat Muhammad Ali Qāsim al-‘Umari (2000). Op.cit. h. 28.

<sup>2</sup> Iaitu cukai harta keatas ahli *dhimmi*. Lihat Sa’di Abū Jayb (1988), *al-Kamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilāhan*. Beirut, Dār al-Fikr, h.62.

pembukaan *Khaybar*. Keterangan ini telah meyakinkan ketua tertinggi bahawa kitab itu adalah palsu.”<sup>1</sup>

#### 1.2.4 Meneliti Amalan Perawi (الواقع العملي)

Iaitu keperluan pengkaji mengetahui apa yang dipraktikkan secara amali oleh perawi hadith, atau fatwanya. Sekiranya terdapat seseorang yang meriwayatkan dari perawi ini bercanggah dengan apa yang dia praktikkan secara amali, maka ini menjadi petunjuk terdapat kekeliruan atau kesalahan dan ini menyebabkan riwayat tersebut ditolak.<sup>2</sup>

Contoh:

Riwayat yang mengatakan Abū Hurayrah meriwayatkan bahawa seorang lelaki berkata: “Wahai Rasul Allah berapa lamakah tempoh diharuskan bersuci dengan memakai *khuf*?” Maka Baginda bersabda: “Bagi yang bermukim sehari semalam dan bagi yang musafir tiga hari tiga malam berturut-turut”.<sup>3</sup>

Imam Muslim mengkritik riwayat ini kerana telah sabit bahawa Abū Hurayrah mengingkari keharusan memakai *khuf*. Sekiranya beliau mengetahui keharusan memakai *khuf* serta tempoh bersuci dengannya, nescaya dia akan menjadi orang yang paling utama beramal dengan hadith ini dan jauh sekali mengingkari keharusan memakai *khuf*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Abū Ghuddah (1417 H ). Op.cit., h. 170.

<sup>2</sup> Al-Milyabari(2003), op.cit., h. 56.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Dan tidak mungkin sahabat sengaja menyanggahi riwayat yang dia sendiri sampaikan dari Nabi s.a.w. Lihat al-Milyabāri (2003), Ibid.

### 1.2.5 Keperluan Meneliti Asal Usul Terbitnya Riwayat (الواقع الحديثي)

Iaitu keperluan pengkaji meneliti dengan mendalam keadaan asal usul terbitnya riwayat dari perawi dan murid-muridnya. Siapakah dikalangan murid-muridnya yang lama mendampinginya serta memiliki kemantapan hafalan dan *ḍabit*? Sekiranya terdapat muridnya yang kurang masyhur, tidak lama mendampinginya atau kurang hafalan dan *ḍabit* meriwayatkan sesuatu yang bercanggah atau tidak diriwayatkan sama sekali oleh murid-murid yang lebih lama bersama dengannya yang mana mereka itu lebih mantap hafalan dan *ḍabit*, maka ini boleh menyebabkan riwayat itu ditolak.<sup>1</sup>

Contoh: Ibn Abī Hātim mengatakan; “Ditanya kepada ayahku tentang hadith yang diriwayatkan oleh Nuh bin Habīb dari ‘Abd al-Majīd bin ‘Abd al-Azīz dari Abī Rawād dari Malik bin Anas dari Zayd bin Aslam dari ‘Aṭā’ bin Yasar dari Abī Sa’īd al-Khudrī dari Nabi s.a.w bersabda: “إِنَّمَا أَعْمَالُ بِلِرِّيَّتٍ”. Berkata ayahku; “*Sanad* ini batil لَمْ أَصِلْ لَهُ , sepatutnya *sanad* itu diriwayatkan begini: dari Malik dari Yahya bin Sa’īd dari Muhammad bin Ibrahim dari ‘Alqamah dari Umar.” Maknanya Ibn Abī Rawād sepatutnya meriwayatkan hadith tadi dengan *sanad* yang dinyatakan oleh Abū Hātim, kerana begitulah para perawi *thiqāt* yang lain meriwayatkan hadith ini, tetapi beliau tidak teliti ketika mendengar riwayat ini dari Malik menyebabkan berlakunya kekeliruan, sehingga memasukkan *sanad* riwayat yang lain kepada *sanad* hadith ini, dan sememangnya Malik banyak meriwayatkan hadith dengan *sanad* Zayd bin Aslam dari ‘Aṭā’ bin Yasar dari Abi Sa’īd al-Khudrī. Dengan itu menjadi mudah ketika terkeliru memilih *sanad* yang sememangnya masyhur dari Malik untuk disandarkan kepada sesuatu hadith.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Lihat al-Milyabārī (2003), ‘*Ulūm al-Ḥadīth fī Ḍaw’ Taṭbiqāt al-Muhaddithīn al-Nuqād*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 55.

<sup>2</sup> Kekeliruan perawi seperti ini diistilahkan sebagai سلوك الجادة . Lihat al-Milyabārī (2003), ‘*Ulūm al-Ḥadīth fī Ḍaw’ Taṭbiqāt al-Muhaddithīn al-Nuqād*. Op.cit., h. 121.

Abū Hātim tidak menda'ifkan *sanad* hadith ini disebabkan Ibn Abi Rawād walaupun sememangnya terdapat kritikan keatasnya, tetapi beliau menda'ifkan *sanad* ini kerana ia bercanggah dengan realiti yang terkenal ( الواقعُ الحَدِيثِي ) tentang *sanad* Imam Malik meriwayatkan hadith ini.<sup>1</sup>

#### 1.2.6 Beberapa tanda pemalsuan hadith yang boleh dikesan melalui *matn*:

- I. Penggunaan lafaz Arab yang lemah. Ini kerana Rasul Allah s.a.w. tidak mungkin menggunakan bahasa yang lemah. Baginda merupakan orang Arab yang asli.<sup>2</sup>
- II. *Matn* itu mengandungi makna yang *fasad*. Seperti riwayat yang mengatakan; “Melihat kepada wajah yang cantik akan menerangkan pandangan”. Ini adalah sesuatu yang bercanggah dengan adab Islam dan boleh membawa kepada keruntuhan akhlak.<sup>3</sup>
- III. Bercanggah dengan *al-qurān* secara nyata. Seperti riwayat yang mengatakan; “Anak zina tidak akan masuk syurga hingga tujuh keturunan”. Sedangkan *al-qurān* jelas mengatakan: “ ... dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain...” [ Al-An'am: 164].<sup>4</sup>
- IV. Bercanggah dengan kebenaran tarikh. Contohnya adalah seperti kisah yahudi disebutkan sebelum ini.<sup>5</sup>
- V. *Matn* hadith menyokong bid'ah pegangan perawi. Seperti golongan *al-Rāfiḍi* meriwayatkan fadhilat ahli *al-bayt*.<sup>6</sup>
- VI. *Matn* hadith mengandungi perintah yang sepatutnya diketahui oleh ramai sahabat kerana ia disabdakan dikhalayak ramai, tetapi hanya diriwayatkan oleh seorang

---

<sup>1</sup> Ibid., h.121.

<sup>2</sup> Muṣṭafā al-Sibā'ī (1998), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmī*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī dan Dār al-Warāq, h. 116-119.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid.

perawi. Dalam pada itu mereka telah membuat keputusan yang bercanggah dengan makna hadith itu.<sup>1</sup>

Menurut Shaykh al-Mua'llimī al-Yamānī:<sup>2</sup> Bagi mereka yang menyelidiki kitab-kitab tarikh perawi hadith dan bibliografi mereka, begitu juga kitab-kitab *al-'Ilal*, nescaya mereka akan melihat banyak hadith dinyatakan oleh para ulama' dengan ungkapan hadith ini *munkar*, atau *bātil*, atau *mawḍū'*. Ramai juga dikalangan mereka yang menyebut tentang para perawi riwayat tersebut dengan ungkapan, perawi ini meriwayatkan hadith *munkar*, atau *munkar al-ḥadīth*. Jika diteliti, sebenarnya kritikan terhadap riwayat tersebut lebih jelas pada makna yang terkandung, tetapi disebabkan penekanan para ulama' lebih kepada keadaan perawi samada boleh dithiqahkan atau pun tidak, dan kebiasaannya riwayat yang *munkar* pasti ada perawi yang ditajrih, justeru itu mereka lebih cenderung mengkritik riwayat itu dengan menyatakan kepincangan sanadnya.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Beliau adalah Abū 'Abd Allah Abd al-Rahman bin Yahya bin Ali bin Abī Bakr al-Mu'allimī al-'Utmi al-Yamānī. Dinasabkan kepada Bani al-Mu'allim dari negeri 'Utmah Yaman. Lahir pada tahun 1313H dari keluarga yang sangat kuat pegangan agama. Pernah memegang jawatan ketua hakim, guru di Yaman dan kemudiannya dilantik sebagai pegawai di Dār al-Ma'ārif di India. Jawatan terakhirnya adalah sebagai pemegang amanah kepada perpustakaan al-Haram al-Makki. Beliau banyak memberi sumbangan ilmiah dalam bidang hadith dengan melakukan penelitian semula kepada kitab-kitab hadith khususnya kitab-kitab perawi-perawi hadith disamping memberi penekanan kepada ilmu aqidah mengikut *manhaj salaf*. Shaykh Albānī mengatakan bahawa beliau sangat mantap dalam ilmu *jarh wa ta'dīl*. Shaykh Bakr Abū Zayd menganggap beliau adalah seperti Imam Dhahabi dizamannya, seorang *al-'alāmah* dan *al-muhaqqiq*. Beliau telah meninggal dunia pada 1386H. Lihat Abū Usāmah Islām bin Mahmūd al-Najjār (1997), *Bulūgh al-Amānī min Kalām al-Mu'allimī al-Yamānī*. al-Riyāḍ: Dār Adwā' al-Salaf, h. 13-22.

<sup>3</sup> Ibid., h.113.

Menurut Shaykh Abū Ghuddah<sup>1</sup>: Perlu diberi perhatian bahawa kemampuan untuk menyelidik keadaan *matn* riwayat hanyalah mampu dilaksanakan oleh para ulama' besar yang mahir dan benar-benar menguasai ilmu hadith, fiqh dan tarikh seperti Imam Ibn Jarīr al-Ṭabari<sup>2</sup>, al-Ḥāfiẓ al-Khaṭīb al-Baghdādī dan Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah. Semoga Allah merahmati mereka semua.<sup>3</sup>

### 1.3 *Da'īf Mujbar* (*Da'īf* yang boleh dikuatkan)

*Da'īf mujbar* ialah hadith yang ada kelemahan tetapi tidak sampai ke peringkat perawinya dituduh sebagai pendusta atau terlalu kerap melakukan kesalahan, kemudiannya dikuatkan dengan jalan *sanad* yang lain sebagai penyokong.<sup>4</sup>

Menurut Imam Ibn Hajar, riwayat *da'īf* yang memiliki banyak jalur *sanad* boleh dinaikkan taraf menjadi *hasan*.<sup>5</sup>

#### Keadaan hadith *da'īf* yang boleh dikuatkan

- a) Hadith yang ada perawi *majhūl* dan *mastūr*. Perlu dinyatakan bahawa kelonggaran harus diberikan bagi golongan *tābi'in* yang *majhūl*. Adapun bagi perawi yang selepas peringkat mereka haruslah diberi ketelitian yang lebih. Ini kerana kewujudan perawi pendusta di zaman *tābi'in* adalah sedikit. Dikatakan kepada Yazid bin Aslam (seorang *tābi'in* kecil), “Dari siapa kamu ambil

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū Zahid dan Abū al-Fatuh ‘Abd al-Fattāh bin Muhammad bin Bashir bin Hassan Abū Ghuddah. Seorang tokoh hadith dari madhhab Hanafi. Lahir di negeri Halab Syiria pada 1917 bersamaan dengan 1336H. Pernah menjadi guru sekolah menengah di negeri Halab kemudiannya pensyarah di Universiti Dimasyq seterusnya di Universiti al-Imam Muhammad bin Sa’ūd al-Islāmiah dan Malik Muhammad bin Sa’ūd di Riyāḍ. Banyak sumbangan dalam arena dakwah dan penyebaran ilmu khususnya ilmu hadith. Beliau meninggal dunia pada hari ahad 9 syawal bersamaan dengan 1417H di Bandar Riyāḍ ketika berusia 81 tahun. Semoga Allah merahmatinya dan menghimpunkannya dikalangan hamba-hambanya yang soleh. Amin. Lihat Abū al-Fattāh Abū Ghuddah (2000), *Ṣafahāt min Ṣabr al-Ulama'*, Biodatanya ditulis oleh anaknya Salmān pada mukadimah kitab. Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiah, h. 9-36.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabari. Meninggal pada 311H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 110.

<sup>3</sup> Abū Ghuddah (1417H), *Lamahāt min Tārikh al-Sunnah wa 'Ulūm al-Ḥadīth*. Op.cit., h. 171.

<sup>4</sup> al-Juday' (2004), j. 2, op.cit., h.1087.

<sup>5</sup> Lihat Ḥāfiẓ Thanāu Allah al-Zāhidī (2003), *Tawjīh al-Qārī ilā al-Qawā'id wa al-Fawā'id al-Usūliyah wa al-Ḥadīthiyah wa al-Isnādiyah fī Fath al-Bāri*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h.134.

riwayat ini wahai Abū Salmah?” Beliau mengatakan; “Tidaklah kami duduk dengan orang-orang yang bodoh dan mengambil riwayat dari mereka.”<sup>1</sup>

Walaupun begitu secara umumnya perawi yang *majhūl* boleh dikuatkan dengan *sanad* yang lain sebagaimana hadith *al-munqati’*.<sup>2</sup>

Menurut al-Dārquṭnī:

مَنْ لَمْ يَرَوْ عَنْهُ إِلَّا رَجُلًا وَاحِدًا، انْفَرَدَ بِخَبْرٍ، وَجِبَ التَّوَقُّفُ عَنْ خَبْرِهِ ذَلِكَ حَتَّى يُوَافِقَهُ غَيْرُهُ.

“Siapa yang tidak diambil riwayat darinya melainkan seorang perawi sahaja, yang mana dia dengan itu bersendirian membawa khabar, mesti ditangguhkan penerimaan khabar itu sehingga ada persamaan dari jalan perawi yang lain.”<sup>3</sup>

Kenyataan Imam al-Dārquṭnī yang dinukilkan ini, menjelaskan bahawa riwayat dari perawi yang *majhūl* yang disifatkan sebagai seorang yang tiada mengambil riwayat darinya melainkan dari seorang perawi sahaja, dalam keadaan bersendiriannya dia membawa khabar itu, masih boleh dipertimbangkan riwayat itu untuk dikuatkan dengan sokongan sanad yang lain.

b) Hadith perawinya *سَيِّءُ الْخِطَابِ* : iaitu lemah hafalannya tetapi tidak sampai

keperingkat terlalu kerap melakukan kesalahan. Imam al-Tirmidhī banyak menguatkan riwayat yang perawinya berkeadaan sebegini. Ini disebabkan secara umumnya sifat benar ada pada perawi itu. Termasuk juga dalam kategori ini perawi yang *thiqah* kemudian berubah, begitu juga hadith perawi yang menerima *talqin*. Riwayat mereka apabila ada sokongan boleh dikuatkan.

c) Perawi yang berlakunya *اضْطِرَابٌ* dalam hadithnya disebabkan buruk hafalan.

*اضْطِرَابٌ* adalah berbeza-beza dalam keadaan sama kuat dari semua sudut.

<sup>1</sup> al-Juday’ (2004), j. 2. Op.cit., h. 1076.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid., h.1077.

Apabila ada sokongan dari riwayat yang lain keatas mana-mana riwayat yang *اضْطْرَاب* tadi, maka ia menjadi *murajjih* (penguat) untuk menetapkan bahawa riwayat itulah yang betul.

- d) Perawi yang berlaku ikhtilaf dalam hadithnya.<sup>1</sup> Sekiranya terdapat *murajjih* bagi menentukan yang mana riwayat yang betul, maka hadith itu akan diterima.<sup>2</sup>

### 1.3.1 Kesimpulan riwayat yang boleh dikuatkan

Maka boleh dikaji untuk dikuatkan semua riwayat yang tidak sabit adanya perawi yang pendusta atau *munkar* ataupun banyak kesalahan seperti hadith yang diistilahkan sebagai:

- I. *Al-Munqaṭi'*
- II. *Al-Mursal*
- III. *Al-Mu'dal*, khususnya pada peringkat *tābi'in*. Adapun peringkat yang bawahan, maka ruang untuk dikuatkan adalah lemah.<sup>3</sup>
- IV. *Al-Mu'allaq* sekiranya ditemui sanadnya yang lengkap.<sup>4</sup> Sekiranya tidak ditemui maka kedudukannya samalah dengan *ما لا أصل له* iaitu riwayat yang tiada asas sama sekali.
- V. *Al-Mudallas* dengan syarat perlakuan *tadlis* tidak berlaku kepada perawi yang *الْمُتَّهَمُ بِالْكَذِبِ* atau *مَثْرُوكُ الْحَدِيثِ*.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Iaitu ikhtilaf samada pada namanya atau laqabnya ataupun lafaz matnnya, sebagaimana yang telah dibincangkan pada perbahasan *jahālah* pada halaman 22-23.

<sup>2</sup> Ibid., h. 1078.

<sup>3</sup> Imam al-Bayhaqī, Shaykh Albāni dan Shaykh Bakr Abū Zayd tidak menghadkannya kepada peringkat *tābi'in* sahaja. Lihat al-Sulaymāni (2000), j. 2. Op.cit. h. 234 -235.

<sup>4</sup> Diketemui dari hasil kerja Shaykh Albāni dan kenyataan Shaykh Bakr Abū Zayd yang menjadikan riwayat *mu'allaq* boleh dikuatkan secara mutlak. Lihat al-Sulaymāni (2000), j. 2. Ibid., h. 234.

<sup>5</sup> Al-Juday' (2004), j.2. Op.cit., h.1081.



Sekumpulan ulama' menyatakan sekiranya sesuatu riwayat *sanad* yang *ḍa'īf* itu diamalkan oleh sekumpulan ulama' ataupun dengan makna riwayat sahaja, ia boleh menjadikan *sanad* itu kuat, bahkan mungkin lebih kuat dengan semata-mata sokongan (*mutāba'āt*) dari *sanad ḍa'īf* yang lain. Antara ulama' yang berpendapat sebegini adalah:

- i. Imam al-Shāfi'ī.<sup>1</sup>
- ii. Imam al-Bayhaqī.<sup>2</sup>
- iii. Imam Ibn 'Abd al-Barr.<sup>3</sup>
- iv. Imam Ibn al-Qayyim.<sup>4</sup>
- v. Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar.<sup>5</sup>
- vi. Shaykh Zafar Ahmad al-Uthmānī al-Tahānui.<sup>6</sup>

Menurut Shaykh Albānī, sesuatu riwayat boleh dinilai sebagai sahih sekiranya diterima secara sepakat oleh para ulama' hadith walaupun ia tidak memiliki *sanad* yang sahih.<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat al-Sulaymāni (2000), j.1. Ibid., h. 247-249.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid. Beliau adalah seorang tokoh hadith dari benua India. Lihat Zafr Ahmad al-Uthmānī al-Tahānui (2000), *Qāwaid fī 'Ulūm Al-Ḥadīth*, "Tarjamah Al-Muallif". Al-Qāherah: Dār al-Salam, h.9.

<sup>7</sup> Eṣam Musa Hādi (1422), *al-Rawḍ al-Dhāī fī al-Fawāid al-Ḥadīthiyah li al-'Alāmah Muhammad Nāsr al-Dīn Albānī*. Jordan: al-Maktabah al-Islāmiah, h. 140-141.

#### 1.4 *Da'if Ghayr Mujbar*

Iaitu riwayat yang tidak boleh dikuatkan kerana kelemahan yang kritikal. Keadaannya adalah seperti berikut:

- I. Perawi yang disifatkan sebagai *مُنْكَرُ الْحَدِيثِ* , *مَتْرُوكُ الْحَدِيثِ* , *شَرِيحُ الضَّعْفِ* , atau apa juga ibarat yang memberi makna yang hampir dengan ini.
- II. Perawi *الْمُتَّعَمُّ بِالْكَذِبِ* dituduh sebagai pendusta, atau *سَرِقَةُ الْحَدِيثِ* dituduh sebagai pencuri riwayat hadith dan lebih lagi apabila tuduhan demikian memang sabit.<sup>1</sup>

Al-Tirmidhī selepas menyebut nama perawi *محمد بن عبد الرحمن بن أبي ليلى* dan *مجالد بن سعيد* berkata; “Sekiranya salah seorang dari mereka ini bersendirian ( *تَفَرَّدَ* ) membawa riwayat hadith sedangkan tidak ada riwayat lain yang menyokong, maka tidak harus berhujah dengan mereka, sebagaimana kata Imam Ahmad bin Hanbal, “ *ابن أبي ليلى* tidak boleh berhujah dengan riwayatnya”. Yang dimaksudkan itu adalah apabila perawi itu bersendirian.

Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan; “Tidaklah riwayat *ابن لؤي* dianggap hujah, dalam pada itu saya masih menulis periwayatannya untuk kajian dan riwayat sokongan”.<sup>3</sup> Menurutny lagi; “Riwayat dari perawi yang *da'if* boleh dijadikan hujah pada ketika tertentu, tetapi *المُنْكَرُ أَبَا مُنْكَرٍ* (perawi yang *munkar*, tetap riwayatnya *munkar*).”<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Al-Juday' (2004), j.2. Op.cit., h. 1078.

<sup>3</sup> Ibid., h. 1078 – 1079.

<sup>2</sup> Ibid., h. 1079.

#### 1.4.1 Kesimpulan riwayat yang tidak boleh dikuatkan

- *Al-Maqlūb*
- *Al-Muṣaḥḥaf*
- *Al-Mudraj*
- *Al-Shādh*
- *Al-Mu'allal* yang dikenal pasti kesalahannya.
- *Al-Munkar*
- *Al-Mawḍū'*<sup>1</sup>

Menurut Shaykh al-Milyabārī; “Sesungguhnya hadith *ḍa'īf* yang boleh dikuatkan dengan *mutāba'āt* dan *shawāhid*<sup>2</sup> adalah hadith yang tidak jelas berlakunya kesalahan dari perawi yang *ḍa'īf* yang tidak sampai peringkat *matruk*”. Jenis *ḍa'īf* yang semacam ini sahaja yang boleh dikuatkan bukannya jenis *ḍa'īf* yang lain. Jika telah nyata berlakunya kesalahan maka tidak boleh dikuatkan lagi. Tidak dengan *mutāba'āt* mahupun *shawāhid* sebagaimana riwayat ini juga tidak boleh menjadi *mutāba'āt* dan *shawāhid*. Kesalahan tetap kesalahan walaupun perawinya *thiqah* ataupun imam. Sebagaimana yang kita maklum, diterima atau ditolak sesuatu riwayat tidaklah hanya bergantung kepada keadaan perawi semata-mata.<sup>3</sup>



---

<sup>1</sup> Lihat al-Juday' (2004), j. 2. Op.cit., h. 1081- 1082.

<sup>2</sup> *Al-Mutāba'āt* ialah wujud perawi lain yang berkongsi meriwayatkan hadith itu dari sahabat Nabi s.a.w yang sama, yang mana dia mengambil hadith itu dari guru perawi *sanad* yang pertama atau perawi yang lebih atas darinya. Adapun *al-shawāhid* adalah wujudnya sahabat meriwayatkan *matn* hadith yang sama dari segi lafaz atau makna dengan sahabat yang lain. Lihat Muhammad Abū Layth Ābādī (2005). Op.cit., h. 20-30.

<sup>3</sup> Al-Milyabārī (2003), '*Ulūm al-Hadīth fi Ḍaw' Taḥqīqāt al-Muhadīthin al-Nuqad*. Op.cit., h.187.

## 1.5 Kewujudan Hadith *Ḍa'īf* Dalam Himpunan Kitab Induk Hadith

Yang dimaksudkan dengan kitab induk hadith adalah kitab-kitab yang telah disusun serta dihimpun periwayatan hadith oleh ulama' hadith dengan *sanad* mereka sehingga sampai kepada Nabi s.a.w. seperti kitab al-Muwaṭṭa' Imam Malik<sup>1</sup>, Musnad Imam Ahmad, kemudiannya kitab-kitab yang disusun bermula pada kurun yang ketiga hijrah (200-300H) seperti kitab Sahih Imam al-Bukhārī, Sahih Muslim, *Sunan* Abū Dāud, *Sunan* al-Tirmidhī, *Sunan* al-Nasāi, *Sunan* Ibn Mājah. Keenam-enam buah kitab ini dikenali sebagai *Kutub al-Sittah*. Begitu juga kitab-kitab hadith yang disusun pada kurun yang keempat seperti *al-Mu'jam al-Kabīr*, *al-Awṣaṭ* dan *al-Ṣaghīr* oleh Imam Sulayman bin Ahmad al-Ṭabrānī<sup>2</sup>, Sahih Imam Muhammad bin Ishaq bin Khuzaymah dan lain-lain lagi.

Shaykh Ahmad Shākir mengatakan;<sup>3</sup> “Yang benar dengan tiada keraguan disisi ahli hadith bahawa kesemua hadith dalam Sahih al-Bukhārī dan Muslim tidak ada yang *Ḍa'īf*. Adapun kritikan keatas beberapa hadith dalam kedua-dua buah kitab ini oleh Imam al-Dārquṭnī dan beberapa ulama' yang lain hanyalah dari sudut kekuatan kedudukan sahih yang ditetapkan oleh kedua-dua imam tersebut.”<sup>4</sup>

Menurut Shaykh Mahmūd al-Ṭahhān; “Jangan terpedaya dengan dakyah segolongan pihak yang mendakwa atas nama kajian ilmiah bahawa terdapat beberapa hadith *Ḍa'īf* dalam kitab Sahih al-Bukhārī dan Muslim”. Tambahnya lagi; “Golongan itu samada terdiri dari mereka yang memiliki pengetahuan tentang ilmu hadith yang mahu menonjolkan diri mereka sebagai pakar hadith yang mampu mengkritik dan membetulkan

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū 'Abd Allah Malik bin Anas al-Aṣbahi al-Madani. Meninggal pada tahun 179H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 98.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Shāmī al-Ṭabrānī. Meninggal di negeri Asfahān pada 360H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 112.

<sup>3</sup> Beliau ialah Ahmad bin Muhammad Shākir bin 'Abd al-Qadir. Meninggal pada tahun 1958 bersamaan 1377H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz 1. Op.cit, h. 253.

<sup>4</sup> Lihat Ahmad Shākir (1951), *al-Bā'ith al-Hathūth Syarh Ikhtisār Ulūm al-Ḥadīth*, “nota kaki”. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyah, h.31.

kesilapan para ulama' hadith yang muktabar, ataupun golongan yang diupah oleh musuh-musuh Islam supaya menimbulkan kesangsian terhadap sunnah Nabi s.a.w.<sup>1</sup>

Perlu dinyatakan disini, sememangnya berlaku dalam keadaan tertentu Imam Al-Bukhārī dan Muslim mengeluarkan riwayat dari perawi yang *ḍa'īf*. Hal ini sebenarnya telah sedia maklum disisi para ulama'. Masalah ini boleh difahami dengan kesimpulan yang berikut:

- i. Mereka berdua memilih untuk mengeluarkan riwayat dari perawi yang *ḍa'īf* setelah melakukan pemilihan yang teliti dan rapi sehingga menyakinkan (الانتقاء) bahawa riwayat itu menepati riwayat perawi-perawi yang *thiqah*. Ini bermakna mereka tidak berhujah dengan perawi *ḍa'īf* itu secara mutlak, tetapi khusus pada riwayat tertentu itu sahaja.<sup>2</sup>
- ii. Ada kemungkinan perawi itu dinilai *thiqah* oleh mereka berdua, tetapi dinilai *ḍa'īf* oleh ulama' yang lain. Maka mereka mengeluarkan riwayat perawi itu atas alasan tidak sabit adanya *al-jarh* atau *al-jarh* yang ditetapkan kepada perawi itu tidak kritikal.<sup>3</sup>
- iii. Riwayat dari perawi yang *ḍa'īf* itu dikeluarkan sebagai *mutaba'āt* atau *shawāhid* dan bukan riwayat pada usul hadith.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat Mahmūd al-Ṭahhān (1991), *Usūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asanīd*. Al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, h.182.

<sup>2</sup> Abū 'Abd Allah Reḍa al-Aqsarī (2001), *Irsyād al-Khalīl bi Fawā'id min al-Muṣṭalah wa al-'Ilal wa al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Mesir: Dār Ibn Umar, h. 97.

<sup>3</sup> Ibid., h.102.

<sup>4</sup> Ibid., h 105.

- iv. Berlaku kritikan yang membawa kepada da'ifnya perawi tersebut, tetapi ia berlaku selepas riwayat itu diambil oleh al-Bukhārī dan Muslim.<sup>1</sup>
- v. Dikeluarkan sesuatu riwayat dari perawi yang *ḍa'īf* kerana sanadnya *'uluw* , sedangkan mereka memiliki riwayat tersebut melalui perawi-perawi yang *thiqah* tetapi sanadnya *nāzil*.<sup>2</sup>
- vi. Terdapat perawi yang dinilai *ḍa'īf* jika beliau mengeluarkan riwayat dari shaykh - shaykh yang tertentu sahaja bukan semua shaykh, atau perawi dinilai *ḍa'īf* kerana mengeluarkan riwayat melalui shaykh yang dia tidak terkenal mengambil riwayat darinya. Imam al-Bukhārī dan Muslim mengeluarkan riwayat melalui perawi yang keadaannya begini tetapi melalui shaykh-shaykh yang dinilai *ḍa'īf* jika dia mengambil dari mereka atau shaykh-shaykh yang memang dikenali periwayatannya dari mereka.<sup>3</sup>

Imam Abū Dāud berkata; “Apa juga riwayat hadith yang sangat lemah dalam kitabku ini telah aku jelaskan keadaannya, dan ada yang tidak sah sanadnya.<sup>4</sup> Adapun apa yang tidak aku nyatakan sesuatu padanya maka ia adalah *ṣāleh*”.<sup>5</sup> Kenyataan ini telah menjadi perbincangan dikalangan ulama' hadith, adakah semua hadith yang tidak dikomentari oleh Abū Dāud dalam Sunannya adalah *ṣāleh*? Iaitu baik dan boleh dijadikan hujah?

Menurut Ibn Hajar; “Imam Abū Dāud turut meriwayatkan hadith melalui perawi-perawi yang *ḍa'īf* seperti موسى بن وردان، عبد الله بن محمد بن عقيل، صالح مولى التوأمة، ابن لهيعة

<sup>1</sup> Ibid., h. 107.

<sup>2</sup> Ibid., h. 108. Yang dimaksudkan dengan *'uluw* ialah bilangan perawi dalam *sanad* yang bersambung tidak ramai. Adapun *sanad nāzil* adalah *sanad* yang bilangan perawinya ramai. Lihat 'Abd Allah Sirāj al-Din (t.t), *Sharh al-Manzūmah al-Bayquniyyah*. Dimashq: Maṭba'ah al-Ṣabāh, h.153.

<sup>3</sup> Op.cit., h. 109.

<sup>4</sup> Maksudnya kata Abū Ghuddah: sanadnya boleh menjadi *hasan* atau *sanad ḍa'īf* yang boleh dikuatkan.

<sup>5</sup> Abū Ghuddah (1997), *Thalāth Rasā'il fī 'Ulūm Muṣṭalah al-Ḥadīth*, kitab *Risālah al-Imam Abī Dāud al-Sajastānī ilā Ahl Makkah fī Wasf Sunannah*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyah, h.37-38.

دلم بن صالح dan lain-lain lagi.”<sup>1</sup> Tambahnya lagi terdapat dalam *Sunan* Abū Dāud riwayat-riwayat yang terputus sanadnya (*munqaṭi*’) atau perawi-perawi yang *mubham*.

Contohnya :

Imam Abū Dāud meriwayatkan dari jalur Abī al-Ṭayyāh yang berkata; “Telah memberitakan kepadaku seorang shaykh, apabila Ibn Abbas sampai di Basrah, beliau telah diberitahu oleh ahli Basrah tentang Abū Musa r.a...” Kemudian dia pun meriwayatkan hadith: “Apabila seseorang dari kamu hendak membuang air kecil, maka pilihlah tempat yang boleh meresapi air...”<sup>2</sup>

Shaykh dalam *sanad* ini *mubham*, tidak diketahui siapa dia. Maka riwayat yang sebegini tidak boleh dijadikan hujah kerana terdapatnya *’illah*. Oleh itu al-Hāfiẓ Ibn Hajar menetapkan bahawa tidak harus bersandarkan kepada diamnya Abū Dāud terhadap sesuatu riwayat dengan menganggap bahawa kedudukan hadith itu adalah *ṣāleḥ* untuk dijadikan hujah.<sup>3</sup>

Shaykh al-Laknawī al-Hindī<sup>4</sup> menjelaskan tentang kewujudan hadith-hadith *ḍa’if* dalam kitab-kitab induk hadith dengan berkata; “Bukan semua yang diriwayatkan dalam kitab-kitab induk hadith adalah sahih atau *hasan*, bahkan ia mengandungi khabar yang sahih, *hasan*, *ḍa’if* dan *mawḍū’*”. Imam al-Nawawī telah menyebut bahawa dalam kitab *al-Sunan* mengandungi hadith yang sahih, *hasan*, *ḍa’if* dan *munkar*. Menurut Imam al-Dhahabī dalam kitabnya *Siyar ‘Alām al-Nubalā’*, bahawa hadith yang paling tinggi kedudukannya dalam *Sunan* Abū Dāud adalah seperti berikut:

- I. Apa yang diriwayatkan juga dalam Sahih al-Bukhārī dan Muslim.
- II. Apa yang diriwayatkan juga oleh salah seorang dari Imam al-Bukhārī atau Muslim.

<sup>1</sup> Lihat al-‘Asqalāni (2003), *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*, j.1. Op.cit., h. 275.

<sup>2</sup> Lihat Imam Abū Dāud (1998), *Kitāb al-Sunan, Sunan Abi Daud*, no.3, j.1. Beirut: Muassasah al-Rayyān, h. 150.

<sup>3</sup> Ibid., h. 278-279.

<sup>4</sup> Seorang ulama’ hadith tersohor dari benua India. Meninggal pada 1304H. Lihat al-Zirkali (1999), Juz.6. Op.cit., h.187.

- III. Riwayat yang tidak ada dalam Sahih al-Bukhārī atau Muslim tetapi sanadnya baik, selamat dari *'illah* dan *shādh*.
- IV. Riwayat yang sanadnya adalah *ṣāleh* dan diterima ulama' dengan disokong melalui jalur yang lain walaupun lemah.
- V. Riwayat yang dida'ifkan kerana kekurangan kemantapan hafalan perawi. Abū Dāud biasanya berdiam dari memberi komentar pada *sanad* yang sebegini.
- VI. Riwayat yang jelas ada kelemahannya pada perawi. Biasanya beliau tidak akan diam dari memberi komentar. Adakalanya beliau diam dan tidak memberi sebarang komen kerana perawi telah masyhur dengan kelemahannya.<sup>1</sup>

Abū Nasr 'Abd al-Rahim bin 'Abd al-Khālīq<sup>2</sup> berkata; “Kitab *Jāmi'* al-Tirmidhī<sup>3</sup> terbahagi kepada empat bahagian:

- I. Diyakini akan kesahihannya.
- II. Menepati syarat Abū Dāud dan al-Nasāi.
- III. Riwayat yang dijelaskan *'illahnya*.
- IV. Menjelaskan bahawa apa yang diriwayatkan itu diamalkan oleh sebahagian *fuqahā'*”<sup>4</sup>

Tambahnya lagi; “Imam Ibn Mājah adalah seorang *ḥāfīz*, *sadūq* dan luas ilmunya.

Kedudukan kitab Sunannya lebih rendah dari kitab *Sunan* yang lain kerana ada riwayat-

<sup>1</sup> Al-Laknawī (1997). Op.cit., h. 66-68.

<sup>2</sup> Dinasab sebagai al-Yusufi. Meninggal pada 574H. Lihat al-Laknawī (1997), *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-Asilah al-'Asharah al-Kāmilah*, “nota kaki”. Op.cit., h.68.

<sup>3</sup> Ulama' berbeza-beza dalam menamakan kitab al-Tirmidhī ini. 1- al-Khatīb menamakannya sebagai *al-Ṣahih al-Tirmidhī*. 2- al-Hakim menamakannya sebagai *al-Jāmi' al-Ṣahih*. 3- Sebilangan kecil ulama' menamakannya dengan *al-Jāmi' al-Kabīr*. 4- Masyhur juga dengan nama *al-Sunan*. 5- Di namakan sebagai *al-Jāmi'*, dan nama ini lebih masyhur. Lihat Nur al-Dīn'Etr, (1988), *al-Imam al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah bayna Jāmi'ieh wa baina al-Ṣahihayn*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h.50-51.

<sup>4</sup>Al-Laknawī (1997), *Al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-Asilah al-'Asharah al-Kāmilah*, Op.cit., h. 68.



riwayat yang *munkar* dan *mawḍū*”.<sup>1</sup> Ibn Hajar mengatakan; “Aku telah menemui tulisan al-Ḥāfiẓ Shams al-Din Muhammad bin Ali al-Husaynī<sup>2</sup> yang mengatakan; “Saya mendengar kata Shaykh kami al-Ḥāfiẓ Abū al-Hajāj al-Mizzī<sup>3</sup> berkata; semua yang Ibn Mājah bersendirian dalam meriwayatkannya adalah *ḍa’if*.” Iaitu bersendirian meriwayatkan hadith dari imam-imam yang lima”.<sup>4</sup> Ibn Hajar bagaimanapun menetapkan bersendirian disini bukannya pada riwayat tetapi, pada perawi.<sup>5</sup>

Imam al-Suyūṭī menukulkan dari Imam Abū ‘Abd Allah bin Rushayd<sup>6</sup> berkata; “Kitab “Kitab al-Nasāi adalah karangan yang begitu baik susunannya. Bandingannya adalah hampir dengan kitab Sahih al-Bukhārī dan Muslim , dan disertai penjelasan berkenaan *‘illah*. Secara umumnya kitab ini adalah merupakan kitab yang paling kurang wujudnya hadith *ḍa’if* dan perawi-perawi yang ditajrih selepas Sahih al-Bukhārī dan Muslim. Diikuti dengan kitab Abū Dāud dan al-Tirmidhī. Adapun Ibn Mājah adalah lebih rendah kedudukannya kerana beliau mengeluarkan riwayat dari perawi yang dituduh sebagai pendusta dan pencuri hadith”.<sup>7</sup>

Tentang *Sunan* al-Dārquṭnī, berkata Imam Ibn ‘Abd al-Hādī al-Hanbali;<sup>8</sup> “Terhimpun pada kitab ini riwayat-riwayat yang *gharīb*, dan banyak juga riwayat yang *ḍa’if*, *munkar* bahkan *mawḍū*”. Katanya lagi; “Adalah suatu kebiasaan bagi Imam al- Dārquṭnī dan mereka yang sepertinya mendatangkan riwayat yang *ḍa’if* dan *mawḍū*’dalam *Sunan*

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 71.

<sup>2</sup> Beliau ialah al-Sharif Shams al-Din Abū al-Mahasin Muhammad bin Ali al-Husayni al-Dimashqi al-Shāfi’ī. Meninggal pada 765H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 133.

<sup>3</sup> Beliau ialah Abū al-Hajāj Yusuf bin ‘Abd al-Rahman al-Mizzī. Meninggal pada 742H. Ibid., h.129.

<sup>4</sup> Iaitu al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāud, al-Tirmidhī dan al-Nasāi.

<sup>5</sup> Al-Laknawī (1997), *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-Asilah al-‘Asharah al-Kāmilah*, “nota kaki”. Op.cit., h. 72.

<sup>6</sup> Pakar dalam pelbagai bidang khususnya ilmu hadith. kata Imam al-Mizzī dan al-Dhahabi; “Aku tidak bertemu dengan dia melainkan aku mendapat ilmu yang berfaedah”. Meninggal pada tahun 744H. Al-Suyūṭī (1983) *Ṭabaqāt al-Huffāz*, “al-Ṭabaqah al-Hādiyah wa al-Isḥrūn”. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, h. 528.

<sup>7</sup> Al-Laknawī (1997). Op.cit., h. 75.

<sup>8</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin ‘Abd al-Hādī bin Abd al-Hamid bin al-Hādī. Dikenali sebagai Ibn ‘Abd al-Hadi, merupakan murid kepada Ibn Taimiyyah dan al-Dhahabi. Meninggal pada 744H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz 5. Op.cit., h. 326.

bertujuan dapat dikenali riwayat tersebut.” Beliau dan ulama’ yang lain biasanya akan menjelaskan keda’ifan riwayat-riwayat itu.<sup>1</sup>

Kitab karangan Imam al-Bayhaqī juga terdapat hadith-hadith yang *da’if*, begitu juga Imam al-Ḥākim. al-‘Aynī;<sup>2</sup> mengatakan; “Telah sedia maklum akan *tasāhul* (mengambil mudah) Imam al-Ḥākim dengan mengasihihkan hadith-hadith yang *da’if*, bahkan *mawḍū’*”.<sup>3</sup> Shaykh Wali Allah al-Dihlawī<sup>4</sup> yang telah membahagikan kitab-kitab hadith kepada dua *tabaqāt* (peringkat):

- I. Al-Muwatta’, Sahih Al-Bukhārī dan Muslim, *Sunan* Abū Dāud, *Sunan* Al-Tirmidhī dan *Sunan* al-Nasāi.
- II. *Masānid, al-Jawāmi’*, *Muṣannafāt*. Begitu juga kitab yang disusun sebelum Imam al-Bukhārī dan Muslim atau yang sezaman atau selepas mereka, yang mana kitab-kitab itu terhimpun padanya hadith-hadith *al-ṣahih, al-hasan, al-da’if, al-ma’rūf, al-gharīb, al-shādh, al-munkar*, yang ada kesalahan dan betul, dan yang *al-thābit* dan *al-maqlūb*. Tambahnya lagi; “Kitab-kitab ini tidaklah begitu begitu masyhur dikalangan ulama’, seperti: *Musnad* Abū Ya’lā, *Muṣannaf* ‘Abd Al-Razāk, *Muṣannaf* Abū Bakar bin Abī Shaybah, *Musnad* ‘Abd bin Humayd, *Musnad* al-Ṭayālīsī dan kitab-kitab al-Bayhaqī, al-Ṭahāwī dan al-Ṭabrānī.<sup>5</sup> Hasrat mereka menyusun kitab-kitab ini hanyalah untuk menghimpunkan apa yang mereka temui dan bukan meringkaskannya serta mendekatkannya untuk diamalkan. Maka ia tidak begitu popular dikalangan *fuqahā’*, tidak disemak oleh ahli hadith tentang

<sup>1</sup> Abū Ghuddah (1992), *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Bayān Madlūlluhā al-Shar’ī wā Ta’rif bi Hāl Sunan al-Dārquṭnī*. Beirut: Maktab al-Matbu’āt al-Islāmiah, h. 27.

<sup>2</sup> Beliau ialah Badr al-Dīn Abū Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aynī al-Hanafī. Meninggal dunia pada 855H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h. 135.

<sup>3</sup> Al-Laknawī (1997). Op.cit., h. 80.

<sup>4</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd al-Aziz Ahmad bin ‘Abd al-Rahim Al-Farūqī Al-Dihlawī Al-Hindī. Seorang tokoh dalam fiqh al-Hanafi dan hadith dari benua India. Meninggal pada 1176H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz.1. Op.cit, h. 149.

<sup>5</sup> Shaykh Abū Ghuddah tidak setuju kitab al-Bayhaqī dan al-Ṭahāwī digolongkan ke peringkat ini, kerana kehebatan mereka telah diakui, khasnya Imam al-Ṭahāwī. Lihat al-Laknawī (1997). Op.cit., “nota kaki”, h. 90.

kuat atau lemahnya riwayat itu dan tidak juga diperbahaskan makna-makna yang ganjil oleh ulama' bahasa Arab dan tidak diambil oleh ahli fiqh untuk dipraktikkan sebagai amalan ulama' *salaf*. Yang dimaksudkan ini adalah usaha-usaha dari ulama' terdahulu bukannya ulama' yang terkemudian. Ya, mungkin ada riwayat yang boleh diambil sebagai *mutāba'āt* atau *shawāhid*. Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi setiap sesuatu ketetapan.<sup>1</sup>

Menurut Imam al-Suyūfī; “Dalam kitab *al-Muwatta'* terdapat tujuh puluh lebih hadith yang ditinggalkan Imam Malik sendiri dari diamalkan, dan terdapat juga hadith-hadith yang *ḍa'if*”.<sup>2</sup> Pendapat ini juga disokong oleh Shaykh Albāni.<sup>3</sup> Menurut al-Dhahabī terdapat dalam *Musnad* Imam Ahmad<sup>4</sup> sejumlah hadith-hadith yang *ḍa'if* yang boleh diriwayatkan tetapi tidak boleh berhujah dengannya, begitu juga segelintir hadith-hadith yang menyerupai *mawḍū'*, tetapi ia ibarat setitis air dalam lautan.<sup>5</sup> Imam Ibn Hajar telah menyusun sebuah kitab yang dinamakan dengan “*Al-Qawl Al-Musaddat fī Al-Dhibb 'an Musnad Ahmad'*” yang mana beliau menepis dakwaan bahawa dalam *Musnad* Imam Ahmad terdapat hadith yang *mawḍū'*.<sup>6</sup>

Penulis membuat kesimpulan, bahawa selain dari hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim secara *musnad*, tidak terjamin kesahihannya.



---

<sup>1</sup> Ibid., 89-90.

<sup>2</sup> Ibid., h. 95.

<sup>3</sup> 'Eṣam Mūsā Hādī (1422 H). Op.cit., h. 137.

<sup>4</sup> Menurut Shaykh Albāni kitab *Musnad* Imam Ahmad yang dicetak sekarang terdapat kekurangan, dan merasakan terdapat riwayat *Musnad* Ahmad yang lain dengan lebih banyak hadith-hadith yang dihimpun. Hal ini berlaku juga kepada kitab hadith yang lain seperti *Musnad* Abū Ya'la yang dicetak, kerana riwayat yang lain menunjukkan lebih banyak himpunan hadithnya. Lihat 'Eṣam Mūsā Hādī (1422 H). Op.cit., h. 97.

<sup>5</sup> Al-Laknawī (1997). Op.cit., h. 95.

<sup>6</sup> Ibid., h. 100.

## 1.6 Hukum Beramal Dengan Hadith *Da'if*

Para ulama' telah berbeza pendapat dalam masalah ini. Di sini penulis menukilkan dengan ringkas kupasan Dr. Muhammad Abū al-Layth yang dilihat begitu menyeluruh dalam membahaskan persoalan ini.

### **Madhhab Pertama:** Tidak Boleh Beramal Secara Mutlak.

Tidak boleh beramal dengan hadith *da'if* secara mutlak. Baik pada masalah hukum hakam mahupun dalam bidang yang lain yang berkaitan dengan syarak. Ini merupakan pendapat Imam Yahya bin Ma'ien, Abū Bakr bin Arabī<sup>1</sup>, Ibn Hazm al-Dhāhiri, Shaykh Ahmad Shākir dan Shaykh Albāni.<sup>2</sup>

### **Madhhab Kedua:** Boleh Beramal secara Mutlak.

Boleh beramal secara mutlak, baik dalam perbahasan hukum atau fadhilat mahupun *manāqib*<sup>3</sup>, dengan syarat *da'if* itu tidak terlalu kuat, yang mana dalam bab itu tidak ada riwayat yang lain. Ini merupakan pendapat Imam Ahmad,<sup>4</sup> Abū Dāud al-Sajastāni, begitu juga Imam Abū Hanīfah dan Imam Mālik.

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Muhammad bin 'Abd Allah bin Muhammad al-Mu'āfirī al-Ishbīlī al-Mālikī. Meninggal dunia pada 453H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz.6. Op.cit., h. 230.

<sup>2</sup> Beliau adalah seorang tokoh ilmu hadith yang tersohor dizaman ini. Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Nuh Najātī, lahir dibandar Asqadrah Albania pada tahun 1914 dan meninggal dunia pada 2.10.1999. Mendapat pendidikan awal dari bapanya yang merupakan seorang ulama' dalam madhhab Hanafi. Ketika berusia dua puluhan, beliau mula berminat mendalami ilmu hadith, kemudian berjaya menguasai bidang ini. Kehebatan beliau telah diiktiraf oleh para ulama' besar zaman ini, antaranya Shaykh Muhy al-Din al-Khaṭīb yang berkata, "Beliau adalah dari golongan pendakwah yang menyeru kepada sunnah dengan menghabiskan kehidupannya untuk menghidupkan sunnah". Shaykh 'Abd al-Aziz bin Bāz berkata, "Beliau adalah seorang *al-'ālamah*", dan Shaykh Ibn al-Uthaymin berkata, "Beliau adalah *al-muḥaddith* negeri Syam, sangat menguasai ilmu hadith dan Allah telah memanfaatkan kitab-kitabnya kepada sekalian manusia". 'Eṣam Musa Hādī (1422). Op.cit., h. 7-8.

<sup>3</sup> Jamak kepada *al-manqabah* iaitu kemuliaan dan kelebihan. Lihat al-Mubārakfūrī (2001), *Tuhfah al-Ahwaḍhī*, j.10. Op.cit., h.75.

<sup>4</sup> Imam Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa *da'if* yang dimaksudkan oleh Imam Ahmad sebenarnya ialah hadith *hasan*. Ini disebabkan ulama' diperingkat awal hanya mengkatégorikan hadith kepada sahih dan *da'if*, sedangkan istilah *hasan* hanya dipelopori oleh Imam al-Tirmidhī. Pandangan ini telah disangkal oleh Shaykh Muhammad 'Awwāmah yang mengatakan bahawa istilah *hasan* telah digunakan oleh ulama' yang lebih dahulu dari al-Tirmidhī iaitu Ali bin al-Madīnī dan kemungkinan beliau adalah pelopor yang sebenar kepada istilah ini, kemudian diikuti oleh muridnya iaitu Imam al-Bukhārī, manakala al-Tirmidhī mengambil dari gurunya al-Bukhārī. Tambah Shaykh 'Awwāmah lagi, diriwayatkan bahawa 'Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal bertanya kepada ayahnya, jika seorang itu berada di negeri yang terdapat ahli hadith yang tidak dapat membezakan antara hadith sahih atau *da'if* dan ahli *al-ra'yī*, maka Imam Ahmad mengatakan hendaklah diambil

**Madhhab Ketiga:** Boleh Beramal Tetapi dengan Bersyarat.

Boleh diamalkan pada perbahasan fadhilat dan *manāqib*, begitu juga pada *al-targhīb* dan *al-tarhīb*<sup>1</sup> sahaja. Tidak boleh diamalkan pada perbahasan halal dan haram, apatah lagi pada perbahasan aqidah. Ini merupakan pendapat jumhur ulama', yang mana mereka meletakkan beberapa syarat untuk beramal dengan hadith *ḍa'īf*: Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- I. Hendaklah *ḍa'īf* itu tidak bersangatan.
- II. Hendaklah hadith *ḍa'īf* itu hanya membicarakan tentang fadhilat amal, atau ganjaran amal atau balasan azab ataupun hadith yang memberi dorongan (*targhīb*) atau ancaman (*tarhīb*) yang syaratnya memang riwayat itu termasuk dalam perintah syarak yang umum, seperti suruhan melakukan kebajikan kepada kedua ibubapa dan menghubungkan silaturrahim.
- III. Hadith *ḍa'īf* itu tidaklah boleh mengandungi perbahasan amalan secara terperinci yang melebihi dari riwayat yang sahih. Ini akan membawa kepada berlakunya bid'ah *idafiyah*, seperti fadhilat beramal pada waktu tertentu atau dengan cara tertentu.
- IV. Tidak boleh dimasyhurkan sehingga akan disangka ia adalah hadith yang sahih.

---

riwayat *ḍa'īf* itu dari *al-ra'yī* (semata-mata pendapat akal). Huraian ini membuktikan bahawa Imam Ahmad mengharuskan beramal dengan hadith *ḍa'īf* jika dalam bab itu tidak terdapat riwayat yang sahih. Lihat al-Tahānui (2000) *Qawā'id 'Ulum al-Ḥadīth*, "nota kaki". Op.cit., h.100-108.

<sup>1</sup> *Al-Targhīb* adalah dorongan menjadikan seseorang insan suka beribadah kepada Allah s.w.t, berbuat kebaikan, beramal soleh serta berakhlak mulia. Adapun *al-tarhīb* adalah dorongan menjadikan seseorang insan takut berjauhan dari Allah s.w.t dengan meninggalkan kefardhuan ibadah, meremehkan hak keatas Allah begitu juga hak-hak sesama hamba dan melanggar perintah larangan dengan melakukan perkara yang jahat lagi keji. Lihat Yusuf al-Qaraḍāwī (1993), *al-Muntaqā min Kitāb al-Targhīb wa al-Tarhīb li al-Mundhirī*, j.1. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', h. 9.

- V. Tidak boleh meyakini bahawa amalan dengan hadith *ḍa'īf* itu adalah tetap tuntutan, bahkan ia hanyalah sebagai usaha yang lebih berhati-hati. Begitu juga tidak boleh disandarkan amalan itu kepada Nabi s.a.w.
- VI. Tidak boleh amalan yang dibina dengan hadith *ḍa'īf* itu bercanggah dengan dalil yang lebih kuat darinya, kerana ketika itu wajib beramal dengan dalil yang lebih sahih.<sup>1</sup>

Penulis mentarjihkan madhhab ini yang juga merupakan pegangan jumhur ulama' termasuk Ibn Hajar sendiri.



---

<sup>1</sup> Lihat Muhammad Abū Layth Ābādī (2005). Op.cit., h. 164 - 166.

## 1.7 Hukum Meriwayatkan Hadith *Da'if*

Menurut Imam Muslim adalah suatu kewajiban untuk membezakan periwayatan yang sahih dan yang *da'if*, begitu juga periwayatan perawi yang *thiqah* dengan yang ditajrih. Ini adalah supaya dapat dikeluarkan riwayat yang sahih sahaja dan diketepikan riwayat perawi yang ditajrih atau dari kelompok ahli bid'ah.<sup>1</sup> Dalil bagi pendapat ini adalah seperti berikut:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا ... ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya...”

Al-Hujurat: 6

...وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ... ﴿٢﴾

“...dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata...”

Al-Ṭalāq: 2

Sabda Rasul Allah s.a.w:

سَيَكُونُ فِي آخِرِ أُمَّتِي أَنَسٌ يُحَدِّثُكُمْ مَا لَمْ تَسْمَعُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَاهُمْ

“Akan berlaku diakhir umatku nanti, golongan manusia yang membawa berita kepada kamu apa yang kamu tidak pernah mendengarnya walaupun dari datuk nenek kamu. Hati-hatilah kamu! Berhati-hatilah dengan mereka itu!”<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Lihat al-Qāsimī (t.t), op.cit., h.112.

<sup>2</sup> Lihat Muslim bin al-Hajjāj (2000), op.cit., j.1, no.6, Mukadimah, Bāb al-Nahy ‘an al-Riwāyah ‘an al-Ḍu’afā’ wa al-Iḥtiyāt fi Taḥammulihā, h. 238.

Shaykh al-Laknawi menyatakan bahawa tidak diharuskan mengambil mudah dalam menyampaikan riwayat *mawdū'* walaupun dalam ceramah berbentuk nasihat sekali pun, atau menyebutkannya dalam penulisan dengan tanpa keterangan tentang kepalsuan riwayat tersebut.<sup>1</sup> Sementara hadith yang *da'īf*, Imam Ahmad mengatakan; Jika kami meriwayatkan dalam urusan halal dan haram, maka kami akan bertegas, sebaliknya dalam riwayat yang berkaitan dengan fadhilat dan seumpamanya, kami mempermudahnya.<sup>2</sup> Shaykh Abū Ghuddah mengulas lebih lanjut mengenai kenyataan ini dengan berkata; Apa yang dinyatakan oleh Imam Ahmad dan ulama' lain yang sezaman dengannya, adalah juga merupakan cara yang dipilih oleh Imam al-Bukhāri dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad*. Beliau telah meriwayatkan sejumlah besar hadith dan athar yang *da'īf* dengan menjadikan riwayat itu sebagai dalil kepada bab tersebut.<sup>3</sup> Abū Ghuddah kemudian menukilkan pula kenyataan Imam al-Sakhāwi yang menyandarkan pilihan Imam Ahmad dan al-Bukhāri itu juga merupakan amalan para ulama' hadith yang terkemuka seperti Imam Ibn Ma'ien, Ibn al-Mubāarak, Sufyān al-Thawri dan Sufyān ibn 'Uyaynah.<sup>4</sup>

Dengan huraian ini, penulis mengatakan bahawa, menulis riwayat yang *da'īf* tidak sewajarnya dikategorikan sebagai satu kemungkaran. Bahkan kita dapat melihat amalan ini dilakukan oleh para ulama' hadith yang muktabar, seperti Imam Ahmad dan 'Abd Allah ibn al-Mubāarak dalam kitab mereka yang berjudul *al-Zuhd*, al-Bukhāri dalam *al-Adab al-Mufrad*, al-Tirmidhi dalam *al-Jāmi'* dan lain-lain lagi. Tetapi adalah lebih baik dinyatakan juga keadaan *da'īf* riwayat tersebut sebagai peringatan kepada pembaca bahawa riwayat itu tidak boleh dijadikan sandaran dalam urusan halal dan haram, apatah lagi dalam urusan akidah dan keimanan.

---

<sup>1</sup> Al-Laknawi (1416H), *Zhafr al-Amānī bi Sharh Mukhtaṣar al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī*. Halab: Maktab al-Matbu'āt al-Islāmiah, h. 181.

<sup>2</sup> Ibid., h.182.

<sup>3</sup> Ibid., lihat nota kaki , h.182.

<sup>4</sup> Ibid. h. 185.



## BAB 2

### SUMBER RUJUKAN HADITH *DA'IF* DAN METODOLOGI PENULISANNYA

#### 2.1 Pendahuluan:

Para ulama' telah memberi perhatian yang serius tentang periwayatan hadith nabawi semenjak dari zaman sahabat r.a lagi. Hal ini sememangnya merupakan suatu kewajaran, kerana setiap riwayat yang disandarkan kepada Rasul Allah s.a.w adalah hujah untuk dijadikan amalan atau pedoman bagi meraih keredhaan Allah s.w.t. Sebaliknya riwayat yang *da'if* tidak boleh dipertanggungjawabkan sebagai sabda Nabi s.a.w. Baginda juga mengingatkan umatnya tentang kebinasaan bagi orang yang berdusta atas namanya dengan bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَيَّ أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

“*Sesungguhnya pendustaan atas namaku bukanlah sama seperti berdusta atas nama seseorang yang lain, sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja maka dia boleh memilih tempat tinggalnya dalam neraka.*”<sup>1</sup>

Bushayr bin Ka'ab al-'Adawi <sup>2</sup> pernah mengkritik Ibn 'Abbas r.a kerana tidak memberi perhatian kepada riwayat hadith yang sedang dia sampaikan. Lalu Ibn 'Abbas r.a menjawab kritikan tersebut dengan berkata; “Suatu masa dahulu apabila kami mendengar seseorang berkata bahawa Rasul Allah s.a.w bersabda, maka mengalirlah air mata kami dan kami pun mendengar dengan penuh teliti. Apabila kebanyakan manusia sekarang ini

<sup>1</sup> Muslim bin al-Hajjāj (2000), op.cit., j.1, no.4, Mukadimah, Bāb Taghlīz al-Kadhib, h. 229.

<sup>2</sup> Beliau adalah seorang *tābi'in* yang *thiqah*. Lihat al-Asqalāni(2001), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, jld 1, no: 874 Muassasah al-Risālah, Beirut, h.413.

menempuhi pelbagai kefahaman dan aliran, maka kami tidak mengambil periwayatan mereka melainkan apa yang sedia diketahui.”<sup>1</sup>

Imam al-Zuhri<sup>2</sup> menyatakan antara sebab lahirnya usaha mengumpul serta membukukan riwayat hadith adalah bagi menyekat tersebarnya riwayat-riwayat yang palsu.<sup>3</sup> Secara umumnya, hadith *da'if* dapat ditemui dalam kitab-kitab primer dan sekunder yang menghimpunkan riwayat-riwayat hadith, dimana penyusun kitab itu sendiri akan menyatakan kedudukan riwayat tersebut mengikut penilaiannya sendiri atau ulama' yang lain. Contohnya kitab “*al-Jāmi' al-Tirmidhi*”, yang mana kitab ini adalah sebuah kitab primer yang menghimpun riwayat hadith. Imam al-Tirmidhi kebiasaannya akan menjelaskan kedudukan riwayat yang dibentangkan itu pada hujung perbincangan mengenainya. Contoh yang berikutnya adalah kitab “*Bulūgh al-Marām*” karya Ibn Hajar al-‘Asqalāni. Kitab ini adalah kitab sekunder yang menghimpunkan riwayat hadith. Ibn hajar kebiasaannya dihujung perbincangan juga akan menyatakan kedudukan riwayat itu samada dengan penilaiannya sendiri atau dengan menukilkan penilaian dari ulama' yang lain.



---

<sup>1</sup> Muslim bin al-Hajjāj (2000), op.cit, j.1, no.2, Mukadimah, Bāb al-Nahy ‘an al-Riwāyah ‘an al-Ḍu’afā’ wa al-Iḥtiyāt fi Taḥammulihā, h. 238.

<sup>2</sup> Beliau adalah Muhammad bin Muslim bin ‘Abd Allah bin Shihab al-Zuhri. Gelarannya adalah Abu Bakr, orang pertama yang membukukan riwayat al-Hadith dan tergolong sebagai seorang ahli hadith yang hafiz lagi faqih. Meninggal dunia pada 124 H. Lihat al-Zirkali (1999), *al-A’lām*, juz.7, op.cit., h.97.

<sup>3</sup> Muhammad Abū al-Layth(2005), ‘*Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Mu’āṣiruhā*, Dār al-Shākir, Selangor Malaysia, h.233.

2.2 Sumber rujukan hadits *ḍa'īf* dan metodologi penulisannya dapat dibahagikan kepada dua:

**Pertama:**

Melalui kitab yang disusun khas bagi perawi-perawi yang *ḍa'īf*. Metodologi penulisan yang digunakan dalam menyusun kitab jenis ini adalah dengan menyatakan nama perawi yang dikritik. Ini merupakan suatu alamat supaya berhati-hati dengan periwayatan mereka. Adakalanya disertakan juga riwayat yang menyebabkan mereka dikritik. Penulis mengemukakan beberapa contoh dalam metodologi penulisan ini:

- Dalam kitab *al-Du'afā' al-Ṣaghīr* yang dikarang oleh Imam al-Bukhāri, beliau telah menterjemahkan perawi yang bernama *أَصْرَمُ بن غِيَاث*. Menurut beliau Aṣram bin Giyāth yang mengambil riwayat dari Muqātil bin Hayyān adalah “*munkar al-ḥadīth*”.<sup>1</sup> Oleh yang demikian kita tidak boleh mengambil riwayat darinya. Menurut Shaykh al-Mu'allimī al-Yamānī, perlu dibezakan antara perawi yang dinilai sebagai “*munkar al-ḥadīth*” dengan perawi yang meriwayatkan hadits *al-munkar*. Perawi yang dinilai sebagai “*munkar al-ḥadīth*” adalah seorang yang tidak *thiqah*, oleh itu riwayatnya ditolak. Sementara yang dinilai sebagai perawi hadits *al-munkar* adalah seorang yang tidak berhati-hati dalam mengambil riwayat sehingga terambil riwayat hadits *al-munkar* dan kemungkinan, dia tergolong dari perawi yang *thiqah* atau ada sedikit kelemahan. Maka perawi yang begini tidaklah ditolak bulat-bulat periwayatannya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Bukhāri(1986), *Kitāb al-Du'afā' al-Ṣaghīr*, j.1, Dār al-Ma'rifah, Beirut:Lubnan, h.25.

<sup>2</sup> Lihat 'Abd al-Rahman bin Yahya al-Yamānī al-Mua'allimī (1986), op.cit., juz.1, h.49.

- *Kitab al-Du'afā' al-Kabīr* karya Imam Abū Ja'far Muhammad bin 'Amru bin Musa bin Hammād al-'Uqayli. Ketika menyebut nama perawi تمام بن نجیح الأسدي beliau menukulkan penilaian Imam al-Bukhāri dengan mengatakan perawi ini *ففي نظر<sup>1</sup>*. Selepas itu beliau membawa contoh riwayat perawi ini yang mendakwa bahawa Rasul Allah s.a.w bersabda: *أَصْلُ كُلِّ دَاءٍ الْبَرْدُ* bermaksud: “*Usul semua penyakit adalah disebabkan kesejukan.*” Beliau berkata lagi, perawi ini ada meriwayatkan hadith lain yang *munkar* lagi tiada asas.<sup>2</sup>
- Dalam kitab *al-Mīzān al-I'tidāl fi Naqd al-Rijāl*, Imam al-Dhahabi memberi komentar ketika menterjemahkan perawi yang bernama إسماعيل بن إبراهيم حجازي yang meriwayatkan dari Abū Hurayrah r.a bahawa beliau ini adalah seorang yang tidak dikenali, bahkan dia disebut sebagai الصلاة في إسماعيل بن إبراهيم . Imam al-Bukhāri mengatakan *sanad* hadithnya tidak sah, sedangkan Imam Ibn Hibban dalam kitab *al-Tārikh* meriwayatkan hadith yang pada sanadnya terdapat perawi ini yang menyandarkan riwayat kepada Abū Hurayrah bahawa Nabi ﷺ bersabda: “*Jika seseorang dari kamu telah mengerjakan solat fardu di*

<sup>1</sup> Secara bahasa, maknanya perawi ini perlu diperhatikan keadaannya. Al-Sakhāwī menjelaskan bahawa Imam al-Bukhāri banyak menggunakan istilah ini dan istilah سَكَنُوا عَنْهُ (ulama' diam terhadapnya) kepada golongan yang seharusnya ditinggalkan riwayat hadith mereka. Menurut Ibn Kathīr, kenyataan ini merupakan kedudukan *tajrīh* yang paling rendah disisi al-Bukhāri. Al-Sakhāwī menambah dengan mengatakan sebab al-Bukhāri menggunakan lafaz *tajrīh* yang begini adalah kerana beliau *wara'* untuk mengatakan fulan كَذَّاب (pendusta). Adakalanya beliau menggunakan juga lafaz perawi ini telah didustakan oleh fulan atau fulan telah melemparkan tuduhan yang perawi ini sebagai pendusta. Lihat al-Sakhāwī (1993), *Fath al-Mughīth Sharh Alfiah al-Ḥadīth*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 398-399.

<sup>2</sup> Lihat Abū Ja'far Muhammad bin 'Amru bin Musa bin Hammād al-'Uqayli (1998), *Kitāb al-Du'afā' al-Kabīr*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h.169.

suatu tempat, kemudian dia mahu mendirikan solat sunat pula, maka hendaklah dia beralih ke tempat yang lain.”<sup>1</sup>

- Dalam kitab *Lisān al-Mīzān* yang disusun oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalāni, ketika menterjemahkan perawi yang bernama *ظليم بن حطيظ أبو القاسم الجهضمي* *ظليم بن حطيظ* – beliau mengatakan, Ibn ‘Ady membentangkan suatu *sanad* dari *ظليم بن حطيظ* sampai kepada Ibn ‘Abbas r.a yang berkata; Saya telah masuk menemui Nabi s.a.w sedangkan di tangannya ada buah jambu, lalu Baginda bersabda: “Ambilah ia kerana buah ini akan mencerdikkan hati.” Riwayat ini adalah *mawḍū’*. Walaubagaimanapun Ibn Hajar tidak meletakkan kesalahan kepada *ظليم بن حطيظ* sebaliknya kesalahan disandarkan kepada perawi lain yang juga berada dalam *sanad* itu.<sup>2</sup>

Menurut Shaykh Mahmud al-Ṭahhān, kitab-kitab yang dikarang khas bagi perawi-perawi yang *ḍa’īf*, melebihi jumlahnya dari kitab-kitab yang dikarang khas bagi perawi-perawi yang *thiqah*. Ini disebabkan penyusun kebanyakan kitab-kitab khas perawi-perawi *ḍa’īf* akan memasukkan nama semua perawi yang menerima kritikan walaupun bukanlah sebenar-benar *ḍa’īf*.<sup>3</sup> Antara kitab-kitab ini adalah seperti berikut:

<sup>1</sup> Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (1995), *al-Mīzān al-I’tidāl fi Naqd al-Rijāl*, j.1, Dār al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, h.371.

<sup>2</sup> Al-‘Asqalāni (1996), *Lisān al-Mīzān*, j.3. op.cit., h.217.

<sup>3</sup> Lihat Mahmud al-Ṭahhān(1991), *Usūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*, Maktabah al-Ma’ārif, al-Riyāḍ, h.175.

- i. *‘Ilal wa Ma’rifah al-Rijāl* oleh Imam Ahmad bin Hanbal.
- ii. *Al-Ḍu’afā’ al-Kabīr* oleh Imam al-Bukhārī.
- iii. *Al-Ḍu’afā’ al-Ṣaghīr* oleh Imam al-Bukhārī.
- iv. *Al-Ḍu’afā’ wa al-Matrukūn* oleh Imam al-Nasāi.
- v. *Kitāb al-Ḍu’afā’* oleh Imam al-‘Uqayli.<sup>1</sup>
- vi. *Ma’rifah al-Majrūhīn min al-Muhaddithīn* oleh Ibn Hibbān.<sup>2</sup>
- vii. *Al-Kāmil fi Ḍu’afā’ al-Rijāl* oleh Ibn ‘Ady al-Jurjāni.<sup>3</sup>
- viii. *Mīzān al-‘Itidāl fi Naqd al-Rijāl* oleh al-Dhahabi.
- ix. *Lisān al-Mīzān* oleh Imam Ibn Hajar al-‘Asqalāni.

#### **Yang Kedua:**

Melalui kitab-kitab yang khas menghimpunkan riwayat hadith yang *ḍa’if* dan *mawḍū’*. Metodologi penulisan kitab jenis ini adalah dengan meletakkan riwayat *ḍa’if* itu di bawah tajuk yang sesuai dengannya, kemudian menyatakan kedudukan riwayat itu samada *ḍa’if*, *munkar*, *mawḍū’* dan sebagainya dengan menyandarkan kepada penilaiannya sendiri atau ulama’ yang lain. Ada juga diantara kitab-kitab ini yang membahaskan sebab-sebab riwayat itu ditolak dengan lebih mendalam, disamping menukulkan ijtihad ulama’-ulama’ yang lain. Penulis disini mengemukakan tiga contoh metodologi penulisan kitab jenis ini.

- Kitab *al-Fawāid al-Majmū’ah fi al-Aḥādīth al-Mawḍū’ah* yang merupakan karya Imam al-Shawkāni. Beliau menyusun riwayat-riwayat *mawḍū’* dan *ḍa’if* mengikut judul kitab. Beliau meletakkan tajuk *tahārah* sebagai permulaan dan disudahi dengan tajuk himpunan hadith yang berbeza-beza yang tidak

<sup>1</sup> Beliau adalah Abū Ja’far Muhammad bin ‘Amr al-‘Uqayli. Meninggal dunia pada 323H. Ibid.

<sup>2</sup> Beliau adalah Abū Hātim Muhammad bin Ahmad bin Hibbān al-Busti. Meninggal dunia pada 354H. Ibid.

<sup>3</sup> Beliau adalah Abu Ahmad Abd Allah bin ‘Ady al-Jurjani. Meninggal dunia pada 365H. Ibid., h176.

dikhususkan babnya. Dalam tajuk kitab *ṭahārah*, beliau memasukkan 40 riwayat yang *ḍa'īf* atau *mawḍū'*. Contohnya riwayat yang kedua dalam kitab *ṭahārah*.

الدَّمُ مِقْدَارِ الدِّرْهِمِ يُغَسَّلُ وَتَعَادُ مِنْهُ الصَّلَاةُ

“Darah yang sebesar dirham hendaklah dibasuh dan diulangi solat.”

Menurut al-Shawkāni riwayat ini dikeluarkan oleh al-Khaṭīb dari Abū Hurayrah secara *marfū'* sedangkan ia adalah *mawḍū'*. Perawi yang ditajrih dalam *sanad* ini adalah Nuh bin Abi Maryam.<sup>1</sup>

Dalam kitab solat pula, beliau telah menghimpunkan sebanyak 131 riwayat. Riwayat keempat dalam kitab solat ini, beliau mengemukakan hadith yang mengatakan:

مَنْ جَمَعَ بَيْنَ صَلَاتَيْنِ مِنْ غَيْرِ عُدْرٍ فَقَدْ أَتَى أَبَا مِنْ أَبْوَابِ الْكِبَائِرِ

“Sesiapa yang menjamakkan solatnya dengan tanpa sebarang uzur, maka dia telah masuk ke dalam pintu dari pintu-pintu dosa besar.”

Dalam *sanad* riwayat ini terdapat perawi yang bernama Husayn bin Qays. Imam Ahmad mengatakan perawi ini adalah pendusta.<sup>2</sup>

- Kitab *al-Maṣnū' fī Ma'rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū'* karya Imam 'Ali al-Qāri al-Harawi al-Makki. Kitab ini menghimpunkan 478 riwayat *mawḍū'*. Riwayat dalam kitab ini disusun mengikut huruf abjad *hijāiyy*.

<sup>1</sup> Muhammad bin Ali al-Shawkānī, (1995), *al-Fawāid al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h.6.

<sup>2</sup> Ibid. h.15.

Contohnya seperti berikut:

- Huruf - ا - :                    اَتَّقِ شَرَّ مَنْ اَحْسَنْتَ اِلَيْهِ

“Berhati-hati dengan kejahatan orang yang kamu buat kebaikan kepadanya.”<sup>1</sup>

Imam al-Sakhāwi mengatakan bahawa beliau tidak mengenali riwayat ini. Menurut Shaykh Abū Ghuddah jika perkataan seperti ini dinyatakan oleh seorang al-ḥāfīz sedangkan tiada bantahan dari seseorang yang berkeahlian sepertinya, maka itu sudah memadai untuk menghukum riwayat tersebut sebagai *mawḍū’*.<sup>2</sup>

- Huruf - م - :                    مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

“Sesiapa yang mengenali dirinya, bahawanya dia telah mengenali Rabbnya.”

Riwayat ini dinilai sebagai *mawḍū’* oleh Ibn Taymiyyah.<sup>3</sup> Abu Ghuddah menukilkan bahawa Imam al-Sakhāwi menyebutkan dalam kitabnya *al-Maqāsid al-Hasanah* bahawa perkataan ini sebenarnya adalah dari perkataan Yahyā bin Mu’ādh al-Rāzi.<sup>4</sup>

- Kitab *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fi al-Ummah* yang merupakan antara karya agung Shaykh Albani. Kitab ini menghimpunkan sebanyak 7,162 riwayat yang *ḍa’īf* atau *mawḍū’* yang dibukukan dalam kitab sebanyak 14 jilid. Pengarang kitab ini tidak mengkhususkan setiap riwayat itu dalam bab-bab tertentu, tetapi pembaca boleh merujuk kepada daftar rujukan mengikut nama perawi atau tajuk-tajuk khusus yang diletakkan pada hujung setiap jilid. Dalam kitab ini, pengarangnya berusaha membentangkan

<sup>1</sup> Ali al-Harawī al-Qāri al-Makkī, seterusnya akan disebut sebagai al-Qāri (2005), *al-Maṣnū’ fī Ma’rifati al-Ḥadīth al-Mawḍū’*, Maktab al-Maṭbu’āt al-Islāmīyah, Beirut, h.45.

<sup>2</sup> Ibid, lihat nota kaki.

<sup>3</sup> Ibid. h.189.

<sup>4</sup> Ibid., lihat nota kaki. Beliau adalah Yahyā bin Mu’ādh al-Rāzi seorang pendakwah yang terkenal dengan memiliki susunan perkataan-perkataan yang berhikmah. Meninggal dunia pada 258 H. Lihat al-Dhahabi(1993), *Sīyr A’lām al-Nubalā’*, juz.13, Muassasah al-Risālah, Beirut, h.15.



hujah-hujah tentang keadaan riwayat tersebut dengan cara terperinci. Beliau turut mengemukakan kupasan ulama'-ulama' terdahulu, seterusnya mempertimbangkan hujah-hujah tersebut dan mentarjih mengikut ijtihadnya sendiri.

Contoh perbahasannya adalah seperti berikut:

الدِّينُ هُوَ الْعَقْلُ وَمَنْ لَا دِينَ لَهُ لَا عَقْلَ لَهُ

“Al-Dīn adalah akal, dan sesiapa yang tiada al-Dīn, maka tidaklah dia berakal”.

Shaykh menilainya sebagai *bātil*. Seterusnya beliau menjelaskan sumber keluarnya riwayat ini, dan perakuan Imam al-Nasāi yang menilainya sebagai *bātil* lagi *munkar*. Seterusnya shaykh menjelaskan dengan terperinci sebab-sebab riwayat ini dinilai sebagai *bātil*. Beliau turut mengemukakan pandangan ulama'-ulama' yang lain sebagai sokongan kepada penilaiannya tadi.<sup>1</sup>

عليكم بالمرآزمة . قيل وما المرآزمة ؛ قال : أكل الخبز مع العنب ، فإن خيرَ الفاكهة العنب ،  
وخيرَ الطعام الخبزُ

“Hendaklah kamu makan al-murāzamah. Dikatakan, apa itu al-murazamah? Lalu Baginda bersabda; ia adalah roti yang dimakan bersama buah anggur. Bahawasanya sebaik-baik buah adalah anggur dan sebaik-baik makanan adalah roti.”

Shaykh kemudiannya membentangkan jalur riwayat ini yang dikeluarkan oleh Ibn ‘Adiy dan Ibn al-Jawzi serta kenyataan mereka berdua yang menilainya sebagai *mawḍū’*. Sebab yang membawa riwayat ini dinilai sebagai *mawḍū’* adalah dengan kehadiran perawi yang bernama ‘Amru bin Khālid. Beliau seterusnya menyatakan penilaian beberapa ulama' yang mentajrih perawi tersebut, dan menambah seorang

<sup>1</sup> Albānī (2001), *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, no. 1, j.1, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif, h. 53.

lagi perawi dalam *sanad* ini yang ditajrih secara kritikal iaitu al-Hasan bin Shabl al-‘Abadi. Di akhir perbahasan, beliau mengkritik Imam al-Irāqi yang sekadar menyatakan bahawa *sanad* riwayat ini adalah *ḍa’īf*.<sup>1</sup>

Antara kitab-kitab yang terkenal yang menghimpunkan riwayat hadith yang *ḍa’īf* dan *mawḍū’* adalah seperti berikut:

- i. *‘Ilal al-Hadith* oleh Ibn Abi Hatim.
- ii. *Tadhkirah Mawḍū’āt* oleh Abū al-Faḍl Muhammad bin Ṭāhir al-Maqḍisi. Meninggal pada 507H.
- iii. *Al-Mawḍū’āt al-Kubrā* oleh Ibn al-Jawzi.<sup>2</sup>
- iv. *Al-Manār al-Munīf fī al-Ṣahih wa al-Ḍa’īf* oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziah. Meninggal pada tahun 751H.
- v. *Al-Luāli al-Maṣnū’ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū’ah* oleh al-Ṣuyūṭi.
- vi. *Al-Fawāid al-Majmū’ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū’ah* oleh Imam al-Shawkāni.
- vii. *Al-Maṣnū’ fī Ma’rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū’* oleh Syaikh Ali al-Qāri al-Harawi al-Makki.
- viii. *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah* oleh Shaykh Albāni.

Penulis berpendapat walaupun kitab-kitab ini, samada kategori yang pertama ataupun yang kedua mengkhususkan periwayatan *ḍa’īf* atau *mawḍū’*, masih terdapat sejumlah periwayatan yang tidak disepakati akan *ḍa’īf*nya riwayat itu ataupun *mawḍū’*. Bahkan ia masih berada dalam zon ijtihad, yang mana ulama’ mungkin berbeza-beza ijtihad samada menda’ifkannya atau mensahihkannya. Hal ini sebagaimana yang telah dibincangkan pada perbahasan yang lalu.

---

<sup>1</sup> Ibid., jid.13, no.6002, h.24.

<sup>2</sup> Beliau adalah Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān bin al-Jawzi. Meninggal pada 597H. Lihat Abū Layth(2005), op.cit., h234.

**BAB 3**

**BIODATA IBN HAJAR AL-‘ASQ ALĀNI DAN  
PENGENALAN KEPADA KITAB *TALKHĪS AL-HABĪR***

**3.1 Nama Dan Latar Belakang**

Beliau merupakan seorang tokoh yang unggul dalam bidang hadith pada kurun ke lapan hijrah. Nama sebenar beliau adalah Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Mahmud bin Ahmad bin Hajar. Berasal dari kabilah *al-Kinānī* dan asal usulnya dari Bandar al-‘Asqalān yang terletak di negeri Syam berdekatan dengan Palestin.<sup>1</sup> Laqabnya yang masyhur adalah *Shihāb al-Din* dan kunianya ialah *Abū Faḍl*.<sup>2</sup> Beliau masyhur dengan panggilan Ibn Hajar.<sup>3</sup> Dilahirkan di Mesir pada 22 bulan sya’ban tahun 773 hijrah.<sup>4</sup> Ayahandanya meninggal dunia sebelum usianya mencecah empat tahun, manakala bondanya meninggal dunia terlebih dahulu dari itu.<sup>5</sup> Walaupun beliau menjadi anak yatim pada usia yang begitu kecil, kedua ibubapanya telah mewariskan harta peninggalan mereka yang banyak kepadanya. Ayahandanya adalah seorang peniaga yang berjaya, manakala bondanya berasal dari keluarga yang berharta. Harta yang diwarisi ini dipercayai menjadi salah satu sumber kewangan beliau setelah dewasa khususnya ketika menuntut ilmu.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat ‘Abd al-Sattār al-Shaykh (1992), *al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-‘Asqalānī Amīr al-Mu’minin fī al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār al-Qalam, h. 27-28.

<sup>2</sup> *Laqab* ialah nama gelaran, manakala *kunya* ialah nama panggilan yang dimulakan dengan Abū atau Ummū. Dewan Bahasa Dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu*. Op.cit., kata kerja ب ل ق , h. 2112 dan kata kerja ك ن ي , h. 2034.

<sup>3</sup> Op.cit.,, h. 28.

<sup>4</sup> Ibid., h.37.

<sup>5</sup> Ibid., h. 34.

<sup>6</sup> Ibid., h.48.

Beliau telah dihantar untuk mempelajari *al-qurān* ketika berusia lima tahun dan selesai menghafalnya pada usia sembilan tahun. Setelah usianya menjangkau dua belas tahun, beliau telah mengimamkan solat tarawih di Masjid al-Haram Mekah.<sup>1</sup> Diperingkat awal pengajian, beliau amat berminat dengan ilmu tarikh, begitu juga dengan ilmu sastera Arab, kemudian Allah telah menyirami hatinya dengan mencintai ilmu hadith sehingga beliau benar-benar menguasai ilmu ini dan seterusnya menjadi imam dan tokoh yang unggul dalam bidang hadith.<sup>2</sup>

### 3.2 Rehlah Menuntut Ilmu

Sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ...

“Barangsiapa yang menempuhi suatu perjalanan dengan bertujuan mencari ilmu, nescaya Allah permudahkan baginya jalan ke syurga...”<sup>3</sup>

Hadith ini menunjukkan betapa hebatnya fadhilat mereka yang bersusah payah keluar mencari ilmu. Maka tidak hairanlah bagaimana para sahabat r.a sanggup keluar bermusafir walaupun untuk mendapatkan sebuah hadith. Imam al-Bukhāri meriwayatkan sebuah *āthar* bahawa Jābir bin ‘Abd Allah telah keluar pada jarak perjalanan sebulan kepada ‘Abd Allah bin Unays hanya untuk mendengar sebuah hadith.<sup>4</sup>

Imam Ibn Hajar tidak terkecuali dari mengikuti sunnah ulama’ *salaf* ini dalam menuntut ilmu. Rehlahnya yang pertama ialah ke Mekah bersama penjaganya al-Zaki al-Kharūbi. Sekembalinya ke Mesir, beliau meneruskan rehlahnya ke daerah-daerah yang lain di sana seperti ke Qūs, Ṣa’īd, Iskandariah dan Kaherah. Beliau kemudiannya melanjutkan

---

<sup>1</sup> Ibid., h.67-68.

<sup>2</sup> Ibid., h.72-73.

<sup>3</sup> Lihat Muslim bin al-Hajjāj (2000), op.cit, “Kitāb al-Dhikr wa al-Du’ā wa al-Tawbah wa al-Istighfār”, “Bāb Faḍl al-Ijtimā’ ‘alā Tilāwah al-Qurān wa ‘ala al-Dhikr”, no.2699, j. 8. Op.cit., h. 290.

<sup>4</sup> Lihat al-Bukhāri (1987), *Sahih al-Bukhāri*, “Kitab al-‘Ilm”, “Bāb al-Khurūj fī Ṭalab al-‘Ilm”, j.1. Op.cit., h. 41.

rehlahnya ke negara luar dari negeri Mesir. Antaranya ialah Yaman, di sana beliau menziarahi daerah Zabī, ‘Aden dan Ta’iz. Beliau juga telah beberapa kali menziarahi bumi Hijaz untuk menunaikan haji dan juga menuntut ilmu di Mekah, Mina dan Madinah. Imam Ibn Hajar juga telah menjejakkan kakinya di bumi Syam untuk mengambil ilmu dari tokoh-tokoh ulama’ di sana. Antara daerah yang dilawatinya ialah Gaza, Nabulus, Ramlah, Bayt Al-Maqdis, Damsyik, Ṣālihiyah dan juga Halab.<sup>1</sup>

### 3.3 Para Guru Dan Pelajarnya

Imam Ibn Hajar telah menuntut ilmu dengan para tokoh ilmunan yang terkenal pada zamannya dengan bilangan yang begitu ramai. Al-Sakhāwi mengklasifikasikan guru-guru Imam Ibn Hajar kepada tiga bahagian;

- I. Guru yang diambil hadith darinya secara langsung walau hanya sebuah hadith. Bilangan mereka ialah sebanyak 230 orang.
- II. Guru yang telah memberi ijazah kepada beliau. Bilangan mereka ialah 225 orang.
- III. Guru yang diambil hadith darinya secara *mudhākarah* (ulangkaji). Bilangan mereka ialah 189 orang.<sup>2</sup>

Di sini penulis sebutkan beberapa tokoh gurunya yang masyhur mengikut bidang kepakaran masing-masing;

❖ Bidang *Qiraāt*, Tajwid dan Hafazan *al-qurān*:

- I. Shaykh al-Tanūkhī, beliau ialah Ibrahim bin Ahmad bin ‘Abd al-Wahid bin ‘Abd al-Mukmin, dibesarkan di Damsyik kemudian menetap di Kaherah. Lahir pada tahun 709H dan meninggal dunia pada tahun 800H. Beliau sangat tekun

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Sattār al-Shaykh (1992). Op.cit., h. 83-108.

<sup>2</sup> Ibid., h.110.

mendalami ilmu *qiraāt* dan kemudiannya menjadi guru *qiraāt* dan terlibat juga dengan urusan fatwa di Damsyik dan Kaherah. Ibn Hajar telah melazimi shaykhnya ini selama tiga tahun.<sup>1</sup>

- II. Shaykh Ṣdr al-Dīn Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Razak al-Saftī Al-Muqrī. Meninggal dunia pada 808H. Imam Ibn Hajar telah menamatkan hafazan Quran dengannya.<sup>2</sup>

❖ Bidang Fiqh

- I. Shaykh Al-Bulqīnī, beliau ialah Umar bin Raslan bin Nāsr bin Ṣāleh bin Shihāb bin ‘Abd al-Khāliq bin ‘Abd al-Haq, seorang *faqih* dan alim di bidang hadith, tafsir dan pelbagai bidang ilmu yang lain. Dilahirkan pada bulan sya’ban tahun 724H di Bulqinah di sebuah perkampungan yang terletak di barat negeri Mesir. Beliau dikatakan memiliki kekuatan hafalan yang menakjubkan. Berkata Ibn Kathīr, “Aku tidak melihat orang yang begitu kuat hafalannya selepas Ibn Taymiyyah seperti al-Bulqīnī”. Beliau meninggal dunia pada 805H.<sup>3</sup>
- II. Shaykh Ibn Al-Mulaqqin, beliau ialah ‘Umar bin Ali bin Ahmad bin Muhammad bin ‘Abd Allah. Lahir pada tahun 723H, dan meninggal dunia pada 804H. Beliau merupakan tokoh ilmunan yang disegani pada zamannya, pakar dibidang hadith begitu juga dalam fiqh al-Shāfi’ī.<sup>4</sup>

❖ Bidang Bahasa Arab

- I. Al-Fayrūz Ābādī, beliau ialah Muhammad bin Yakub bin Muhammad bin Ibrahim bin ‘Umar bin Abī Bakar bin Idris bin Faḍl Allah. Lahir pada tahun

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 111-112.

<sup>2</sup> Ibid., h.113.

<sup>3</sup> Ibid., h. 113-117.

<sup>4</sup> Ibid.

729H dan meninggal pada 817H. Beliau merupakan seorang imam yang tersohor dibidang bahasa Arab. Ibn Hajar telah bertemu dengannya di kota Zabīd dan Wādī Al-Khaṣīb di Yaman. Beliau telah mengizinkan Ibn Hajar mentelaah kitab kamusnya dan mengambil riwayat hadith darinya.<sup>1</sup>

II. Shaykh Al-Ghumāri, iaitu Muhammad bin Muhammad bin Ali bin ‘Abd al-Razak al-Ghumāri kemudiannya al-Miṣrī. Lahir pada tahun 720H dan meninggal pada 802H. Menurut Ibn Hajar, Shaykh ini sangat arif dalam bidang bahasa Arab dan banyak menghafal syair dan menguasai sastra Arab.<sup>2</sup>

#### ❖ Bidang Hadith

I. Al-Ḥāfiẓ al-Irāqī, beliau ialah ‘Abd al-Rahim bin al-Husayn bin ‘Abd al-Rahman bin Abī Bakr bin Ibrahim. Lahir pada tahun 725H dan meninggal dunia pada 806H. Merupakan seorang tokoh ilmunan hadith yang ulung dizamannya. Dikatakan memiliki kecerdikan yang luar biasa dan kemampuan hafazan yang menakjubkan. Beliau juga memiliki kepakaran dibidang *qiraāt*, fiqh, nahu dan bahasa Arab. Oleh itu beliau menjadi kiblat penuntut ilmu yang datang dari timur dan barat. Imam Ibn Hajar telah melazimi shaykhnya ini selama sepuluh tahun.<sup>3</sup>

II. Al-Haythamī, beliau ialah Ali bin Abī Bakar bin Sulayman bin Abī Bakar. Lahir pada 735H dan wafat pada 807H. Juga merupakan murid kepada al-Irāqī. Seorang yang *wara’*, *zuhud* lagi merendah diri dan sangat tegas menegah kemungkaran. Banyak menghabiskan waktu dengan menulis, membaca *al-qurān* pada waktu malam dan bertahajjud. Ibn Hajar menceritakan perihal shaykhnya ini dan al-Irāqī dengan berkata; “Aku telah melazimi mereka berdua pada

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 126-129.

<sup>2</sup> Ibid., h. 129-130.

<sup>3</sup> Ibid., h.132-133.

tempoh yang lama dan aku tidak pernah melihat mereka meninggalkan *qiam al-layl* (beribadat pada waktu malam)”. Shaykh ini juga mahir dalam pelbagai bidang ilmu selain dari ilmu hadith.<sup>1</sup>

Dengan latar belakang pengajian yang begitu hebat dan dihiasi pula dengan ketinggian akhlak serta penguasaan ilmu, Imam Ibn Hajar telah menjadi masyhur sebagai seorang tokoh ulama’ yang disegani khususnya dibidang hadith. Maka beliau menjadi tempat tuju para penuntut ilmu. Imam Al-Sakhāwī menyatakan dalam kitabnya *Al-Jawāhir wa Al-Durar fī Tarjamah Shaykh Al-Islām Ibn Hajar*, para pelajarnya mencecah bilangan seramai lima ratus orang.<sup>2</sup>

Penulis memilih untuk menterjemahkan tiga orang pelajarnya yang terkenal dan masyhur iaitu;

- I. Ibrahim bin Ali bin Al-Shaykh bin Burhan al-Din bin Dhahīrah al-Makkī al-Shāfi’ī. Beliau pernah menjawat jawatan kadi di Mekah selama tiga puluh tahun, dan dalam masa yang sama menjadi tokoh rujukan ilmunan yang dihormati. Meninggal dunia pada tahun 891H.<sup>3</sup>
- II. Zakaria bin Muhammad bin Zakaria al-Ansāri, seorang yang alim dalam bidang fiqh al-Shāfi’ī, usul fiqh, faraid, tafsir, *qiraāt*, tajwid dan hadith. Meninggal pada tahun 926H.
- III. Muhammad bin ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abī Bakr bin Uthmān al-Sakhāwī. Seorang yang *faqih* lagi alim dalam bidang hadith, tafsir, tarikh, faraid dan usul. Beliau sangat rapat dengan shaykhnya ini iaitu Ibn Hajar dan

---

<sup>1</sup> Ibid., h.137-139 .

<sup>2</sup> Ibid., h. 300.

<sup>3</sup> Al-‘Asqalānī (2003), *al-Nukat ‘ala Kitāb Ibn al-Ṣalah*, j.1, “al-Faṣl al-Thālith, ta’rīf bi al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar”. Op.cit., h.34 -35.



telah melaziminya lebih dari pelajar-pelajar yang lain. Meninggal dunia pada 902H.<sup>1</sup>

### 3.4 Pengiktirafan Keatas Ibn Hajar

Dengan kemantapan dan penguasaan ilmu yang begitu tinggi, Imam Ibn Hajar telah mendapat sanjungan dan pengiktirafan yang luar biasa, baik daripada guru-gurunya mahupun para pelajarnya, begitu juga para ulama' yang seangkatan dengannya dan yang selepas darinya. Antaranya ialah kata-kata:

- I. Imam Sirāj al-Dīn Al-Bulqīnī yang menulis kata-kata aluannya dalam kitab karangan Ibn Hajar "*Taghlib Al-Ta'liq*" yang menyifatkan beliau sebagai *al-ḥāfiẓ* dan *al-muḥaddith* yang mahir.<sup>2</sup>
- II. Imam 'Abd al-Rahim bin Al-Husain Al-Irāqī menyifatkan beliau sebagai seorang Imam dan *al-muḥaddith* yang mahir lagi *thiqah*.<sup>3</sup>
- III. Berkata muridnya Imam al-Burhan al-Baqā'ī; "Ibn Hajar adalah *al-ḥāfiẓ* pada zaman ini, ustaz sepanjang zaman, sultan ulama'... beliau ibarat Imam Ahmad dizaman ini..."<sup>4</sup>
- IV. Berkata Imam al-Suyūṭī, "Ibn Hajar adalah ulama' yang unggul dizamannya, pemegang bendera sunnah, beliau ibarat Imam al-Dhahabī pada zaman ini..."<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid., h. 38

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Lihat 'Abd al-Sattār al-Shaykh (1992). Op.cit., h.5-6.

<sup>5</sup> Ibid.

### 3.5 Karya Ilmiah Yang Dihasilkan

Imam Ibn Hajar telah mengkayakan kutubkhanah umat Islam dengan melahirkan karya ilmiah yang begitu banyak lagi bermanfaat khususnya dibidang hadith. Berkata Imam al-Sakhāwi dalam kitab *al-Daw' al-Lāmi'* bahawa karangan Ibn Hajar melebihi dari 150 buah kitab, dan dalam kitab *al-Jawāhir wa al-Durar* pula beliau mengatakan tajuk karangan Ibn Hajar melebihi dari 270 buah tajuk. Manakala Dr.Syākir Mahmūd menyatakan dalam tesisnya yang bertajuk "*al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar wa Dirāsah Muṣannafātih*", bahawa kitab karangan Ibn Hajar mencecah sebanyak 282 buah kitab dan ditambah pula dengan 38 buah karangan yang dinasabkan kepadanya.<sup>1</sup>

Disini penulis menyebutkan beberapa tajuk karangan beliau yang terkenal.

#### I. *Al-Iṣbah fī Tamyīz al-Ṣahābah.*

Kitab ini telah dicetak oleh beberapa syarikat percetakan, antaranya ialah Dār al-Jīl, Beirut pada tahun 1412H. Dikatakan kitab ini merupakan kitab yang paling lengkap dalam menyusun bibliografi sahabat. Beliau membahagikan kitab ini kepada 4 bahagian;

- a) Mereka yang diyakini sebagai sahabat.
- b) Anak-anak sahabat yang masih belum *mumayyiz* ketika Rasulullah s.a.w wafat.
- c) Golongan *al-mukhḍarim* iaitu mereka yang memeluk Islam dizaman Nabi tetapi tidak sempat bertemu dengannya.
- d) Mereka yang dianggap sebagai sahabat dalam kitab penulisan yang sebelumnya, tetapi dinafikan oleh Ibn Hajar.

---

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (2003), *al-Nukat 'ala Kitāb Ibn al-Ṣalah*, j.1. Op.cit., h. 41

## **II. *Bulugh al-Marām min Adillah al-Ahkām.***

Telah dicetak oleh beberapa syarikat percetakan, antaranya ialah Dār Ibn Kathir, Dimashq-Beirut. Ia sebuah kitab hadith hukum yang amat terkenal dikalangan penuntut ilmu yang digunapakai dalam pengajian, baik di masjid-masjid sehinggalah di pusat pengajian tinggi.

## **III. *Tahdhīb Al-Tahdhīb.***

Dicetak oleh Muassasah al-Risālah, Beirut pada tahun 2001. Kitab ini merupakan ringkasan kepada kitab *Tahdhīb Al-Kamāl* oleh Imam al-Mizzī. Ia membincangkan tentang bibliografi perawi *Kutub al-Sittah* dan dilengkapi dengan huraian ulama' *al-jarh wa al-ta'dīl* yang menerangkan keadaan perawi dari sudut boleh diambil riwayatnya atau tidak.

## **IV. *Taqrīb al-Tahdhīb.***

Antara cetakan terkini adalah dari Dār al-‘Āṣimah al-Riyāḍ dengan penelitian Syaikh Abū Ashbāl Shaghīr Ahmad Shāghif al-Bākistāni. Kitab ini merupakan ringkasan kepada kitab *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Ia juga menjadi pedoman kepada setiap pengkaji hadith untuk meneliti bagaimana Imam Ibn Hajar membuat kesimpulan hukum keatas perawi-perawi dari sudut *al-jarh wa al-ta'dīl*.

## **V. *Lisān al-Mīzān.***

Dicetak oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, Beirut. Kitab ini merupakan kitab yang menghimpunkan bibliografi perawi yang tidak disebut dalam kitab *Tahdhīb al-Kamāl*.

## **VI. *Nukhbah al-Fikar dan syarahnya Nuzhah al-Nadhar.***

Dicetak oleh Dār al-Ihyā' al-Turāth al-‘Arab, Beirut. Kitab *muṣṭalah al-ḥadīth* yang ringkas tetapi padat dan lengkap lagi bermanfaat.

## VII. *Fath al-Bārī*.

Dicetak oleh Dār al-Salām al-Riyād yang merupakan kitab syarah kepada sahih al-Bukhārī yang begitu terkenal dan juga dikatakan karangan Ibn Hajar yang paling hebat.

## VIII. *Talkhīs Al-Habīr*.

Dicetak oleh beberapa syarikat percetakan, antaranya ialah Dār al-Kutub al-‘Ilmiah. Ia merupakan sebuah kitab *takhrīj al-ḥadīth* kepada kitab fiqh *al-Rāfi’ī al-Kabīr* dalam madhhab al-Shāfi’ī yang diringkaskan dari kitab *al-Badr al-Munīr* karangan gurunya Ibn al-Mulaqqin. Penulis akan membincangkan tentang kitab ini dalam tajuk yang khusus.

### 3.6 Tarikh Wafat

Kehidupan beliau dipenuhi dengan aktiviti ilmiah, bermula sebagai seorang penuntut ilmu, kemudiannya menjadi seorang guru dan penulis yang telah menghasilkan karya-karya ilmiah yang amat berharga khususnya dibidang hadith. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai khatib masjid, mufti dan juga *qāḍi*. Akhirnya beliau telah menyahut seruan Ilahi pada hari sabtu 18 zulhijjah tahun 852H. Jenazah beliau telah dihadiri oleh begitu ramai orang yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat. Imam al-Bulqīnī telah mengimamkan solat jenazahnya dengan izin khalifah al-Abbāsi. Beliau kemudiannya dikebumikan di tanah perkuburan bani al-Kharūbi yang berdekatan dengan tanah perkuburan Imam al-Shāfi’ī.<sup>1</sup>

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas Imam Ibn Hajar dan menghimpunkannya dikalangan hamba-hambanya yang dikasihi. Amin.



---

<sup>1</sup> Lihat ‘Abd al-Sattār al-Shaykh (1992). Op.cit., h. 615-618.

### 3.7 Ilmu *Takhrīj* Suatu Pengenalan

Dari sudut bahasa Arab *takhrīj* adalah berasal dari katakerja *rubā'ī* - خَرَجَ - iaitu sesuatu yang berpisah dari tempat asalnya ke tempat yang lain.<sup>1</sup>

Adapun disisi ahli hadith, terdapat beberapa makna yang digunapakai dengan kalimah ini:

- I. *Takhrīj* adalah samaerti dengan *al-Ikhrāj*, iaitu menzahirkan sesuatu hadith kepada orang ramai dengan menjelaskan tempat riwayat yang dikeluarkan dengan sanadnya.

Maka mereka akan mengatakan sebagai contoh hadith ini أَخْرَجَهُ السُّجَّارِيُّ أَوْ خَرَّجَهُ

السُّجَّارِيُّ – iaitu dikeluarkan dengan sanadnya sendiri oleh al-Bukhārī.<sup>2</sup>

- II. *Takhrīj* dengan maksud mengeluarkan hadith-hadith dari kitab-kitab induk hadith dan meriwayatkannya disamping menyandarkan riwayat itu kepada tempat asal riwayat itu dinukilkan.<sup>3</sup>

- III. *Takhrīj* dengan maksud petunjuk kepada tempat asal sesuatu hadith itu diriwayatkan.<sup>4</sup>

Prof. Madya Dr. Mohd Radzi Hj. Othman merumuskan tentang istilah *takhrīj* dengan mengatakan bahawa ia adalah: “Suatu usaha untuk memastikan asal-usul sesebuah hadith itu melalui kitab-kitab hadith yang muktabar dengan sanadnya yang lengkap daripada pengarangnya hinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w.”<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Bakr Abū Zayd (1413H), *al-Ta'sīl li Usūl al-Takhrīj wa Qawā'id al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Al-Riyāḍ: Dār al-Āsimah, h.51-52.

<sup>2</sup> Mahmud al-Ṭahhān (1991), *Usūl al-Takhrīj wa Dirāsah al-Asānīd*. Op.cit., h.9.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Lihat Prof. Madya Dr. Mohd Radzi Hj. Othman (1997), *Konsep Takhrīj Hadith*. Bil.10, Jurnal Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h.40.

Penulis bagaimanapun cenderung kepada definisi yang diberikan oleh Shaykh Bakr Abū Zayd<sup>1</sup> yang mengatakan *takhrīj* itu adalah proses mengenal pasti perawi dan riwayat serta sumber asal keluarnya hadith dengan keseluruhan jalur sanadnya dan hukum keatas hadith itu samada sahih atau *da'if*.<sup>2</sup>

Menurut Shaykh Mahmud al-Ṭahhān para ulama' yang terdahulu tidak berhajat kepada pengetahuan kaedah usul ilmu *takhrīj*. Ini disebabkan pengetahuan mereka yang amat luas berkaitan asal-usul sesebuah hadith, dan jika mereka mahu berhujah dengan hadith tertentu, maka mereka dapat menemuinya dengan pantas. Berbeza pula keadaan dengan ulama' kurun yang kebelakangan ini, mereka tidak memiliki keluasan kajian dalam bidang hadith seperti ulama' yang terdahulu.<sup>3</sup> Berkata Imam al-Irāqī: "Suatu kebiasaan bagi ulama' terdahulu tidak memperincikan keadaan hadith yang mereka bantangkan dalam karangan mereka, seperti siapa yang mengeluarkannya, keadaannya dari sudut sahih atau *da'if* melainkan jarang sekali, walaupun mereka itu adalah dari golongan ulama' hadith sehingga datangnya Imam al-Nawawī yang mula memperincikan persoalan tersebut. Tujuan ulama' yang terdahulu adalah supaya masyarakat tidak lupa untuk merujuk akan sesuatu ilmu melainkan di tempat asalnya. Hal ini dapat dilihat dari hasil kerja Imam al-Rāfi'ī sedangkan dia lebih menguasai bidang hadith dari Imam al-Nawawī."<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Beliau adalah Bakr bin 'Abd Allah Abū Zayd. Pernah menjawat jawatan imam dan khatib, begitu juga guru di Masjid Al-Nabawī serta *qāḍi* dan pengerusi *Majma' al-Fiqh*. Beliau juga merupakan salah seorang anggota panel tetap fatwa ulama' besar Arab al-Sa'ūdī. Meninggal pada tahun 1429H. Lihat [www.Islamlight.net](http://www.Islamlight.net). Dilayari pada 22hb 7 2009.

<sup>2</sup> Lihat Bakr Abū Zayd (1314 H).Op.cit., h. 52.

<sup>3</sup> Mahmud Al-Ṭahhān (1991). Op.cit., 13.

<sup>4</sup> Ibid.

### 3.8 Metode Penugasan *Takhrīj*

Menurut Shaykh Bakr Abū Zayd, tugas *takhrīj* itu ada lima peringkat:

- I. *Takhrīj* dengan tugasannya mengumpul *matn* hadith semata-mata, seperti yang dilakukan dalam kitab *الشَّرَاح* karangan Abū Abd Allah Muhammad bin Salāmah al-Quḍā'ī. Meninggal pada tahun 454H. Beliau menghimpunkan dalam kitab tersebut sebanyak 1200 ribu hadith.<sup>1</sup>
- II. *Takhrīj* dengan tugasannya mengumpul *matn* hadith dan dinyatakan nama sahabat yang meriwayatkan hadith itu dari Nabi s.a.w. Antara kitab yang menggunakan metode ini ialah *فردوس الأختيار بمأثور الخطاب المخرج على كتاب الشهاب* karangan Abū Shujā' Shayruyah bin Shahrādār al-Daylamī. Meninggal pada tahun 509H.<sup>2</sup>
- III. *Takhrīj* dengan tugasannya seperti metode yang kedua dan ditambah dengan menyatakan sandaran kitab riwayat asal hadith itu dikeluarkan dengan sanadnya. Antara kitab yang menggunakan metode ini adalah *جامع الأصول في أحاديث الرسول* karangan Ibn Al-Athir (al-Mubarak bin Muhammad al-Shaybānī) meninggal pada tahun 606H.<sup>3</sup>
- IV. *Takhrīj* dengan tugasannya seperti metode yang tiga dengan tambahan tugas memperincikan kedudukan hadith tersebut. Antara kitab yang menggunakan metode ini adalah kitab *رياض الصالحين* karangan Imam al-Nawawi.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat Bakr Abū Zayd (1314 H).Op.cit., h. 153.

<sup>2</sup> Ibid., h. 155.

<sup>3</sup> Ibid., h. 156.

<sup>4</sup> Ibid., h. 157.

V. *Takhrīj* dengan tugasannya seperti metode yang keempat dengan tambahan tugas kajian terperinci berkaitan dengan keadaan *sanad*. Antara kitab yang menggunakan metode ini ialah kitab التلخيص الحبير karangan Imam Ibn Hajar yang penulis khususnya perbincangannya dalam fasal yang berikut.<sup>1</sup>

### 3.9 Kitab *Talkhīs al-Habīr*<sup>2</sup>

Kitab ini merupakan sebuah kitab *takhrīj al-ḥadīth* yang banyak manfaat dan terkenal dikalangan ahli ilmu. Ia merupakan ringkasan kepada kitab *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wal Āthar al-Waqi'ah fī Sharh al-Kabīr* yang dikarang oleh Shaykh Ibn al-Mulaqqin. Beliau telah mengumpul kesemua hadith dan *āthar* yang terkandung dalam kitab *Sharh al-Kabīr* iaitu sebuah kitab fiqh al-Shāfi'ī karangan Imam Abū Qāsim 'Abd al-Karim bin Muhammad al-Rāfi'ī (wafat 623H) yang mensyarahkan pula kitab *al-Wajiz* karangan Imam Abū Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī (wafat 505H).<sup>3</sup>

Sebelum Imam Ibn al-Mulaqqin menyusun kitab ini, yang kemudiannya diringkaskan oleh Imam Ibn Hajar,<sup>4</sup> telah lahir beberapa buah kitab yang juga mentakhrijkan hadith-hadith yang terkandung dalam kitab *Sharh al-Kabīr*. Kitab-kitab itu ialah;

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 158.

<sup>2</sup> Menurut pemerhatian penulis, kitab ini telah diterbitkan oleh tiga buah syarikat percetakan. Yang pertama cetakan al-Madinah al-Munawwarah tahun 1964 dibawah penyeliaan Sayyid 'Abd Allah Hāsyim al-Yamāni al-Madani. Yang kedua adalah cetakan Muassasah Qurtubah dan Dār al-Mishkāh tahun 1995 dibawah penyeliaan Abū 'Āsyim Hassan bin 'Abbas bin Quṭb, dan yang ketiga adalah cetakan Dār al-Kutub al-'Ilmiyah dibawah penelitian dan semakan Shaykh 'Ādil Ahmad Abd al-Mujawwad dan Ali Muhammad Mu'awwad, tahun 1998.

<sup>3</sup> Lihat Mahmud al-Ṭahhān (1991), *Usūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānīd*. Op.cit., h. 27-28.

<sup>4</sup> Imam Ibn al-Mulaqqin juga telah meringkaskan kitabnya ini kepada 2 buah kitab. Yang pertama dinamakan "*Khulāsah al-Badr al-Munir*" dan yang kedua dinamakan "*Muntaqā Khulāsah al-Badr al-Munir*". Lihat Mahmud Ṭahhān (1991). Ibid., h. 27-28.



- I. Kitab *Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī* oleh Shihāb al-Din Abū al-Hussayn Ahmad bin Abik bin ‘Abd Allah al-Hussami al-Dimyāṭi. Meninggal dunia pada 749H.<sup>1</sup>
- II. Kitab *Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī* oleh Muhammad bin Ali bin ‘Abd al-Wahid bin Yahya bin ‘Abd al-Rahim dikenali sebagai *Ibn Naffās*. Meninggal dunia pada 763H.<sup>2</sup>
- III. Kitab *Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī* oleh al-Qāḍi Abū Umar ‘Izz al-Din ‘Abd al-Aziz bin Muhammad bin Ibrahim bin Sa’d Allah bin Jamā’ah. Meninggal dunia di Makkah pada 767H.<sup>3</sup>
- IV. Kitab *Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī* oleh Badr al-Din Muhammad bin Bahādir al-Zarkashī. Meninggal dunia pada 794H.<sup>4</sup>
- V. Kitab *Shāfi al-‘Ī fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī* oleh Shihāb al-Din Abū Abbas Ahmad bin Ismail bin Khalifah bin ‘Abd ‘Āl dikenali sebagai *Ibn al-Husbāni*. Meninggal dunia pada 815H.<sup>5</sup>
- VI. Kitab *Nashr al-Ba’ir fī Takhrīj Aḥādīth al-Sharh al-Kabīr* oleh al-Ḥāfiẓ Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abī Bakar as-Suyūṭi. Meninggal dunia pada 911H.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat al-‘Asqalāni (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr*, “Mukadimah”. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h.108.

<sup>2</sup> Ibid., h.109.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid.

Oleh yang demikian, Imam Ibn Hajar telah memanfaatkan kebanyakan dari kitab-kitab ini ketika menyusun kitab *Talkhīs Al-Habīr* disamping mengambil manfaat juga dari kitab *Naṣb al-Rāyah fī Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*<sup>1</sup>, sebagaimana yang diakuinya sendiri.<sup>2</sup> Maka tidak hairanlah kenapa kitab ini mendapat tempat yang begitu istimewa dikalangan para sarjana ilmuan Islam dan juga para penuntut ilmu, baik dalam bidang fiqh apatah lagi dalam bidang hadīth.



---

<sup>1</sup> Karangan Imam Jamal al-Din Abū Muhammad ‘Abd Allah bin Yusuf al-Zayla’ī. Meninggal pada tahun 762H. Lihat al-Zirkali (1999), juz. 4. Op.cit., h. 147.

<sup>2</sup> Lihat al-‘Asqalāni (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, j.1. Op.cit., h.115-116.

**BAB 4**  
***TAD'IF AL-ḤADĪTH***  
**DALAM**  
**KITAB *TALKHĪS AL-HABĪR***

**4.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, penulis memilih sebanyak 21 buah riwayat hadith yang telah dinyatakan keda'ifannya secara jelas atau secara isyarat yang terkumpul dalam kitab *al-Ṭahārah* dari kitab *Talkhīs al-Habīr*. Ia kemudiannya dinukilkan dan dibentangkan secara ringkas dengan memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- I. *Takhrij al-ḥadīth*.
- II. Membentangkan gambarajah *sanad*.
- III. Menyatakan sebab-sebab *tad'if*.
- IV. Membuat ulasan dan komentar.

## 4.2 Contoh *Taḍ'if al-Ḥadīth*

### Hadith Pertama: *Ḍa'if* disebabkan perawi *sanad matrūk* dan pendusta.

Diriwayatkan dari Aisyah yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w melarangnya menggunakan air *al-tashmīs* (air yang dipanaskan dengan cahaya matahari) dan bersabda:

... لا تَفْعَلِي يَا حُمَيْرَاءُ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ

“... jangan lakukan begitu wahai Humayrā’ kerana ia akan menyebabkan penyakit kulit.”<sup>1</sup>

#### ▪ TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH

- I. Al-Dārquṭnī, Ibn ‘Adiy dalam kitab al-Kāmil, Abū Nu’aym dalam kitab *al-Ṭibb*, dan al-Bayhaqī melalui jalur Khalid bin Ismail dari Hisyam bin ‘Urwah dari ayahnya dari Aisyah r.a...<sup>2</sup>
- II. Al-Dārquṭnī juga mengeluarkannya melalui jalur ‘Amru bin Muhammad al-A’sam dari Fulayh dari al-Zuhri dari ‘Urwah... Beliau juga mengeluarkan riwayat ini melalui jalur Wahab bin Wahab dari Hisyam dan al-Haytham bin ‘Adiy dari Hisyam dan dalam kitab *Gharāib Malik* beliau mengeluarkan riwayat ini melalui jalur Ibn Wahab dari Malik dari Hisyam...serta mengatakan jalur ini batil.<sup>3</sup>
- III. Dikeluarkan juga oleh al-Ṭabrānī melalui jalur Muhammad bin Marwan dari Hisyam...<sup>4</sup>


<sup>1</sup> Menurut Albānī dakwaan Ibn al-Qayyim yang mengatakan semua hadith yang menyebut *يا حميراء* atau *الحميراء* adalah palsu dan dusta adalah tidak benar. Ini kerana terdapat riwayat yang dikeluarkan oleh al-Nasāi yang mana Rasul Allah s.a.w bersabda : “يا حميراء” sukakah melihat permainan mereka (golongan Habshah yang sedang bermain tombak di persekitaran masjid)? Aisyah menjawab: “Ya”. Hadith ini telah dinilai sahih oleh al-Ḥafīz Ibn Hajar. Lihat Muhammad Nāsr al-Din al-Albānī, seterusnya akan disebut sebagai Albānī (1989), *Āḍab al-Zafāf*. Beirut: Al-Maktab Al-Islāmī, h. 200. Menurut Shaykh Abū Ghuddah hadith yang dimaksudkan dengan dikeluarkan oleh al-Nasāi adalah dalam Sunan al-Kubrā dan tidak wujud dalam *Sunan al-Sughrā* yang dicetak. Lihat , Ali al-Harawī al-Qāri al-Makkī, seterusnya akan disebut sebagai al-Qāri (2005), *al-Maṣnū’ fī Ma’rifati al-Ḥadīth al-Mawḍū’*, “nota kaki”. Beirut, Maktab al-Maṭbu’āt al-Islāmīyah, h.213.

<sup>2</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitab al-Ṭahārah”, “Bāb al-Mā’ al-Ṭahir”, no.5, j.1. Op.cit., h. 140.

<sup>3</sup> Ibid, h.141.

<sup>4</sup> Ibid.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB *TAD'IF*

Ibn Hajar mengatakan kecacatan riwayat ini disebabkan terdapat perawi-perawi yang telah ditajrihkan.

I. Khalid bin Ismail.

II. Wahab bin Wahab Abū al-Bakhtari.<sup>1</sup>

Menurut Ibn 'Adiy;<sup>2</sup> “Khalid adalah pereka hadith *mawḍū'* , adapun Wahab keadaannya lebih buruk dari Khalid.”<sup>3</sup>

III. Yahya bin Ma'ien mengatakan al-Haytham bin 'Adiy adalah seorang pendusta.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'ī al-Kabīr*, j.1. Op.cit., h. 141- 142.

<sup>2</sup> Beliau ialah Abū Muhammad 'Abd Allah bin 'Adiy dikenali juga dengan Ibn al-Qaṭṭān al-Jurjāni. Meninggal pada tahun 365H. Lihat al-Sakhāwī (1999), op.cit., h 112.

<sup>3</sup> Al-'Asqalānī (1998), op.cit.

<sup>4</sup> Ibid.

IV. Al-Dārquṭnī menilai Amru bin Muhammad al-A'ṣam sebagai *munkar al-ḥadīth* dan tidak sah riwayatnya dari al-Zuhri, manakala Ibn Hibbān mengatakan beliau merupakan pereka hadith *mawḍū'*.<sup>1</sup>

V. Muhammad bin Marwan al-Sudiy dinilai sebagai *matrūk*.<sup>2</sup>

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar memulakan perbahasan riwayat ini dengan membahaskan *sanad* dari jalur Khalid bin Ismail, kemudian beliau mendatangkan beberapa *sanad* dari jalur yang berbeza sebagai *mutaba'āt*. Walaupun begitu kesemua jalur *sanad* yang ada tidak memenuhi kriteria yang layak untuk dikuatkan. Ini adalah disebabkan terdapat dalam semua *sanad* itu perawi-perawi yang telah ditajrih sampai ke tahap kritikal. Ibn Hajar hanya berpada dengan membentangkan secara ringkas penilaian ulama' *al-jarh wa al-ta'dil* sebagai gambaran bahawa riwayat ini ditolak.

Adapun Ibn al-Mulaqqin secara terangan diawal perbahasan menyatakan bahawa hadith ini sangat *ḍa'if* (واهِ جِدًّا). Beliau kemudiannya membentangkan penilaian ulama' *al-jarh wa al-ta'dil* dengan lebih panjang lebar, tetapi tertinggal dari menyebutkan riwayat ini juga dikeluarkan oleh al-Ṭabrānī melalui jalur Muhammad bin Marwan.<sup>3</sup>

Shaykh Albānī dalam *Irwā' al-Ghalīl* nampaknya mengikut langkah Ibn al-Mulaqqin yang mana beliau juga dengan jelas menyatakan kesimpulan hukum terhadap riwayat ini diawal perbahasan, tetapi penilaiannya lebih tegas dengan mengatakan riwayat ini adalah *mawḍū'*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin Sirāj al-Din Abū Hafs Umar bin Ali bin Ahmad al-Ansārī, seterusnya akan disebut sebagai Ibn al-Mulaqqin (2004), *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Athār al-Waqi'ah fī al-Sharh al-Kabīr*, j.1. Al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah, h. 421- 424.

<sup>4</sup> Lihat Albānī (1985), *Irwā' al-Ghalīl fī Takhrīj Manār al-Sabīl*. j.1. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, h.50.

Dengan pembentangan ini penulis mengatakan hadith ini telah ditolak penghujahannya atau kelayakan untuk disandarkan sebagai sabda Nabi s.a.w dan dikategorikan sebagai *mawḍū'* sebagaimana yang disimpulkan oleh Shaykh Albānī.



**Hadith Kedua: *Ḍa'īf* kerana *sanad* yang mengandungi perawi *mudallis* dan *majhūl*.**

Diriwayatkan dari Salman, sesungguhnya Rasul Allah s.a.w bersabda:

يا سَلْمَانَ، كُلُّ طَعَامٍ وَشَرَابٍ وَقَعَتْ فِيهِ دَابَّةٌ لَيْسَ لَهَا دَمٌ فَمَاتَتْ، فَهُوَ حَلَالٌ أَكُلُهُ شَرِبُهُ وَوُضُوؤُهُ

“Wahai Salman, semua makanan dan minuman yang jatuh dalamnya binatang yang darahnya tidak mengalir, maka ia halal untuk dimakan, diminum dan digunakan untuk berwudu’.”

▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

I. Al-Dārquṭnī

II. Al-Bayhaqī

Kedua-duanya melalui jalur Baqiah bin Walīd dari Sa'id bin Abī Sa'id al-Zabīdī dari Bishr bin Mansūr dari Ali bin Yazid bin Jad'ān dari Sa'id bin al-Musayyib dari Salman...<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, “Kitāb al-Ṭahārah”, “Bāb Bayān al-Najasāt wa al-Mā' al-Najas”, no.13, j.1. Op.cit., h. 163.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB *TAD'IF*

Ibn Hajar mengatakan kecacatan riwayat ini disebabkan terdapat perawi-perawi yang telah ditajrihkan.<sup>1</sup>

I. Baqiah bin Walid yang bersendirian – **تفرد** – dan kata Ibn Hajar, keadaannya sedia

maklum.<sup>2</sup>

II. Sa'id bin Abi Sa'id al-Zabidi seorang *majhul*.<sup>3</sup>

III. Ali bin Yazid bin Jad'an dinilai sebagai *da'if*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h.164.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.



## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Seperti hadith yang sebelum ini, Ibn Hajar hanya berpada dengan membentangkan permasalahan *sanad* riwayat ini yang mengandungi perawi-perawi lemah.<sup>1</sup> Adapun gurunya Ibn al-Mulaqqin telah menyimpulkan keadaan *sanad* ini dengan lebih tertib.<sup>2</sup> Ringkasnya seperti berikut:

- I. Baqiah bin Walīd seorang perawi yang *mudallis* dan *da'īf* secara mutlak. Imam al-Bukhārī dan Muslim hanya mengambil riwayatnya sebagai riwayat sokongan.<sup>3</sup>
- II. Berkata Ibn 'Adiy, "Sa'id bin Abī Sa'id al-Zabīdī tergolong dikalangan guru-guru Baqiah yang *majhul*".<sup>4</sup>
- III. Ali bin Yazid bin Jad'ān dida'ifkan oleh Ibn 'Uyaynah<sup>5</sup> dan lain-lain.<sup>6</sup>
- IV. Tidak diketahui adanya *mutaba'āt*. Berkata al-Dārquṭnī; "Hadith ini tidak diriwayatkan melainkan dari jalur Baqiah dari Sa'id bin Abī Sa'id al-Zabīdī ..."<sup>7</sup>

Oleh demikian Ibn al-Mulaqqin mengatakan hadith ini *ma'lūl*,<sup>8</sup> manakala Shaykh Albānī menilainya sebagai sangat *da'īf*.<sup>9</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., 163-164.

<sup>2</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.1.Op.cit., h. 456- 460.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid., h.457.

<sup>5</sup> Beliau ialah Abū Muhammad Sufian bin 'Uyaynah al-Kūfī. Meninggal pada 198H. Lihat al-Sakhāwī (1999). Op.cit., h 99.

<sup>6</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.1.Op.cit., h. 459.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Ibid., h. 456. *Ma'lūl* yang dimaksudkan disini adalah definisi umum disisi ahli hadith yang bermaksud riwayat hadith itu ada kecacatan dan bantahan padanya. Lihat Ibn Abī Hātim al-Rāzi (2006), *Kitab al-'Ilal*, "Mukadimah", Op.cit., h. 23 dan 27.

<sup>9</sup> Lihat Albānī(2000), *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah*, no. 4845, j.10. op.cit , h. 407.

**Hadith Ketiga: *Da'if* kerana riwayat ini tidak memiliki *sanad* serta *matn* yang *munkar*.**

أَنَّ أَبَا طَيِّبَةَ الْحَجَّامِ شَرِبَ دَمَ رَسُولِ اللَّهِ - ﷺ - وَلَمْ يُنْكِرْ عَلَيْهِ

Riwayat, “Sesungguhnya Abū Ṭayyibah al-Hajjām telah minum darah bekam Rasul Allah s.a.w. dan Baginda tidak mengingkari perbuatan tersebut.”

▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

Berkata Imam Ibn al-Mulaqqin; “Saya tidak tahu siapa yang keluaran hadith ini.”<sup>1</sup> Ibn Hajar Hajar mengatakan bahawa sandaran kisah ini kepada Abū Ṭayyibah tidak ditemui, dan yang jelas sandaran kisah ini adalah kepada hamba sahaya milik segolongan kaum Quraysh, sebagaimana yang dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam kitab *Du'afā'* dari jalur Nāfi' Abī Hurmuz dari 'Atā' dari Ibn Abbas...Sandaran ini pun tidak sah. Menurut Ibn Hibban, “Nāfi' meriwayatkan dari 'Aṭā' beberapa hadith yang *mawḍū'* dan antaranya hadith ini”. Adapun Yahya bin Ma'ien mengatakan Nāfi' adalah pendusta.<sup>2</sup> Dalam riwayat yang lain, selepas mengetahui dia telah minum darah bekam itu, Baginda bersabda kepada beliau:

لَا تَعُدَّ، الدَّمُ حَرَامٌ كُنْتُ...

“Jangan ulangi perbuatan itu kerana semua darah itu haram.”

Riwayat kedua yang disandarkan kepada Abū Ṭayyibah dengan tambahan sabda Baginda agar jangan diulangi perbuatan itu juga tiada ditemui, tetapi ada riwayat yang sandaran kisahnya kepada Abī Hind. Dalam *sanad* ini ada perawi yang bernama Abū al-Hijaf yang ulama' berselisih pendapat tentangnya. Al-Bazzār, Ibn Abī Khaythamah dan al-Bayhaqī juga


<sup>1</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), op.cit., h. 473.

<sup>2</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, “Kitab al-Ṭahārah”, “Bāb Bayān al-Najasāt wa al-Mā' al-Najas”, no.17, j.1.Op.cit., h. 168.


mengeluarkan riwayat ini melalui jalur Burayh bin Umar bin Safinah dari ayahnya dari datuknya bahawa Rasul Allah s.a.w telah berbekam, kemudian berkata kepadanya, “Ambil darah bekam ini, tanamnya supaya tidak dilihat binatang, burung atau manusia”. Akupun hilangkan darah itu dengan meminumnya, kemudian Baginda bertanyakan tentang darah itu, lalu aku ceritakan kepadanya perbuatanku itu dan Baginda ketawa.<sup>1</sup>

▪ GAMBARRAJAH SANAD

1



2



<sup>1</sup> Ibid., h. 169.

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Dari penjelasan di atas, sandaran kisah ini kepada Abū Ṭayyibah tidak ada dasarnya. Selain Ibn Hajar dan Ibn al-Mulaqqin, Imam al-Nawawi turut menda'ifkan riwayat ini.<sup>1</sup> Adapun riwayat yang dikeluarkan oleh al-Bazzār dan al-Bayhaqī melalui jalur Burayh bin Umar, Imam Ibn Hajar tidak memberi sebarang komentar sedangkan gurunya Ibn al-Mulaqqin menda'ifkan riwayat ini dalam *al-Badr al-Munir*.<sup>2</sup> Shaykh Albānī mengkritik tindakan ini kerana mengatakan terdapat dua 'illah yang mencacatkan riwayat ini:

1- Perawi yang bernama 'Umar bin Saḥīnah. Beliau telah ditajrih oleh al-Bukhārī dan al-Uqayli<sup>3</sup>.

2- Anaknya Burayh yang nama sebenarnya ialah Ibrahim juga telah ditajrihkan oleh al-Uqayli, Ibn 'Adiy dan al-Dārquṭnī. Berkata Albānī lagi, hadith ini telah dinilai *ḍa'if* oleh 'Abd al-Haq al-Ishbīlī<sup>4</sup> dalam kitabnya *al-Ahkam*.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Abū Zakaria Muhy al-Din bin Sharf al-Nawawi, (2005), *al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab*, "Kitab al-Ṭahārah", "Bāb al-Āniah", j.1. Beirut: Dār al-Fikr, h 293.

<sup>2</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004). *Op.cit.*, h. 480.

<sup>3</sup> Beliau ialah Abū Bakr Muhammad bin 'Amru al-'Uqaylī al-Makki. Meninggal pada tahun 322H. Lihat al-Sakhāwī (1999). *Op.cit.*, h. 111.

<sup>4</sup> Beliau ialah 'Abd al-Haq bin 'Abd Allah al-Azdī al-Ishbīlī Abū Muhammad. Dikenali juga dengan Ibn al-Kharāth dari golongan ulama' al-Andalus. Pakar dibidang fiqh dan hadith. Meninggal pada tahun 581H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz 3. *Op.cit.*, h. 281.

<sup>5</sup> Albānī (2000), *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'ifah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah*, j.3. *Op.cit.*, h. 188.

Penulis mengatakan kemungkinan sebab berdiamnya Ibn Hajar dengan tidak memberi komen terhadap riwayat ini kerana berpada dengan penilaian seorang lagi gurunya iaitu al-Hafiz Nūr al-Din Ali bin Abī Bakr al-Haythamī yang mengatakan bahawa riwayat ini dikeluarkan oleh al-Ṭabrāni dan al-Bazzār dan perawi-perawi al-Ṭabrāni semuanya *thiqah*.<sup>1</sup> Walaupun begitu penulis memihak kepada Ibn al-Mulaqqin dan Shaykh Albānī kerana hujah-hujah yang dikemukakan, dan sebagai hujah tambahan penulis merasakan bahawa *matn* hadith ini juga tidak sealiran dengan *al-qurān* yang menyifatkan darah itu haram diminum.

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ ...

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah...”

Al-Baqarah (2): 173

Maka adalah tidak munasabah dakwaan bahawa Rasul Allah s.a.w ketawa melihat perbuatan yang telah melanggar perintah *al-qurān*.<sup>2</sup>



<sup>1</sup> Nūr al-Din Ali bin Abī Bakr al-Haythamī (1994), *Majma' al-Zawā'id wa al-Manba' al-Fawā'id*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 483. Menurut Albānī penilaian keatas sesuatu *sanad* dengan mengatakan perawi-perawinya adalah *thiqah* tidak memadai untuk menetapkan hadith itu sahih. Ini kerana wujudnya perawi yang *thiqah* tidak menafikan wujudnya 'illah atau *shādh* pada *sanad* atau *matn* hadith tersebut. Lihat Albānī (1417H), *Tamām al-Minnah fī Ta'liq 'alā Fiqh al-Sunnah*. Al-Riyāḍ: Dār al-Rāyah, h.26.

<sup>2</sup> Perlu diingatkan di sini, bukanlah menjadi suatu syarat bahawa sesuatu hadith itu perlu dirujuk kepada al-Quran untuk menentukan kedudukannya samada sahih ataupun *da'if*. Ini disebabkan peranan hadith itu adakalanya sebagai tafsiran kepada al-Quran, adakalanya mengkhususkan sesuatu yang berbentuk umum dalam al-Quran dan adakalanya membawa hukum yang tersendiri yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Lihat Milyabārī (2003), *Nadharāt Jadīdah fī 'Ulūm al-Hadīth*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h.76.

**Hadith Keempat: *Da'if* kerana perawi yang dituduh sebagai pendusta.**

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

إِنَّمَا يُغْتَمَلُ الثَّوبُ مِنَ الْمَوْلِ، وَالْمَذِي، وَالْمَنِي

“Sesungguhnya dibasuh pakaian itu kerana terkena air kencing, atau air mazi atau air mani.”

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

- I. Al-Bazzār dalam Musnadnya,
- II. Abū Ya'lā al-Mūṣilī dalam Musnadnya,
- III. Ibn 'Adiy dalam *al-Kāmil*,
- IV. Al-Dārquṭnī,
- V. Al-Bayhaqī,
- VI. Al-'Uqaylī dalam *al-Du'afā'*,
- VII. Abū Nu'aym dalam *al-Ma'rifah*.

Kesemua mereka meriwayatkan dari jalur Thābit bin Hammād, berkata telah beritakan kepada kami Ali bin Zayd bin Jad'ān dari Sa'id bin al-Musayyib dari Ammar bin Yāsir...<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Ḥabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, “Kitab al-Tahārah”, “Bāb Bayān al-Najasāt wa al-Mā' al-Najas”, no.22, j.1. Op.cit., h. 173. Walaupun terdapat sebilangan ulama' yang mengeluarkan riwayat ini, tetapi kesemua mereka mengeluarkannya dari jalur yang sama iaitu melalui Thābit bin Hammād, maka riwayat ini sebenarnya hanya memiliki satu *sanad*.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB TAD'IF

Menurut Ibn Hajar kesemua ulama' yang mengeluarkan riwayat ini seperti diatas telah mentajrihkan Thābit bin Hammād melainkan Abū Ya'lā al-Mūṣilī.<sup>1</sup>

- a. Berkata al-Lālikāī; “Bersepakat ahli ilmu menolak hadithnya.”
- b. Menurut al-Bazzār; “Tidak diketahui bagi Thābit melainkan hadith ini sahaja.”
- c. Berkata al-Ṭabrānī; “Bersendirian Thābit dengan riwayat ini, dan tidak diketahui dari Ammār melainkan dengan *sanad* ini.”
- d. Berkata al-Bayhaqī; “Hadith ini batil kerana dari riwayat Thābit bin Hammād sedangkan dia dituduh sebagai pendusta.”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Imam al-Bayhaqī mengatakan riwayat yang disandar kepada Ammār bin Yāsir adalah batil <sup>١</sup> *أصل له*,<sup>1</sup> bukan sahaja kerana Thābit bin Hammād yang dituduh sebagai pendusta, tetapi juga Ali bin Zayd bin Jad’ān yang tidak layak berhujah dengan riwayatnya.<sup>2</sup> Walaupun begitu al-Zayla’ī mendakwa hadith ini ada *mutaba’āt* dari jalur yang dikeluarkan al-Tabrānī dalam *Mu’jam al-Kabīr*.<sup>3</sup> Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar telah membantah dakwaan adanya *mutaba’āt* melalui jalur Ibrahim bin Zakaria al-‘Ijlī dari Hammād bin Salamah dari Ali bin Zayd, kerana Ibrahim adalah *ḍa’if* dan telah tersilap dalam meriwayatkan *sanad* ini dengan mengatakan bahawa dia ambil dari Hammād bin Salamah, sedangkan yang sebenarnya ialah dari Thābit bin Hammād.<sup>4</sup>

Shaykh Albānī menilai hadith ini sebagai sangat *ḍa’if* dan kemudiannya menyenarai sebilangan ulama’ yang turut menda’ifkan hadith ini, antaranya al-Bayhaqī, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Mulaqqin dan al-Suyūṭī.<sup>5</sup> Ibn Hajar seperti sebelumnya hanya berpada dengan menyenaraikan kecacatan *sanad* riwayat ini yang dinyatakan oleh para ulama’ terdahulu, tetapi beliau tidak membuat kesimpulan dan seterusnya mengeluarkan hukum muktamad keatas hadith ini atau setidak-tidaknya menukilkan penilaian hukum dari para ulama’

---

<sup>1</sup> Menurut Shaykh Abū Ghuddah, disisi ahli hadith lafaz ini boleh membawa beberapa erti: (١) Riwayat ini tidak memiliki *sanad*. (⇔) Riwayat yang *mawḍū’*. (⇔) Makna yang terkandung dalam riwayat itu sangat ganjil dan tidak ada sokongan dari mana-mana dalil yang lain. (⇔) Tidak wujud dalam al-Quran atau hadith yang sahih. Lihat al-Qārī (2005), Op.cit, “nota kaki”, h. 17-23.

<sup>2</sup> Al-Zayla’ī (2002), *Naṣb al-Rāyah Takhrīj Ahādīth al-Hidāyah*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 276.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Bāb Bayān al-Najasāt wa al-Mā’ al-Najas”, no.22, j.1.Op.cit., h. 173.

<sup>5</sup> Lihat Albānī(2000), *Salsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’ifah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, no. 4849, j.10. Op.cit., h. 414.



terdahulu, khususnya gurunya Ibn al-Mulaqqin yang telah menilai hadith ini sebagai batil dan tidak harus berhujah dengannya.<sup>1</sup>

**Hadith Kelima: *Da'if* kerana perawi yang dinilai sebagai *munkar al-hadith*.**

Diriwayatkan dari Khawlah binti Yasar bahawa dia bertanya kepada Nabi s.a.w tentang darah haid, maka Baginda bersabda: **اغْسِلِيهِ** (basuhlah darah itu)". Aku pun berkata:

"Aku telah basuh tetapi masih ada kesan darah?" Baginda pun bersabda lagi: **أَلْمَاءُ أَثَرُهُ**

**يَكْفِيكَ وَ لَا يَضُرُّكَ** (Air itu sudah memadai untukmu, dan tidak mengapa kesan yang masih ada)."

#### ▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

I. Abū Dāud

II. Al-Bayhaqī

III. Al-Ṭabrānī<sup>2</sup>


Abū Dāud dan al-Bayhaqī meriwayatkan hadith ini melalui jalur Ibn Lahī'ah, manakala al-Ṭabrānī menyandarkan riwayat ini kepada Khawlah binti Hakīm dari jalur al-Wāzi' Ibn Nāfi'. Menurut Ibn Hajar sanad ini lebih *da'if* dari yang awal.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.1. Op.cit., h. 493.

<sup>2</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, "Kitāb al-Ṭahārah", "Bāb Bayān al-Najasāt wa al-Mā' al-Najas", no.28, j.1. Op.cit., h. 182.

<sup>3</sup> Ibid.

- GAMBARAJAH SANAD



- SEBAB *TAD’IF*

Kecacatan riwayat ini disebabkan terdapat perawi-perawi yang telah ditajrihkan.

I. Ibn Lahī’ah

II. Al-Wāzi’ Ibn Nāfi’.

- ULASAN DAN KOMENTAR

Imam al-Bayhaqī telah menda’ifkan hadith ini kerana Ibn Lahī’ah bersendirian dalam meriwayatkan *sanad* yang dikeluarkan oleh beliau sendiri dan Abū Dāud.<sup>1</sup> Adapun *sanad* yang dikeluarkan oleh al-Ṭabrānī, berkata Imam Ahmad dan Yahya bin Ma’ien; “Al-Wāzi’ Ibn Nāfi’ tidak *thiqah*”. Al-Bukhārī pula mengatakan beliau seorang yang *munkar al-ḥadīth* dan al-Nasāi menilainya sebagai seorang yang *matruk*. Al-Dārquṭnī mengatakan beliau adalah *ḍa’if*, oleh itu Ibn al-Mulaqqin mengatakan kedua-dua jalur riwayat ini adalah *ḍa’if*<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.1. Op.cit., h.521.

<sup>2</sup> Ibid., h. 524.

Ibn Hajar juga menyokong pendapat ini dengan mengatakan jalur yang kedua adalah lebih *ḍa'īf* dari jalur yang pertama.<sup>1</sup>

Penulis mengatakan jalur *sanad* yang dikeluarkan oleh al-Ṭabrānī secara sepakat ulama' menolaknya. Adapun jalur *sanad* yang mengandungi perawi yang bernama Ibn Lahī'ah, para ulama' berbeza pendapat dalam berhujah dengannya. Menurut Imam al-Tirmidhī, "Ibn Lahī'ah *ḍa'īf* disisi ahli hadith".<sup>2</sup> Al-Dhahabī mengatakan; "Yang diamalkan ialah menda'ifkan hadith Ibn Lahī'ah."<sup>3</sup>

Ibn Hajar menilai Ibn Lahī'ah sebagai **صَدُوقٌ** (dibenarkan riwayatnya) tetapi beliau telah berubah selepas kitab-kitabnya terbakar. Dr. Bashār 'Awwād dan Shu'ib al-Arnaūṭ memperincikan penilaian Ibn Hajar dengan mengatakan, "Ibn Lahī'ah adalah *ḍa'īf* tetapi tetap boleh dipertimbangkan riwayatnya. Hadithnya sahih jika yang meriwayat darinya adalah salah seorang dari golongan - *'ubādalah* - iaitu Ibn al-Mubārak, Ibn Wahab, Ibn Yazid al-Muqrī' dan Ibn Maslamah al-Qa'nabī.<sup>4</sup> Senada dengan pandangan ini adalah Shaykh Albānī yang berpendapat, mereka yang menda'ifkan Ibn Lahī'ah secara mutlak adalah tidak tepat, dan kesimpulannya beliau *thiqah* tetapi buruk hafalannya (**سَيِّئُ الْحِفْظِ**). Beliau biasanya meriwayatkan hadith dari kitab-kitabnya, dan apabila kitab-kitabnya terbakar, beliau meriwayatkan hadith melalui hafalannya dan disinilah berlakunya kesalahan. Ulama' telah menetapkan bahawa hadithnya sahih sekiranya datang dari riwayat golongan *'ubādalah* yang

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs Al-Habīr fī Takhrij Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, j.1. Op.cit., h. 182.

<sup>3</sup> Al-Mubarakfūrī (2001), *Tuhfah al-Ahwaḍhī bi Sharh Jāmi' al-Tirmidhī*, no.10, j.1. Op.cit., h.69.

<sup>4</sup> Lihat al-Ḥāfiẓ Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthmān al-Dhahabī (1997), *al-Kāsyif fī Ma'rifah man lahu Riwāyah fī al-Kutub al-Sittah*, no.2964, j.2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 118.

<sup>5</sup> Lihat Bashār 'Awwād Ma'rūf dan Shu'ib al-Arnaūṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, j.2. Op.cit., h. 258.

tiga, yaitu ‘Abd Allah bin Wahab, ‘Abd Allah bin al-Mubārak dan ‘Abd Allah bin Yazid al-Muqri’.<sup>1</sup>

Oleh itu Albānī telah berbeza pendapat dengan tokoh-tokoh yang menda’ifkan hadith ini disebabkan Ibn Lahī’ah. Beliau mengatakan walaupun terdapat Ibn Lahī’ah dalam *sanad* ini, tetapi dia telah meriwayatkan hadith ini menerusi sebilangan perawi, antaranya ialah ‘Abd Allah bin Wahab, dan riwayat Ibn Lahī’ah melalui ‘Abd Allah bin Wahab adalah sahih sebagaimana yang dinyatakan oleh kebanyakan *huffaz*.<sup>2</sup>

Shaykh Albānī dalam kajiannya juga mengatakan terdapat segolongan perawi selain dari ‘*ubādalah* yang mengambil riwayat dari Ibn Lahī’ah sebelum beliau berubah ( *اختلاط* ) dan

dengan itu, riwayat mereka adalah wajar dinilai sahih. Mereka ialah:

- I. ‘Abd al-Rahman bin Mahdi.
- II. ‘Abd Allah bin Maslamah al-Qa’nabī.
- III. Al-Walid bin Mazid al-Bayrūtī.
- IV. Al-Awzā’ī.
- V. Sufiān al-Thawri.
- VI. Shu’bah.
- VII. ‘Amrun bin al-Hārith.
- VIII. Ishaq bin ‘Isā al-Thabā.’
- IX. Khalid bin Yazid al-Ṣan’ānī.<sup>3</sup>

Penilaian Ibn Hajar terhadap Ibn Lahī’ah dalam kitab *Taqrīb al-Tahdhīb* yang menyokong bahawa Ibn Lahī’ah bukan *ḍa’if* secara mutlak, sedangkan keterangannya

---

<sup>1</sup> Lihat ‘Eṣam Musa Hādī (1422). Op.cit. h. 46-47.

<sup>2</sup> Lihat Albānī (1985), *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj Manār al-Sabīl*, j.1. Op.cit., h.189-190.

<sup>3</sup> Lihat ‘Eṣam Musa Hādī (1422). Op.cit., h. 47.

dalam *Talkhīs al-Habīr* seolah-olah menda'ifkan Ibn Lahī'ah secara mutlak. Oleh itu, jika diambil penilaian beliau dari kitab *Taqrīb al-Tahdhīb*, hadith ini boleh disahihkan kerana ia merupakan riwayat salah seorang 'ubādalāh dari Ibn Lahī'ah, dan ini mendorong penulis menyokong penilaian Shaykh Albānī yang mengesahkan hadith ini. Wa Allahu A'lam.



### Hadith Keenam: *Da'if* kerana *sanad mursal*, *munqaṭi'* dan *muṭṭarib*.

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

لَا تَنْفَعُكُمْ مِنْ الْمَيْتَةِ بِلَهَابٍ وَلَا عَصَبٍ

“Jangan kamu ambil sebarang manfaat dari bangkai binatang, baik kulitnya atau uratnya.”

#### ▪ TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH

- I. Al-Shāfi'ī dalam *al-Harmalah*.<sup>1</sup>
- II. Ahmad dalam Musnadnya.<sup>2</sup>
- III. Al-Bukhārī dalam kitab *al-Tārikh*.<sup>3</sup>
- IV. Kitab *Sunan al-Arba'ah*.<sup>4</sup>
- V. Al-Dārquṭnī.<sup>5</sup>
- VI. Al-Bayhaqī.<sup>6</sup>
- VII. Ibn Hibbān.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), op.cit., Bāb al-Awānī, no.41, h. 200.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.


<sup>5</sup> Ibid. Menurut pentahqiq kitab *al-Badr al-Munīr* tidak ditemui riwayat ini dalam *Sunan al-Dārquṭnī*. Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004). Op.cit., j.1, h.587.

<sup>6</sup> Al-'Asqalānī (1998), op.cit.

<sup>7</sup> Ibid.

Kesemua mereka menyandarkan riwayat ini kepada ‘Abd Allah bin ‘Ukaym yang berkata, Telah sampai kepada kami kitab Rasul Allah s.a.w sebelum kewafatannya dengan bersabda: “Jangan kamu ambil sebarang manfaat dari bangkai binatang, baik kulitnya atau uratnya”.<sup>1</sup>

▪ GAMBARAJAH SANAD



<sup>1</sup> Ibid., Bāb al-Awānī, no.41, h. 200.

▪ SEBAB *TAD'IF*

- I. *Sanad* ini *mursal*, kerana ‘Abd Allah bin ‘Ukaym bukanlah seorang sahabat, dan dia hanya meriwayatkan hadith ini secara *kitabah* (iaitu riwayat diambil dari kitab yang diutuskan, bukan secara langsung mendengarnya dari Nabi s.a.w).<sup>1</sup>
- II. **الِإِنْقِطَاعُ** iaitu *sanad* terputus kerana perawi yang bernama ‘Abd al-Rahman bin Abī Laylā tidak mendengar hadith ini dari ‘Abd Allah bin ‘Ukaym.<sup>2</sup>
- III. **الِإِضْطِرَابُ** iaitu percanggahan pada sanadnya. Sesetengah riwayat mengatakan dari kitab Nabi s.a.w, ada juga yang meriwayatkan dari sekumpulan shaykh dari kaum Juhaynah dan ada yang meriwayatkan bahawa dia sendiri yang membaca kitab itu.
- IV. Berlaku juga **الِإِضْطِرَابُ** pada *matn* hadith ini. Ada yang meriwayatkan dengan tanpa menyebut tempoh lama mana sebelum kewafatan Baginda s.a.w., ada yang mengatakan sebulan, ada yang dua bulan ada yang empat puluh hari dan ada yang tiga hari.<sup>3</sup>

Imam al-Nawawī turut menda’ifkan hadith ini dengan sebab yang disebutkan tadi, tetapi tidak menyebut tentang masalah **الِإِنْقِطَاعُ** <sup>4</sup>. Berkata pengarang kitab *al-Imām*,<sup>5</sup> “Mereka yang

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 201.

<sup>2</sup> Ibid., h. 201-202.

<sup>3</sup> Ibid., h. 202.

<sup>4</sup> Al-Zayla’ī (2002), j.1. Op.cit., h. 173.

<sup>5</sup> Beliau ialah Muhammad bin ‘Ali bin Wahab bin Muṭī’, dikenali dengan panggilan Ibn Daqīq al-‘Eīd, meninggal pada 702H. Lihat al-Zirkalī (1999), juz.6. Op.cit., h. 283.

menda'ifkan hadith ini bukanlah kerana masalah perawi, kerana perawi-perawi ini adalah *thiqah*, tetapi *taḍ'if* itu adalah disebabkan berlakunya **الإِضْطِرَابُ**.<sup>1</sup>

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Imam al-Tirmidhī menilai hadith ini sebagai *hasan*,<sup>2</sup> begitu juga al-Shawkānī.<sup>3</sup> Berkata Ibn Hibbān selepas mentakhrijkan hadith ini, “Lafaz yang dihimpun ini boleh mengelirukan orang yang alim sehingga menyangka bahawa sanadnya tidak bersambung.” “Bahkan ‘Abd Allah bin ‘Ukaym telah menyaksikan kitab yang diutuskan Rasul Allah s.a.w yang mana ianya telah dibacakan kepada mereka, iaitu bersama kaum Juhaynah, dan beliau juga telah mendengar dari para shaykh Juhaynah menceritakan tentang isi kitab itu.”<sup>4</sup>

Para sahabat Nabi s.a.w mungkin mendengar sesuatu riwayat dari Baginda dan kemudiannya mendengar riwayat yang sama dari sahabat yang lain. Dengan itu ada kalanya mereka meriwayatkan hadith itu langsung dari Nabi s.a.w dan adakalanya mereka meriwayatkan hadith yang sama dari sahabat Nabi s.a.w. Perhatikanlah kepada kisah Ibn ‘Umar yang menyaksikan sendiri soalan Jibril a.s kepada Nabi s.a.w tentang iman, sedangkan beliau juga mendengar riwayat ini dari ayahnya ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. Adakalanya beliau menceritakan apa yang dia saksikan sendiri dan diketika yang lain, beliau menceritakan kisah ini dengan apa yang dia dengar dari ayahnya.<sup>5</sup> Penulis mengatakan huraian yang dikemukakan ini telah menjawab dakwaan yang mengatakan *sanad* ini *mursal*.

Adapun masalah **الِإِنْتِطَاعُ** yang dikatakan berlaku disebabkan al-Hakam bin ‘Utaybah yang merupakan seorang *mudallis* dan beliau tidak secara jelas mengatakan bahawa beliau

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘i al-Kabīr*. Op.cit., h. 201.

<sup>2</sup> Ibid., h. 200.

<sup>3</sup> Muhammad bin Ali al-Shawkānī, (2000), *al-Sayl al-Jarār al-Mutadaffiq ‘alā Ḥadāiq al-Azhār*, j.1. Dimashq: Dār Ibn Kathīr, h.147.


<sup>4</sup> Al-‘Asqalānī (1998). Op.cit., h. 200.

<sup>5</sup> Al-Zayla‘ī (2002), j.1. Op.cit., h. 172.



mendengar riwayat ini dari Ibn Abī Layla. Shaykh Albānī menjawab dakwaan ini dengan membentangkan dua jalur yang berbeza sebagai *mutāba'āt* kepada al-Hakam bin 'Utaybah yang mengambil riwayat dari 'Abd Allah bin 'Ukaym.


- I. Yang dikeluarkan oleh al-Nasāi, Ahmad dan lain-lain menerusi jalur Sharik dari Hilāl al-Wāzin dari 'Abd Allah bin 'Ukaym.
- II. Yang dikeluarkan oleh al-Ṭahāwī dan al-Bayhaqī dari jalur Sadaqah bin Khālīd dari Yazīd bin Abī Maryam dari al-Qāsim bin Mukhaymarah dari 'Abd Allah bin 'Ukaym.



Jika dipertikaikan siapakah para Shaykh Juhaynah? Menurut Shaykh Albānī, perkara ini tidak memudaratkan, kerana kejahilan nama para sahabat tidak mencatitkan sesuatu riwayat.<sup>1</sup> Hujah-hujah ini menjawab dakwaan yang mengatakan *sanad* ini terputus.

Dakwaan berlakunya **الإِضْطِرَابُ** . Menurut Albānī, “Katakan kita terima dakwaan ini, tetapi ia hanya berlaku pada jalur Ibn Abī Laylā sahaja. Adapun dari jalur al-Qāsim bin Mukhaymarah tidak ada **الإِضْطِرَابُ** bahkan ianya sah. Maka dengan jawapan ini, Albānī telah mensahihkan hadīth ini. Begitu juga Ibn Hibbān yang lebih dahulu darinya.<sup>2</sup>

▪ GAMBARAJAH SANAD SECARA KESELURUHAN



<sup>1</sup> Albānī (1985), *Irwā' al-Ghalīl fī Takhrīj Manār al-Sabīl*, j.1. Op.cit., h.78.

<sup>2</sup> Ibid., h.79.

**Hadith Ketujuh: *Da'if* kerana *sanad* tidak *marfū*'.**

Diriwayatkan bahawa Rasul Allah s.a.w. terlihat seorang lelaki menutup janggutnya ketika solat, Baginda pun bersabda: “اَكْشِفْ لِحْيَتَكَ، فَإِنَّهَا مِنْ وَجْهِهِ” (Perlihatkan janggutmu, kerana ia adalah sebahagian dari wajah).”

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

Imam Ibn al-Mulaqqin mengatakan hadith ini sangat ganjil dan tidak diketahui siapa yang keluarkannya.<sup>1</sup> Ibn Daqīq al-‘Eid mengatakan yang beliau tidak menemui *sanad* hadith ini, samada sanadnya *muzlim* (gelap, iaitu isyarat bahawa sanadnya lemah) atau *muḍī* (bercahaya iaitu isyarat sanadnya kuat).<sup>2</sup> Ibn Hajar mengatakan bahawa tidak ditemui lafaz hadith yang sebegini, tetapi terdapat dalam *Musnad al-Firdaws* dari riwayat Ibn ‘Umar dengan lafaz :

لَا يُعْطِي أَحَدُكُمْ لِحْيَتَهُ فِي الصَّلَاةِ، فَلْيَلِّحْ بِحَيْ مَنِ الْوَجْهِ

“Jangan sekali-kali kamu menutupi janggut kamu ketika solat, kerana sesungguhnya janggut adalah sebahagian dari wajah”.

Walaupun begitu *sanad* hadith ini *muzlim* sebagaimana yang dinilai oleh al-Hāzimi.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.1. Op.cit., h.666.

<sup>2</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs Al-Habīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitāb al-Ṭahārah”, “Bāb al-Wuḍū’”. Op.cit., h. 219.

<sup>3</sup> Ibid. Beliau ialah al-Hafīz Abu Bakr Muhammad bin Musa al-Hāzimi. Meninggal dunia pada 548H, ketika berusia 35 tahun. Lihat Abū Ghuddah (1997), *Thalāth al-Rasāil fī ‘Ilmi Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Maktab al-Matbu’āt al-Islāmī, h.74 -77.

- ULASAN DAN KOMENTAR

Hadith ini turut dida'ifkan oleh al-Mundhirī, Ibn al-Ṣalāh dan al-Nawawī dengan menambah kenyataan bahawa ia adalah dari perkataan Ibn 'Umar.<sup>1</sup> Penulis mengatakan bahawa Ibn Hajar dalam membahaskan hadith ini, tidak menafikan secara mutlak kewujudan riwayat ini, dan beliau telah buktikan dengan keluasan kajiannya bahawa terdapat riwayat yang menghampiri makna hadith ini. Adapun kitab yang asal, gurunya sekadar mengatakan hadith ini tidak diketahui siapa yang keluarkannya, kemudian beliau menukilkan penilaian *da'if* dari beberpa tokoh ahli hadith.

Disini dapat dikatakan bahawa Imam Ibn Hajar bukan sekadar meringkaskan kitab *al-Badr al-Munir*, bahkan beliau telah menambah maklumat yang berguna sebagai bahan kajian keatas sesuatu riwayat. Suatu perkara lagi yang boleh disebutkan disini ialah, hadith-hadith yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh adakalanya diriwayatkan dengan makna. Jika pentakhrij mencari lafaz yang diriwayatkan dengan makna itu dalam kitab-kitab induk hadith, ternyata mereka akan menemui kebuntuan. Oleh itu seharusnya mereka mencontohi Ibn Hajar yang mencari riwayat tersebut dengan maknanya yang paling hampir.

---

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi‘i al-Kabīr*. Op.cit., h. 219.

**Hadith Kelapan: *Da'if* kerana riwayat ini sanadnya *mursal*, matnnya *munkar* serta perawi yang lemah.**

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w. bersabda:

مَسْحُ الرَّقَبَةِ أَمَانٌ مِنَ الْعُلِّ

“Sapuan ditengkuk (ketika menyapu kepala sewaktu berwudu’) akan mendapat sejahtera dari belunggu.”

#### ▪ TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH

Ibn al-Mulaqqin mengatakan hadith ini sangat ganjil, selepas kajian tidak juga ditemui siapa yang keluarkannya.<sup>1</sup> Berkata Ibn al-Ṣalāh, “Hadith ini tidak dikenali sandarannya kepada Nabi s.a.w, yang sebenarnya ia hanya merupakan perkataan sesetengah ulama’ *salaf*. Al-Nawawī mengatakan hadith ini *mawḍū’*... amalan ini bukan sunnah bahkan bid’ah.”<sup>2</sup> Menurut al-Irāqī, hadith ini dikeluarkan oleh Abū Mansūr al-Daylamī dalam *Musnad* al-Firdaws dari riwayat ‘Umar, tetapi *da’if*.<sup>3</sup>

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Ibn Hajar mengandaikan kata Ibn al-Ṣalāh bahawa hadith ini merupakan perkataan sesetengah ulama’ *salaf* dengan merujuk kepada apa yang diriwayatkan oleh Abū ‘Ubayd dalam kitab al-Ṭahūr dari ‘Abd al-Rahmān al-Mahdī dari al-Mas’ūdī dari al-Qāsim bin ‘Abd al-Rahmān dari Musā bin Ṭalhah berkata:

<sup>1</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h.221.

<sup>2</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Bāb al-Wuḍū’”. Op.cit., h. 286.

<sup>3</sup> Zayn al-Din Abī al-Faḍl ‘Abd al-Rahim bin al-Hussayn al-Irāqī (1998), *al-Mugnī ‘an al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrīj mā fī al-Ihyā’ min al-Akhhār*, dicetak bersama Ihyā’ Ulūm al-Din, “Kayfiah al-Wuḍū’”, j.1. Al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth, h.193.

## مَنْ مَسَحَ قَفَاهُ مَعَ رَأْسِهِ، وَقِيَ الْغُلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Sesiapa yang menyapu pengkal lehernya bersama kepalanya (ketika berwudhu’), nescaya dipelihara dari belunggu pada hari kiamat.”<sup>1</sup>

Al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar mengatakan, mungkin boleh dikategorikan hadith ini sebagai *mawqūf* tetapi hukumnya *marfū’* kerana perkataan begini tidak mungkin datang dari pandangan akal semata-mata. Walaupun begitu keadaan sanadnya disini adalah *mursal*.<sup>2</sup>

Penulis mengatakan ini disebabkan Musa bin Ṭalhah, walaupun lahir dizaman Nabi s.a.w tetapi tidak meriwayatkan hadith secara langsung dari Baginda, malah melalui perantaraan bapanya, Uthman bin ‘Awam, Ali bin Abī Ṭālib dan beberapa sahabat Nabi s.a.w yang lain.<sup>3</sup> Adapun al-Qāsim bin ‘Abd al-Rahman tidak diketahui ada meriwayatkan hadith dari Musa. Oleh itu Ibn Hajar mengatakan sanadnya disini adalah *mursal*. Shaykh Albānī mengulas tentang perkara ini dengan mengatakan bahawa al-Mas’ūdī **اِخْتَلَطَ** iaitu telah bercampur aduk dan tidak menentu hafalannya. Oleh itu tidak boleh dijadikan hujah riwayat hadithnya yang *marfū’*, apatah lagi yang *mawqūf*?<sup>4</sup>

Tambahnya lagi, hadith yang sebegini sepatutnya dikategorikan sebagai *munkar*. Ini adalah disebabkan ia bersalahan dengan kesemua riwayat yang menyebutkan tentang sifat *wudū’* Nabi s.a.w. kecuali hadith Talhah bin Musarrif dari ayahnya dari datuknya berkata;

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. Op.cit., h. 288.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Al-‘Asqalānī (2001), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j.4, op.cit., h.178.

<sup>4</sup> Albānī (2001), *Salsilah al-Ahādīth al-Ḍa’ifah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, j.1, op.cit., h.168.

“Saya melihat Rasul Allah s.a.w menyapu kepalanya sebanyak sekali (ketika berwudu’) sehingga ke hujung kepala iaitu di awal tengkok.”<sup>1</sup>

Hadith ini telah dinilai sebagai *munkar* oleh Ibn ‘Uyaynah dengan tiga sebab:

1-Kelemahan perawi.

2- *Jahālah* perawi.

3- Perselisihan tentang ayah Muṣarrif, adakah beliau sahabat atau pun tidak?

Hadith ini juga telah dida’ifkan oleh al-Nawawī, Ibn Taymiyyah, Ibn Hajar sendiri dan lain-lain.<sup>2</sup>



### **Hadith Kesembilan: *Da’if* kerana perawi *sanad* ditajrih.**

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

أَنَا لَا أَسْتَعِينُ فِي وَضُوئِي بِأَحَدٍ

“Saya tidak meminta bantuan dari sesiapa pun untuk berwudu”

#### ▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

I. Al-Bazzār dalam kitab *al-Ṭahārah*.

II. Abū Ya’lā dalam Musnadnya.

Mereka berdua mengeluarkan riwayat ini dari jalur al-Nadri bin Mansūr dari Abī al-Janūb.<sup>3</sup>

Ibn al-Mulaqqin mengatakan hadith ini tidak dikeluarkan melalui kitab-kitab hadith yang muktamad.<sup>4</sup>


<sup>1</sup> Ibid., h. 169-170.

<sup>2</sup> Ibid., h. 170.

<sup>3</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. Op.cit., h. 292.

<sup>4</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h. 242.

## ▪ GAMBARAJAH SANAD



## ▪ SEBAB *TAD'IF*

Berkata Uthman al-Dārimī: Aku bertanya kepada Ibn Ma'ien tentang sanad al-Nadri bin Mansūr dari Abī al-Janūb dan darinya Ibn Abī Ma'shar. Adakah kamu kenal mereka? Ibn

Ma'ien berkata: Mereka itu **حَمَّالَةُ الْحَطَبِ**.<sup>1</sup>

## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Antara yang menda'ifkan hadith ini juga ialah Imam al-Ṭabrānī, beliau mengatakan hadith ini tidak sahih, dan al-Nawawī mengatakan hadith ini batil **لَا أَصِلَ لَهُ**.<sup>2</sup>

Adapun riwayat yang dikeluarkan oleh Ibn Mājah dan al-Dārquṭnī dari Ibn Abbās yang berkata: Nabi s.a.w tidak meminta wakil dari sesiapa untuk membantunya bertaharah. Terdapat perawi yang bernama Muthar bin Haytham dan beliau adalah *da'if*.<sup>3</sup>

Penulis mengatakan Imam Ibn Hajar tidak membuat kesimpulan tentang hadith ini mungkin kerana pembentangan yang dikemukakan ini sudah memadai untuk dikatakan hadith ini *da'if*.

<sup>1</sup>Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 292. Lafaz **حَمَّالَةُ الْحَطَبِ** adalah suatu bentuk *tajrīh* yang bersangatan, kerana al-Quran menggunakan lafaz ini bagi mentajrih isteri Abū Lahab. Ibarat ini digunakan oleh Imam Yahya bin Ma'ien kepada perawi-perawi yang disebutkan itu kerana mereka tersangat *da'if*. Lihat Muhammad Ali Qāsim al-'Umari (2000). Op.cit. h. 295-296.

<sup>2</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h.245.

<sup>3</sup> Ibid.



**Hadith Kesepuluh: *Da'if* kerana perawi *sanad matruk*.**

Diriwayatkan membaca doa khusus ketika berwudu':

Dibaca ketika membasuh muka: **اللَّهُمَّ بَيِّضْ وَجْهِي، يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهُ وَتَسْوَدُّ وُجُوهُ**

(Ya Allah cerahkanlah wajahku pada hari diterangkan wajah dan digelapkan wajah).

Dibaca ketika membasuh tangan: **اللَّهُمَّ أَعْطِنِي كِتَابِي بِيَمِينِي وَحَاسِبْنِي حِسَابًا يَسِيرًا**

(Ya Allah berikanlah kepadaku kitab pada tangan kananku dan hitunglah aku dengan penghitungan yang

mudah). Dibaca ketika basuh tangan kiri: **اللَّهُمَّ لَا تُعْطِنِي كِتَابِي بِشِمَائِلِي وَلَا مِنْ وَرَائِي ظَهْرِي**

(Ya Allah jangan kau beri kepadaku kitab pada tangan kiriku dan tidak juga dari belakangku).

Dibaca ketika menyapu kepala: **اللَّهُمَّ حَرِّمْ شَعْرِي وَبَشْرِي عَلَى النَّارِ** (Ya Allah haramkan rambut

dan kulitku dari api neraka).

Diriwayat juga dengan lafaz: **اللَّهُمَّ احْفَظْ رَأْسِي وَ مَا حَوَى وَ بَطْنِي وَ مَا وَعَى**

(Ya Allah peliharalah kepalaku dan isinya juga, dan peliharalah perutku dan isinya sekali).

Diriwayat juga dengan lafaz:

اللَّهُمَّ اغْنِنِي بِرَحْمَتِكَ وَأَنْزِلْ عَلَيَّ بِرَحْمَتِكَ وَأَظْلِنِي تَحْتَ عَرْشِكَ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّكَ

(Ya Allah tolonglah aku dengan rahmatMu dan turunkan keatasku rahmatMu, dan lindungilah aku dibawah naungan ‘arasyMu pada hari yang tidak ada naungan melainkan naunganMu).

Dibaca ketika menyapu telinga:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ

(Ya Allah jadikan aku dari golongan yang mendengar sesuatu perkataan lalu diikuti apa yang baik darinya).

Dibaca ketika basuh kaki: اللَّهُمَّ ثَبِّتْ قَدَمِي عَلَى الصِّرَاطِ يَوْمَ تَزُلُّ الْأَقْدَامُ

(Ya Allah tetapkan kakiku diatas sirat pada hari kaki-kaki tergelincir).<sup>1</sup>

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Berkata al-Nawawī doa ini لَا أَصِلُ لَهُ , malah Imam al-Shāfi’ī dan jumur tidak menyebut tentangnya. Ibn al-Ṣalāh mengatakan tidak sahih hadith berkenaan doa ini. Berkata Ibn Hajar; “Terdapat riwayat doa ini dari Ali melalui jalur yang berbeza-beza tetapi sangat *da’if*”.<sup>2</sup>

Penulis mengatakan lafaz قُلْتُ yang bermaksud “saya katakan” yang disandarkan kepada Ibn Hajar disini, sepatutnya disandarkan kepada perkataan Ibn al-Mulaqqin, kerana beliau telah menyebut serta memperincikan berbahasan setiap jalur riwayat doa ini dari Ali r.a , Anas dan al-Barrā’ bin ‘Āzib, akan tetapi cenderung untuk mengatakan riwayat ini ada asasnya malah mengkritik pendapat al-Nawawī diatas.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. Op.cit., h. 297.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, op.cit., h. 271- 281.

Walau bagaimanapun Ibn Hajar menetapkan semua jalur *sanad* berkaitan riwayat ini adalah *da'if*. Riwayat yang dikeluarkan oleh Ibn Hibban yang disandarkan kepada Anas terdapat dalamnya perawi yang bernama 'Ubbād bin Şuhayb. Beliau dinilai sebagai *matruk*, manakala dalam jalur yang disandarkan kepada al-Barrā' bin 'Āzib sanadnya sangat lemah.<sup>1</sup>



### **Hadith Kesebelas: *Da'if* kerana *mawḍū'*.**

Diriwayatkan larangan menghadap matahari dan bulan dengan kemaluan terbuka:

نَهَى أَنْ يُبَوِّلَ الرَّجُلُ وَفَرْجُهُ بَادٍ إِلَى الشَّمْسِ وَالْقَمَرِ

“Dilarang seseorang membuang air kecil sedangkan kemaluannya terbuka menghadap matahari dan bulan”.

#### ▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

Diriwayatkan oleh al-Hakīm al-Tirmiḍhī<sup>2</sup> dalam kitab *al-Manāhī* dari 'Abbād bin Kathīr dari Uthmān Al-'A'rāj dari Al-Hassan. Berkata Ibn Hajar, hadith ini batil **لَا أَصْلَ لَهُ**, bahkan ia merupakan rekaan 'Abbād.<sup>3</sup> Al-Nawawī mengatakan, hadith ini batil dan tidak dikenali, begitu juga Ibn al-Şalāh yang mengatakan hadith ini tidak dikenali dan ianya *da'if*.<sup>4</sup> Shaykh Albānī turut bersetuju menilai hadith ini sebagai batil.<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h.298.


<sup>3</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ali bin al-Hassan bin Bisr Abū 'Abd Allah Al-Hakīm Al-Tirmiḍhī. Meninggal sekitar 320 H. Lihat Al-Zirkalī (1999), juz. 6. Op.cit., h. 272.

<sup>4</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h.298.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Albānī (2000), op.cit., j.2, h. 350.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Shaykh Albānī telah mengkritik sebahagian kitab-kitab fiqh yang meriwayatkan hadith ini dengan anggapan bahawa larangan ini adalah suatu kemuliaan kepada matahari dan bulan, begitu juga dakwaan bahawa terdapat malaikat disisi kedua-duanya dan termaktub nama Allah pada matahari dan bulan. Ternyata alasan dan sebab yang dikemukakan ini tidak diketahui asasnya dalam sunnah.<sup>1</sup>

Penulis menyokong kritikan ini, bahkan menjadi suatu kemestian bagi setiap individu muslim mengenal pasti mana-mana suruhan atau larangan yang disandarkan kepada hukum syara' berasaskan kepada dalil yang sahih.

---

<sup>1</sup> Ibid.

**Hadith Kedua Belas: *Da'if* kerana *sanad munkar*.**

Diriwayatkan bahawa Rasul Allah s.a.w apabila memasuki tandas, Baginda akan menanggalkan cincinnya.

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

- I. Abū Dāud, Al-Tirmidhī, Al-Nasāi dan Ibn Mājah.<sup>1</sup>
- II. Ibn Hibbān.<sup>2</sup>
- III. Al-Hākim.<sup>3</sup>


Mereka mengeluarkan riwayat ini melalui jalur al-Zuhri<sup>4</sup> dari Anas...<sup>5</sup>

Menurut al-Nasāi, hadith ini tidak *mahfuz*. Abū Dāud mengatakan bahawa ianya *munkar*.

Imam al-Tirmidhī mengisahkannya manakala al-Nawawī pula mengkritik penilaian itu.<sup>6</sup>

Terdapat riwayat dari Ibn Abbas yang dijadikan *shāhid* tetapi dalam sanadnya ada perawi yang bernama Muhammad bin Ibrahim al-Rāzī. Beliau dinilai sebagai *matrūk*.<sup>7</sup>

▪ **GAMBARAJAH SANAD**



<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. Op.cit., h. 314.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Beliau ialah Muhammad bin Muslim bin ‘Abd Allah Ibn Shihāb al-Zuhri. Meninggal pada 128 H. Lihat Al-Zirkalī (1999), juz 7. Op.cit., h. 97.

<sup>5</sup> Op.cit., h. 314.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Ibid., h. 315.

▪ SEBAB *TAD'IF*

- I. Jalur *sanad* dari Hammām dari Ibn Jurayj dari al-Zuhri.. Dikatakan Ibn Jurayj tidak mendengar secara langsung dari al-Zuhri tetapi melalui perantaraan Ziyād bin Sa'ad.<sup>1</sup>
- II. Ada pun *mutāba'ah* kepada Hammām iaitu Yahya bin Mutawakkil,<sup>2</sup> Yahya bin Ma'ien mengatakan; “Saya tidak kenal dia”. Yang dimaksudkan dengan tidak kenal disini adalah keadaan ‘*adālahnya* bukan diri perawi ini.<sup>3</sup>

▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Dipertikaikan penilaian Imam Abū Dāud yang mengatakan hadith ini *munkar*, kerana para perawi *sanad* hadith ini adalah sahih. Sedangkan Abū Dāud melihat bahawa Hammām bersendirian mengambil riwayat ini dari Ibn Jurayj adalah suatu kekeliruan, walaupun beliau dari golongan perawi yang sahih. Tambahan pula al-Bukhārī dan Muslim tidak mengeluarkan sebarang riwayat melalui jalur *sanad* Hammām dari Ibn Jurayj kerana pengambilan riwayat Hammām dari Ibn Jurayj adalah ketika beliau di Basrah, dan mereka yang mengambil riwayat dari Ibn Jurayj di Basrah ada masalah disisi Abū Dāud, dan masalahnya disini adalah *tadlīs* Ibn Juriyj dengan menggugurkan perantaraan iaitu Ziyād bin Sa'ad keatas al-Zuhri. Apabila Abū Dāud menyakini akan kekeliruan Hammām, maka beliau menilainya sebagai *munkar*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 314.

<sup>2</sup> Beliau ialah Yahya bin al-Mutawakkil al-Bāhili al-Baṣri dari golongan pengikut *tābi'in* yang kecil. Ibn Hajar mengatakan beliau ini صدوق يخطئ (dibenarkan tetapi beliau juga melakukan kesilapan). Lihat Basyar ‘Awwād Ma'rūf dan Shu'ib al-Arnaūṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, j.4. Op.cit., h. 99.

<sup>3</sup> Lihat Abū ‘Abd al-Rahman Sharf Al-Haq Muhammad Ashraf Al-Sadiqī Al-Azīm Ābādī (2000), j.1, ‘*Awn Al-Ma'būd Sharh Sunan Abī Dāud*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, h. 24.

<sup>4</sup> Al-‘Asqalānī (2003), *al-Nukat ‘Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h.155.

Ibn Hajar secara asasnya lebih setuju dengan penilaian al-Nasāi, yang mengatakan hadith ini tidak *mahfuz* iaitu *shādh*. Ini kerana *shādh* pada hakikatnya bersendirian perawi yang sahih tetapi telah bercanggah riwayatnya dengan perawi sahih yang lain maka berlakulah *shādh*.<sup>1</sup> Shaykh Rabī' al-Madkhalī telah membantah pandangan Ibn Hajar disini dengan berpegang kepada penolakan *al-Shaykhān*<sup>2</sup> meriwayatkan hadith dari jalur ini dalam kedua-dua kitab sahih mereka, dan tambahnya lagi Ibn Hajar pada awal perbincangan tentang riwayat *al-munkar* mengatakan sekiranya bersendirian perawi yang *mastūr* atau yang disifatkan sebagai buruk hafalannya atau *da'īf* pada sebahagian guru-gurunya sahaja dan bukan kesemuanya, serta tidak ada *mutāba'ah* atau *shāhid*, maka ini juga satu dari bahagian hadith yang *munkar*. Maka Hammām dida'ifkan riwayatnya dari Ibn Jurayj. Oleh itu mengikut teori yang dikemukakan tadi, hadith ini adalah *munkar*.<sup>3</sup> Shaykh Albānī dalam penilaiannya keatas hadith ini memihak kepada Abū Dāud iaitu dengan mengatakan ianya *munkar*.<sup>4</sup> Walaupun begitu Ibn Hajar cenderung kepada mensahihkan hadith ini. Beliau mengatakan bahawa tiada kecacatan dalam riwayat ini melainkan *tadlīs* Ibn Jurayj. Jika didapati secara terangan Ibn Jurayj mendengar riwayat dari al-Zuhri, maka tiada larangan untuk mensahihkan hadith ini.<sup>5</sup> Al-Tirmidhī dan al-Mundhirī terlebih dahulu telah mensahihkan hadith ini.

Penulis merasakan apa yang diutarakan oleh Shaykh Rabī' al-Madkhalī, begitu juga penilaian Shaykh Albānī lebih meyakinkan, apatah lagi ia sebenarnya teori yang dikemukakan oleh Imam Ibn Hajar sendiri yang pada hakikatnya pandangan mereka ini menyokong penilaian Imam Abū Dāud. Wa Allahu A'lam.



---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Iaitu Al-Bukhārī dan Muslim.

<sup>3</sup> Al-'Asqalānī (2003), *al-Nukat 'Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, j.2. "nota kaki". Op.cit., h.155.

<sup>4</sup> Albānī (1991), *Da'īf Sunan Abī Dāud*, Bāb al-Khātim Yakūn fīhi Dhikr Allah Yadkhulu bihi al-Khalā'. Beirut: Maktab al-Islāmī, h. 6.

<sup>5</sup> Al-'Asqalānī (2003), *al-Nukat 'Alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, j.2. Op.cit., h.156.

**Hadith Ketiga Belas: *Da'if* disebabkan perawi *sanad majhul* dan lemah.**

Diriwayatkan dari Anas yang menceritakan bahawa Rasul Allah s.a.w. telah berbekam, lalu Baginda solat dengan tidak mengulangi wudu'nya. Baginda sekadar membasuh tempat bekamnya sahaja.

▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

I. Al-Dārquṭnī dari jalur Abī Sahl bin Ziād, mendengar dari Sāleh bin Muqātil, mendengar dari ayahnya, yang mendengar dari Sulayman bin Dāud Abū Ayūb dari Hamīd, dari Anas...

II. Al-Bayhaqī<sup>1</sup>


Al-Dārquṭnī turut mengeluarkan hadith dari Abū Hurayrah secara *marfū'* yang mengatakan tidak perlunya mengulangi *wuḍū'* kerana titisan darah yang sedikit. Tetapi sanadnya sangat *da'if*. Terdapat perawi yang bernama Muhammad bin al-Faḍl bin 'Aṭīyyah yang dinilai sebagai *matrūk*.

---

<sup>1</sup>Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, "Bāb al-Ahdāth". Op.cit., h. 326.



▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB TAD'IF

Terdapat perawi yang bernama Şāleh bin Muqātil. Beliau adalah *da'if*. Menurut Imam al-Dārquṭnī; “Şāleh bin Muqātil tidak mantap”.<sup>1</sup> Di tempat lain beliau mengatakan; “Şaleh ini meriwayatkan hadith-hadith yang *munkar*”.<sup>2</sup> Ibn Mulaqqin mengatakan Sulayman bin Dāud adalah *majhūl*, manakala ayah kepada Şāleh tidak dikenali.<sup>3</sup>

Hadith ini telah dida'ifkan oleh Imam al-Nawawī.<sup>4</sup> Berkata Ibn al-Hassar;<sup>5</sup> “Tidak sah sesuatu riwayat pun perlunya mengulangi *wuḍū'* kerana keluar darah, melainkan *wuḍū'* kerana darah *mustahāḍah*”.<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h. 399.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Beliau ialah Abū al-Matraf ‘Abd al-Rahman bin Sa’id bin Muhammad bin Bisyr bin Gharrasiah al-Qurtubī al-Maliki. Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, “nota kaki”. Ibid., h. 400.

<sup>6</sup> Ibid.

## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Riwayat ini *da'if* disebabkan terdapat dalam sanadnya, perawi yang lemah, *majhūl* dan perawi yang tidak dikenali. Begitu juga tidak terdapatnya riwayat sokongan, *mutāba'āt* atau *shawāhid*. Walaupun begitu ulama' Shāfi'iyah tetap membina hukum yang berdasar kepada makna hadith ini dengan sandaran kepada riwayat-riwayat *mawqūf*.<sup>1</sup>



### Hadith Keempat Belas: *Da'if* disebabkan *sanad munqa'i'* dan *muṭṭarib*.

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

لَا وُضُوءَ عَلَى مَنْ نَامَ قَاعِدًا، إِثْمَا الْوُضُوءُ عَلَى مَنْ نَامَ مُضْطَجِعًا، فَإِنَّ مَنْ نَامَ مُضْطَجِعًا اسْتَرَخَتْ مَفَاصِلُهُ.

“Tidak perlu mengulangi *wuḍū'* bagi yang tidur dalam keadaan duduk, tetapi *wuḍū'* perlu diulang bagi yang tidur baring, ini kerana seseorang yang tidur baring sendi-sendinya menjadi lembut.”<sup>2</sup>

## ▪ TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH

- I. Abū Dāud.
- II. Al-Tirmidhī.
- III. Al-Dārquṭnī.
- IV. ‘Abd Allah bin Ahmad dalam *ziādah musnad* dengan lafaz: Tidak perlu bagi mereka yang tidur dalam keadaan sujud, berwudu' sehingga dia tidur dalam keadaan baring.<sup>3</sup>
- V. Al-Bayhaqī dengan lafaz: Tidak wajib mengulangi *wuḍū'* bagi mereka yang tidur dalam keadaan duduk atau berdiri atau sujud....<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Ibid.


<sup>2</sup> Al-Asqalani(1998), *Talkhīs al-Ḥabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h.335.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

Kesemua mereka melalui jalur ‘Abd al-Salām bin Harb dari Abī Khālid dari Qatādah.’<sup>1</sup>

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB TAḌ'IF

Berkata Imam al-Rāfi'ī yang mengikut kata Imam al-Haramayn,<sup>2</sup> bersepakat ulama' hadith menda'ifkan riwayat kedua, iaitu dengan lafaz tambahan. Berkata Ibn Hajar, sebenarnya permasalahan hadith dengan kesemua lafaz ini adalah sama, iaitu tentang perawi yang namanya Yazīd Abī Khālid al-Dālānī.<sup>3</sup>

Menurut Imam al-Bayhaqī; “Semua *huffaz* mengingkari Abī Khālid al-Dālānī”.<sup>4</sup> Menurut Ibn Mulaqqin tidak ada manfaat *mutaba'āt* sekumpulan perawi kepada Yazīd bin Khālid, kerana sifat *ḍa'īf* mereka yang kritikal.<sup>5</sup>

Hadith ini telah dinilai *ḍa'īf* oleh Imam Ahmad, al-Bukhārī, Abū Dāud dan al-Tirmiḏhī,<sup>6</sup> dan juga Albānī pada zaman ini.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Ibn al-Mulaqqin(2004), j.2. op.cit., h.438.

<sup>2</sup> Beliau ialah 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah bin Yusuf bin Muhammad al-Juwaynī, Abū al-Ma'ālī. Meninggal dunia pada 478H. Lihat Al-Zirkalī (1999), juz 4. Op.cit., h.160.

<sup>3</sup> Nama lengkapnya ialah Yazīd bin 'Abd al-Rahman Abū Khālid al-Dālānī. Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h.438.

<sup>4</sup> Ibid., h.440

<sup>5</sup> Ibid., h.442.

<sup>6</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 336.

<sup>7</sup> Albānī (1991), *Ḍa'īf Sunan al-Tirmiḏhī*, “Bāb Mā Jā'a fi al-Wuḍū' mina al-Nawm”. Beirut: Al-Maktab Al-Islāmī, h. 8.

## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Hadith ini yang dikeluarkan dengan berbeza-beza lafaznya juga menjadi kritikan ulama', kerana ia termasuk dalam kategori **الإِضْطِرَابُ** pada *matn*, dan puncanya adalah Yazīd Abī Khālid al-Dālānī yang menurut Ibn Hibbān seorang yang banyak melakukan kesilapan dan kekeliruan dalam menyampaikan riwayat serta bersalahan dengan perawi-perawi yang *thiqah*.<sup>1</sup> Al-Mundhirī mengatakan, jika diterima keadaan Abū Khālid al-Dālānī, hadith ini tetap *ḍa'īf* disebabkan tiga perkara: a) *Sanad munqaṭi'*. b) *Al-Itṭirāb* (**الإِضْطِرَابُ**)

c) Bersalahan dengan riwayat perawi-perawi *thiqah*.<sup>2</sup>

Dinukilkan bahawa Shu'bah berkata; Abī al-'Āliyah tidak mendengar riwayat dari Qatādah melainkan tiga hadith sahaja:

- 1) Perkataan Ali a.s tentang tiga golongan hakim.
- 2) Hadith tiada solat sunat selepas waktu asar.
- 3) Hadith tentang Yunus bin Mattā.<sup>3</sup>

Abū Hātim memberi pendapat yang berbeza terhadap Yazīd Abī Khālid al-Dālānī. Beliau mengatakan boleh dihimpun riwayat hadith yang dia ambil dari para ulama Kufah. *Al-Shaykhān* tidak mengeluarkan riwayatnya dalam kitab sahih mereka kerana mengetahui kegelincirannya dari pegangan sunnah terhadap kedudukan para sahabat. Adapun disisi para ulama' yang lebih dahulu dari mereka, menyaksikan bahawa beliau ini seorang yang benar dan mantap. Yang benar dalam masalah ini adalah pertengahan. Beliau kemudiannya menilai Yazīd Abī Khālid al-Dālānī sebagai **صَدُوقٌ ثِقَّةٌ**, manakala Ibn Ma'ein dan al-Nasāi

---

<sup>1</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, op.cit., h. 438- 440.

<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Ibid., h. 438.

menilainya sebagai *لَيْسَ بِهِ بَأْسٌ*.<sup>1</sup> Ibn ‘Adiy mengatakan hadith-hadithnya *ṣāleh* dan terdapat juga kelemahan tetapi masih boleh ditulis bagi tujuan riwayat sokongan.<sup>2</sup>

Penulis mengatakan kupasan Abū Hātim ini hanya tertumpu kepada keadaan Yazīd Abī Khālid al-Dālānī, adapun tentang hadith yang dibicarakan ini, ia telah dinilai *ḍa’īf* oleh sekumpulan ulama’-ulama’ yang muktabar dan sebabnya tidak tertumpu semata-mata kepada keadaan Yazīd, bahkan juga keadaan sanadnya yang *munqaṭi’*, *الإِضْطِرَابُ* dan bersalahan dengan riwayat perawi-perawi *thiqah* seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Mundhirī. Wa Allahu A’lam.



---

<sup>1</sup> Ibid. Ibn Ma’ien apabila menyebut lafaz ini secara mutlak, maknanya *thiqah*. Lihat al-Mu’allimi(1996), j.1, op.cit., h.209.

<sup>2</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin(2004), j.2, op.cit., h.439.

**Hadith Kelima Belas: *Ḍa'īf* disebabkan perawi *sanad mubham* dan lemah.** Diriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يَقْرَأُ الْجُنُوبُ، وَلَا الْحَائِضُ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ

“Dilarang bagi orang yang berjunub dan wanita yang sedang haid membaca sesuatu dari *al-qurān*.”<sup>1</sup>

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

I. Al-Tirmidhī.

II. Ibn Mājah.

Mereka berdua mengeluarkan hadith ini dari jalur Ismail bin ‘Ayyāsh dari Mūsā bin ‘Uqbah dari Nāfi’ dari Ibn ‘Umar secara *marfū*.<sup>2</sup>

III. Al-Dārquṭnī.<sup>3</sup>

Mengeluarkan hadith ini dari tiga jalur: 1) Seperti jalur di atas. (2) Dari Muhammad bin Hamduyah yang mendengar dari ‘Abd Allah bin Hammad al-Āmilī dari ‘Abd al-Malik bin Maslamah dari al-Mughīrah bin ‘Abd al-Rahman dari Mūsā bin ‘Uqbah... tetapi tidak ada lafaz wanita yang sedang haid. (3) Dari Muhammad bin Ismāil al-Hassānī dari seorang lelaki dari Abī Ma’shar dari Mūsā...dengan lafaz wanita yang sedang haid. Beliau turut mengeluarkan *shāhid* dari Jābir secara *marfū*’ dan *mawqūf* kepada hadith ini.<sup>4</sup>


<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. Op.cit., h. 373.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, op.cit., h. 544.

<sup>4</sup> Ibid.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB *TAD'IF*

- I. Terdapat pada *sanad* yang dikeluarkan oleh mereka semua perawi yang bernama Ismail bin 'Ayyāsh. Imam al-Tirmidhī menukilkan dari al-Bukhārī mengatakan Ismail bin 'Ayyāsh mengeluarkan riwayat yang *munkar* dari ahli al-Hijāz dan ahli al-Irāq. Beliau menda'ifkan perawi ini jika bersendirian membawa riwayat dari ahli al-Hijāz dan ahli al-Irāq.<sup>1</sup>
- II. Jalur kedua yang dikeluarkan oleh al-Dārquṭnī terdapat perawi yang *mubham* disamping perawi yang *da'if* iaitu Abī Ma'shar, manakala pada jalur yang ketiga ada perawi yang *da'if* iaitu 'Abd al-Malik bin Maslamah.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, op.cit., h. 544.

<sup>2</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 373.

III. *Shāhid* dari Jābir yang diriwayatkan secara *marfū'* ada perawi yang *matrūk*, yaitu Muhammad bin Faḍl, adapun secara *mawqūf* terdapat perawi yang bernama Yahya bin Abī 'Unaysah dan dia adalah seorang pendusta.<sup>1</sup>

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Ismail bin 'Ayyāsh dida'ifkan riwayatnya dari ahli al-Hijāz sebagaimana yang berlaku dalam riwayat ini, begitu juga riwayatnya dida'ifkan dari ahli al-Irāq, tetapi beliau *thiqah* apabila meriwayatkan hadith dari ahli negeri Syam.<sup>2</sup>

Mereka yang mendakwa bahawa Ismail bin 'Ayyāsh telah bersendirian membawa riwayat ini dari Musa bin 'Uqbah adalah tidak benar, kerana terdapat dua jalur yang dikeluarkan oleh al-Dārquṭnī menunjukkan adanya dua perawi yang lain mengambil hadith ini dari Musa bin 'Uqbah . Walaupun begitu kedua jalur itu tidak layak dijadikan *mutāba'ah*. Ini disebabkan keadaan perawi-perawi yang kritikal dan sanadnya pula terputus. *Syāhid* yang dikemukakan juga tidak dapat membantu kerana masalah perawi yang kritikal. Imam Ibn al-Mulaqqin sekadar menyebut bahawa hadith ini terdapat padanya *maqāl*, perbahasan dan kritikan dikalangan ulama.<sup>3</sup> Adapun Ibn Hajar seperti sebelumnya, sekadar membentangkan perbincangan ulama' dengan tidak membuat kesimpulan. Shaykh Albānī telah menilai hadith ini sebagai *da'if*.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 374.

<sup>2</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2, op.cit., h. 546.

<sup>3</sup> Ibid., h. 543.

<sup>4</sup> Lihat Albānī (1985), *Irwā' al-Ghalīl fī Takhrij Manār al-Sabīl*, j.1. Op.cit. h. 206.



**Hadith Keenam Belas: *Da'if* disebabkan perawi lemah dan *sanad munqaṭi'*.**

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

تَحْتَ كُلِّ شَعْرَةٍ جَنَابَةٌ، فَبَلُّوا الشُّعْرَ، وَانْقُوا الْبَشَرَ

“Di bawah celah setiap bulu badan itu tertakluk hukum junub, oleh itu basahkanlah setiap bulu badan serta bersihkan seluruh kulit.”<sup>1</sup>

▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

- I. Abū Dāud.
- II. Al-Tirmidhī.
- III. Ibn Mājah.
- IV. Al-Bayhaqī

Kesemua mereka meriwayatkan dari Abū Hurayrah.<sup>2</sup>

Ibn Mājah turut mengeluarkan hadith dengan lafaz yang hampir iaitu:

أَدَاءُ الْأَمَانَةِ غُسْلُ الْجَنَابَةِ، فَإِنَّ تَحْتَ كُلِّ شَعْرَةٍ جَنَابَةٌ

“Antara perlaksanaan amanah adalah dengan mandi junub, kerana di bawah celah setiap bulu badan itu tertakluk hukum junub.”<sup>3</sup>


<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Ḥabīr fī Takhrij Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitāb al-Ṭahārah”, “Bāb al-Ghusl”. Op.cit., h. 381.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Lihat Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwaynī Ibn Mājah, seterusnya disebut sebagai Ibn Mājah (1997), *Sunan Ibn Mājah wa bi Ḥāshiah Ta’liqāt Miṣbāh al-Zujājah fī Zawāid Ibn Mājah*, j.1. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 332

Riwayat ini dikeluarkan dari Yahya bin Hamzah dari ‘Utbah bin Abī Hakīm berkata; aku telah diberitakan oleh Talhah bin Nāfi’ yang berkata; dia diberitakan oleh Abū Ayub al-Ansārī...<sup>1</sup>

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB TAD'IF

- I. Riwayat yang pertama itu, masalahnya tertumpu kepada al-Hārith bin Wajīh. Ibn Hajar mengatakan dia ini sangat *ḍa'īf*. Abū Dāud pula mengatakan bahawa hadithnya *munkar* dan dia adalah *ḍa'īf*. Al-Tirmidhī mengatakan dia adalah seorang shaykh yang tidak sebegitu mantap.<sup>2</sup>
- II. Riwayat kedua pula, sanadnya *ḍa'īf*. Menurut al-Bushayrī yang menukil ucapan Ibn Abī Hātim, Ṭalhah bin Nāfi’ sebenarnya tidak mendengar riwayat ini dari Abū Ayub.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitāb al-Ṭahārah”, “Bāb al-Ghusl”. Op.cit., h. 381-382.

<sup>3</sup> Ibn Mājah(1997), *Sunan Ibn Mājah wa bi Hāshiah Ta’liqāt Miṣbāh al-Zujājah fī Zawāid Ibn Mājah*. Op.cit., h.332.

## ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Telah sepakat ulama' menda'ifkan riwayat pertama ini dengan sebab yang disebutkan tadi. Antara mereka ialah Imam al-Shāfi'ī, al-Bukhārī, Abū Dāud dan lain-lain lagi. Adapun riwayat yang kedua, Ibn Hajar sekadar mengatakan sanadnya *ḍa'īf*,<sup>1</sup> dan Ibn Mulaqqin telah memberi isyarat bahawa terdapat kelemahan pada 'Utbah bin Abī Hakīm.<sup>2</sup>

Shaykh Albānī mempertikaikan dakwaan bahawa *sanad* yang kedua ini *ḍa'īf* kerana Ṭalhah tidak mendengar dari Abū Ayub. Menurut Shaykh Albānī, walaupun beliau dikenali sebagai *mudallis*, tetapi disini beliau menyebutkan secara jelas dengan lafaz حَدَّثَ ketika pengambilan riwayat dari Abū Ayub, dan tambahnya lagi Imam al-Nasāī, Ibn 'Adiy dan penyusun *Sunan al-Arba'ah* mengatakan bahawa Ṭalhah ini *thiqah*.

Penulis mengatakan Shaykh Albānī telah memahami isyarat yang ditunjukkan oleh Ibn Mulaqqin bahawa keda'ifan *sanad* ini sebenarnya adalah disebabkan perawi yang bernama 'Utbah bin Abī Hakīm. Menurut Ibn Hajar beliau ini **صَدُوقٌ يُحْطِئُ كَثِيرًا** (dibenarkannya tetapi banyak melakukan kesalahan).<sup>3</sup>



<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 382.

<sup>2</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.2. Op.cit., h. 577.

<sup>3</sup> Albānī (2001), *Salsilah al-Ahādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah*, j.8. Op.cit., h. 272-273.

**Hadith Ketujuh Belas: *Da'if* disebabkan perawi *sanad matrūk* dan *muṭṭarib*.**

Diriwayatkan Rasul Allah s.a.w bersabda:

التَّيْمُمُ ضَرْبَتَانِ، ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ، وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ

“Tayammum adalah dengan dua tepukan, tepukan pertama untuk muka dan tepukan kedua untuk tangan sehingga ke siku.”<sup>1</sup>

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

I. Al-Dārquṭnī dari beberapa jalur: a) Jalur Ali bin Zibyān dari ‘Ubayd Allah bin ‘Umar dari Nāfi’ dari Ibn ‘Umar secara *marfū*. (b) Dari jalur Mālik dari Nāfi’ dari Ibn ‘Umar secara *mawqūf*... (c) Dari jalur Sulayman bin Abī Dāud al-Harrānī dari Sālim dan Nāfi’ dari Ibn ‘Umar dari Nabi s.a.w... (d) Dari jalur Sulayman bin Arqam dari al-Zuhrī dari Jābir dari ayahnya...<sup>2</sup>

II. Al-Hākim

III. Al-Bayhaqī

Mereka berdua meriwayatkan dari jalur Ali bin Zibyān dari ‘Ubayd Allah bin ‘Umar<sup>3</sup> dari Nāfi’ dari Ibn ‘Umar secara *marfū*.<sup>4</sup>


<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitāb al-Tayammum”, j.1. Op.cit., h. 403- 404.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Menurut Albānī telah berlaku kesalahan dalam cetakan kitab al-Mustadrak ‘alā al-Ṣāhihayn yang menamakan perawi ini sebagai ‘Ubayd Allah bin Umar, yang sebenarnya ialah ‘Abd Allah bin Umar. Lihat Albānī (2001), *Salsilah al-Ahādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawqū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, j.7. Op.cit., h. 433. Penulis mengatakan hal ini juga berlaku dalam kitab *Talkhīs Al-Habīr* cetakan Dār al-Kutub ‘Ilmiah (1998).

<sup>4</sup> Albani (2001) Op.cit., h.. 403.

▪ GAMBARAJAH SANAD



Dalam bab ini turut diriwayatkan dari:

- I. Al-Asla'<sup>1</sup> yang dikeluarkan oleh al-Dārquṭnī dan al-Ṭabrānī.
- II. Abī Umāmah<sup>2</sup> dikeluarkan oleh al-Ṭabrānī.
- III. Aisyah<sup>3</sup> dikeluarkan oleh al-Bazzār dan Ibn 'Adiy.
- IV. 'Ammār<sup>4</sup> dikeluarkan oleh al-Bazzār.<sup>5</sup>

▪ SEBAB TAD'IF

Perawi pada jalur yang pertama terdapat perawi yang *da'if* iaitu Ali bin Zibyān, dan pada jalur yang ketiga terdapat perawi yang bernama Sulayman bin Abī Dāud al-Harrānī, beliau adalah *matrūk* manakala pada jalur keempat pula perawi yang bernama Sulayman bin Arqam juga dinilai sebagai *matrūk*.<sup>6</sup> Berkata al-Dārquṭnī riwayat yang sebenarnya adalah *mawqūf* kepada Ibn 'Umar.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Namanya Asla' bin al-Ashqa' al-A'rabi. Beliau adalah dari golongan sahabat Nabi s.a.w. Lihat Ibn al-Athīr (1994), *Usd al-Ghābah fī Ma'rifah al-Ṣahābah*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 211.

<sup>2</sup> Namanya ialah As'ad bin Zurarah bin 'Udas bin 'Abid bin Tha'labah bin Ganmi bin Malik bin al-Najar. Kuniannya Abū Umāmah. Beliau adalah dari golongan Ansar yang pertama memeluk Islam. Meninggal pada syawal tahun pertama hijrah sebelum peperangan Badar. Ibid., h. 205.

<sup>3</sup> Aisyah binti Abī Bakr al-Ṣiddiq, Ummu al-Mu'minin. Meninggal dunia pada tahun 57 atau 58H. Ibid., h. 186.

<sup>4</sup> 'Ammār bin Yāsir, dari kalangan awal pemeluk Islam. Ibid., h. 122.

<sup>5</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 405- 406.

<sup>6</sup> Ibid., h. 403-404.

<sup>7</sup> Ibid., h. 404.

Adapun *shawāhid* yang dikeluarkan dari beberapa sahabat yang lain, kesemuanya juga tidak terlepas dari mengandung perawi-perawi yang ditajrih.

- I. Riwayat al-Asla' terdapat perawi yang bernama al-Rabī' bin Badr, dan dia ini *ḍa'īf*.<sup>1</sup> Berkata Imam al-Bukhārī; Qutaybah menda'ifkannya, dan Abū Zur'ah mengatakan dia ini *matrūk al-ḥadīth*, Abū Dāud mengatakan *ḍa'īf* hadithnya dan tidak boleh menulis riwayat hadithnya.<sup>2</sup>
- II. Riwayat Abī Umāmah terdapat perawi yang bernama Ja'far bin Zubayr. Menurut Shu'bah dia itu telah mendustakan empat ratus hadith. Berkata Ibn Hajar, antara hadith palsu yang direka ialah, Malaikat yang menanggung 'arasy bercakap dalam bahasa Parsi. Imam al-Nasāi dan al-Dārquṭnī, berpendapat beliau ini *matrūk al-ḥadīth*.<sup>3</sup>
- III. Riwayat Aisyah terdapat perawi yang bernama Harīsh bin al-Kharrīt al-Baṣyri. Berkata Imam al-Bukhārī *فيه نظر*, Abū Hātim mengatakan bahawa tidak boleh berhujah dengan hadithnya, Yahya mengatakan yang beliau ini *لَيْسَ بِهِ بَأْسٌ*.<sup>4</sup> Ibn Hajar membuat kesimpulan dengan menilainya sebagai *ḍa'īf*.<sup>5</sup>
- IV. Menurut Ibn 'Abd al-Barr, semua riwayat dari Ammār yang mengatakan bertayammum itu dengan dua kali tepuk adalah *الإِضْطِرَابُ*.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 405.

<sup>2</sup> Said Abī al-Ma'āṭī al-Nūrī, dkk (1992), *al-Jāmi' fī al-Jarh wa al-Ta'dīl*, j.1. Beirut: 'Ālam al-Kutub, h.237.

<sup>3</sup> Al-'Asqalānī (2001), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j.1, op.cit. h.304.

<sup>4</sup> Lihat al-'Asqalānī (2001) *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j.1, op.cit. h.377.

<sup>5</sup> Lihat Basyār 'Awād Ma'rūf dan Shu'īb al-Arnaūṭ (1997), j.1, op.cit., h 263.

<sup>6</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrij Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, Op.cit., h. 406.

- ULASAN DAN KOMENTAR

Telah sepakat ulama' menilai hadith tayammum dengan dua tepukan yang diriwayatkan secara *marfū'* adalah *ḍa'īf*. Yang sah sebagaimana yang dikeluarkan oleh al-Bukhārī dari 'Ammār ialah dengan sekali tepukan.<sup>1</sup>



---

<sup>1</sup> Lihat al-Bukhārī (1987), *Sahih al-Bukhārī*, “Bāb al-Tayammum Ḍarbah”, no.340, j.1,.Op.cit., h. 133.

**Hadith Kelapan Belas: *Da'if* disebabkan perawi lemah disamping *sanad mursal*.**

Diriwayatkan Ibn 'Abbas berkata:

مِنَ السُّنَّةِ أَلَّا يُصَلِّيَ بِالتَّيْمُمِ إِلَّا مَكْتُوبَةً وَاحِدَةً، ثُمَّ يَتَيَّمُ لِالأُخْرَى

“Adalah dari amalan sunnah tidak dikerjakan solat dari orang yang bertayammum melainkan dengan solat fardhu sekali sahaja. Kemudian hendaklah dia bertayammum untuk solat fardhu yang lain.”<sup>1</sup>

Sunnah yang dimaksudkan ini adalah sunnah Nabi s.a.w.<sup>2</sup> Imam al-Shawkānī menjelaskan, sekiranya sahabat Nabi s.a.w berkata, “Adalah dari amalan sunnah...- dia pun menerangkan amalan itu”- maka sunnah yang dimaksudkan itu adalah sunnah Nabi s.a.w. Ini adalah pendapat jumhur ulama’.<sup>3</sup>


▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

I. Al-Dārquṭnī

II. Al-Bayhaqī

Mereka berdua mengeluarkan riwayat ini dari jalur al-Hassan bin ‘Ummārah, dari al-Hakam dari Mujāhid dari Ibn Abbas...<sup>4</sup>

▪ *GAMBARAJAH SANAD*



<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhriḥ Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, j.1, “Kitāb al-Tayammum”, op.cit., h. 408.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Al-Shawkānī (1995), *Irshād al-Fuhūl ilā Tahqīq 'Ilmi al-Usūl*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyah, h.114.

<sup>4</sup> Op.cit.



Dalam bab ini turut diriwayatkan dari:

- I. Ali dan Amrū bin al-‘Āsh yang dikeluarkan oleh al-Dārquṭnī.
- II. Ibn Umar yang dikeluarkan oleh al-Bayhaqī dan katanya, inilah riwayat yang terlebih sahih dalam bab ini.<sup>1</sup>

▪ SEBAB *TAD’IF*

- I. Riwayat Ibn Abbās pada sanadnya terdapat perawi yang sangat *ḍa’if*. Beliau ialah al-Hassan bin ‘Ummārah.<sup>2</sup> Berkata al-Bukhārī ‘Uyaynah menda’ifkannya, Abū Dāūd menukulkan dari Shu’bah bahawa adalah tidak halal saya meriwayatkan hadith dari al-Hassan bin ‘Ummārah. Al-Nasāi berkata beliau ini *matrūk al-ḥadīth*,<sup>3</sup> dan penilaian yang sama dibuat oleh Ibn Hajar.<sup>4</sup>
- II. Pada riwayat Ali terdapat dua perawi yang *ḍa’if*. Mereka ialah Hajjāj bin Arṭaah (أَرْطَاءة)<sup>5</sup> dan al-Hārith al-A’wār.<sup>6</sup> Ibn Hajar mengatakan Hajjāj ini *صَدُوقٌ* tetapi banyak kesilapan dan *tadlis*. Shaykh Bashār dan Shu’ib al-Arnaūṭ mengatakan beliau ini *صَدُوقٌ* dan *mudallis*, dida’ifkan riwayatnya jika beliau tidak menyebut secara terang *حَدَّثَنَا* ketika meriwayatkan dari perawi yang atas darinya.<sup>7</sup> Adapun al-Hārith al-

<sup>1</sup> Ibid., h. 409. Makna lafaz هَذَا الْحَدِيثُ أَصْحَحُ شَيْءٍ فِي هَذَا الْبَابِ (Inilah riwayat yang terlebih sahih dalam bab ini) bukan maknanya semua riwayat yang ada dalam bab ini sahih, dan riwayat yang dilafazkan dengan perkataan ini adalah yang paling sahih, tetapi maknanya ialah, inilah riwayat yang paling *rājih* dalam bab, samada semua riwayat itu sahih atau *ḍa’if*. Lihat al-Mubārakfūrī (2001), Mukadimah, op.cit., h. 395.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Said Abī al-Ma’āṭī al-Nūrī, dkk (1992), j.1. Op.cit., h.168-169.

<sup>4</sup> Bashār ‘Awād Ma’rūf dan Shu’ib al-Arnaūṭ (1997), j.1. Op.cit., h. 276-277.

<sup>5</sup> Begitulah ejaannya dalam *Talkhīs*. Dalam *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb* dan *al-Badr al-Munīr* ejaannya adalah *ط* أرطاة tanpa hamzah selepas huruf ط.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Bashār ‘Awād Ma’rūf dan Shu’ib al-Arnaūṭ (1997), op.cit., j.1, h. 250-251.

al-A'wār, menurut al-Nasāi, riwayat beliau tidak kuat. Berkata al-Dārquṭnī dan al-Bazzār riwayatnya tidak sabit jika bersendirian.

III. Pada riwayat Amrū bin 'Āsh, berlaku pada sanadnya *irsāl* yang bersangkutan diantara Qatādah dan Amrū.<sup>1</sup>

▪ ULASAN DAN KOMENTAR

*Athar* ini tidak kukuh untuk disabitkan kepada sahabat-sahabat yang disebutkan tadi. Oleh itu tidak wajar dikatakan *athar* ini *mawqūf*, hukumnya *marfū'*.



---

<sup>1</sup> Ibid.

**Hadith Kesembilan Belas: *Da'if* disebabkan *sanad mursal*.**

Diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w :

مَسَحَ أَعْلَاهُ الْخُفَّ وَ أَسْفَلَهُ

“Menyapu di atas dan bawah *khuf*.”<sup>1</sup>

▪ *TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH*

- I. Ahmad.
- II. Abū Dāud.
- III. Al-Tirmidhī.
- IV. Ibn Mājah.
- V. Al-Dārquṭnī.
- VI. Al-Bayhaqī.
- VII. Ibn al-Jārud.<sup>2</sup>

Kesemua mereka meriwayatkan hadith ini dari jalur al-Walīd bin Muslim berkata, diberitakan kepadaku Thawr bin Yazīd dari Rajā' bin Haywah dari penulis riwayat bagi al-Mughīrah dari al-Mughīrah.<sup>3</sup>


---

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī ( 1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, j.1, “Kitāb al-Tayammum”.  
Op.cit., h. 416.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB *TAD'IF*

- I. Menurut Abū Dāud Thawr tidak mendengar riwayat ini secara langsung dari Rajā'.<sup>1</sup>
- II. Menurut Abū Zur'ah, al-Walid tidak *mahfūz*.<sup>2</sup>
- III. Berkata al-Tirmidhī, hadith ini *ma'lūl* kerana tidak disanadkan kepada Thawr bin al-Walīd, melainkan al-Walīd bin Muslim sahaja. Tambahnya lagi, “Saya bertanya kepada Abū Zur'ah dan Muhammad bin Ismail tentang hadith ini, dan mereka berkata: hadith ini tidak sahih disebabkan Ibn al-Mubāarak meriwayatkannya dari Thawr dari Rajā' bin Haywah yang berkata; diceritakan kepadaku dari penulis riwayat al-Mughīrah secara *mursal* dari Nabi s.a.w. (tidak disebut dari al-Mughīrah).”<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Al-Zayla'ī (2002), j.1, op.cit., h.240.

<sup>2</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*. Op.cit., h. 417.

<sup>3</sup> Al-Mubārafūrī (2001), j.1, op.cit. h.339.

▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar keadaan *sanad* dalam *sunan* al-Dārquṭnī seolah-olah menyelesaikan masalah, kerana lafaz حَدَّثَنَا diantara Thawr dan Rajā', tetapi riwayat *sanad* yang dikeluarkan oleh Ahmad bin 'Ubayd al-Ṣaffār dari Ahmad bin Yahya al-Hulwānī dari Dāud bin Rushayd hanya menyebut lafaz عَنْ (iaitu dari) dan bukan حَدَّثَنَا diantara Thawr dan Rajā'. Ikhtilaf ini menyebabkan timbulnya keraguan akan bersambunganya *sanad* diantara mereka berdua, apatah lagi ditambah dengan penerangan para ulama' yang disebutkan diatas.<sup>1</sup> Hadith ini turut dinilai *ḍa'īf* oleh al-Zayla'ī<sup>2</sup> dan Shaykh Albānī.<sup>3</sup>



---

<sup>1</sup> Op.cit., h. 418.

<sup>2</sup> Al-Zayla'ī (2002), j.1. Op.cit., h. 240.

<sup>3</sup> Albānī (1988), *Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah*, no. 85. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, h.43.

**Hadith Kedua Puluh: *Da'if* disebabkan perawi *majhul* dan *sanad mursal*.**

Diriwayatkan dari Ubay bin 'Imārah (beliau adalah diantara mereka yang sempat solat ke arah kedua kiblat) berkata: “Ya Rasul Allah, bolehkah saya menyapu *khuf*? Baginda menjawab; Ya boleh. Saya bertanya lagi: selama sehari? Baginda menjawab; Ya. Saya bertanya lagi; selama dua hari? Baginda menjawab; Ya boleh. Saya bertanya lagi; selama tiga hari? Baginda berkata; boleh dan seberapa hari yang engkau mahu.”<sup>1</sup>

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

- I. Abū Dāud melalui dua jalur: a) Dari Yahya bin Ayub dari 'Abd al-Rahman Ibn Rizzīn dari Muhammad bin Yazīd dari Ayub bin Qatn dari Ubay bin 'Imārah... (b) Dari Ibn Abī Maryam al-Miṣrī dari Yahya bin Ayub dari 'Abd al-Rahman bin Yazīd dari Muhammad bin Yazīd bin Abī Ziyād dari 'Ubādah bin Nasī dari Ubay bin 'Imārah...dengan sedikit perbezaan lafaz.<sup>2</sup>
- II. Ibn Mājah melalui jalur Abī Dāud yang kedua.<sup>3</sup>
- III. Al-Dārquṭnī juga melalui jalur Abī Dāud yang kedua.<sup>4</sup>
- IV. Al-Hākim dalam *al-Mustadrak* melalui jalur kedua tetapi dengan lafaz yang pertama.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī ( 1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, “Kitāb al-Tayammum”, j.1. Op.cit., h. 421 dan Ibn al-Mulaqqin (2004), op.cit., j.3, h. 41- 42.


<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), op.cit., j.3, h.42.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid., h. 46-47.

▪ GAMBARAJAH SANAD



▪ SEBAB TAD'IF

I. Berkata Abū Dāud *sanad* riwayat ini ada ikhtilaf dan ia tidak kukuh.<sup>1</sup> Ibn al-Qaṭṭān berkata, ikhtilaf yang dimaksudkan ini adalah disebabkan berlaku pelbagai bentuk periwayatan yang datang dari Yahya bin Ayub.<sup>2</sup>

- a. Dari Yahya bin Ayub dari 'Abd al-Rahman Ibn Rizzīn dari Muhammad bin Yazīd dari Ayub bin Qatn dari Ubay bin 'Imārah...
- b. Dari Yahya bin Ayub dari 'Abd al-Rahman Ibn Rizzīn dari Muhammad bin Yazīd dari 'Ubādah bin Nasī dari Ubay bin 'Imārah...
- c. Yahya bin Ayub dari Abd al-Rahman bin Yazīd dari Muhammad bin Yazīd bin Abī Ziyād dari 'Ubādah bin Nasī dari Ubay bin 'Imārah...

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi'i al-Kabīr*, j.1, Op.cit., h. 421.

<sup>2</sup> Ibn al-Mulaqqin (2004), j.3. Op.cit., h. 44.

d. Sama seperti sebelumnya tetapi tidak menyebut Ubay bin ‘Imārah...maka ianya *mursal*.

e. Yahya bin Ayub dari ‘Abd al-Rahman dari Muhammad dari Wahab bin Qaṭṭān dari Nabi s.a.w...<sup>1</sup>

II. Ikhtilaf pada Ubay bin ‘Imārah. Ada yang mengatakan yang sebenarnya ialah Abū Ubay dan namanya ialah ‘Abd Allah bin ‘Amrū bin Ummi Haram.<sup>2</sup> Kedudukannya sebagai sahabat juga diperselisihkan.<sup>3</sup>

III. Berkata Imam Ahmad, perawi-perawi *sanad* ini tidak dikenali.<sup>4</sup> Ibn Hibban mengatakan, saya tidak yakin dengan kemantapan *sanad* Ubay bin ‘Imārah. Kemudian beliau pun mendatangkan *sanad* dari Yahya bin Ayub dari ‘Abd Allah Ibn Rizzīn dari Muhammad bin Yazīd dari Ayub bin Qatn dari ‘Ubadah dari Ubay bin ‘Imārah...<sup>5</sup>

IV. Menurut Abū Hātim, Muhammad bin Yazīd iaitu Ibn Abī Ziyād dan ‘Abd al-Rahman bin Rizzīn adalah *majhūl*. Adapun Yahya bin Ayub diperselisihkan keadaannya, dan antara kritikan yang diberikan kepada Imam Muslim adalah kerana beliau menerima riwayatnya.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Ibid., h. 45.

<sup>2</sup> Ibid., h. 47.

<sup>3</sup> Ibid., h. 48.

<sup>4</sup> Ibid., h. 42.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid., h. 43.



#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Hadith ini telah dinilai *ḍa'īf* oleh ramai tokoh-tokoh hadith, antaranya selain dari yang disebutkan diatas ialah Imam Ibn al-Ṣalāh dan al-Nawawī.<sup>1</sup> Shaykh Albānī turut bersetuju dengan penilaian ini.<sup>2</sup>

Penulis mengatakan, selain dari kepincangan yang berlaku pada *sanad* riwayat ini, matnnya juga bercanggah dengan hadith sahih yang dikeluarkan oleh Imam Muslim dari Ali bin Abī Ṭālib r.a. dari Nabi s.a.w bahawa Baginda menjadikan keharusan menyapu *khuf* bagi orang musafir selama tiga hari tiga malam berturut-turut, dan bagi orang yang bermukim selama sehari semalam.<sup>3</sup>



---

<sup>1</sup> Ibid., h. 46.

<sup>2</sup> Lihat Albānī (1991), *ḍa'īf Sunan Abī Dāud*,

<sup>3</sup> Lihat Muslim bin al-Hajjāj (2000), *Ṣahih Muslim bi Sharh al-Imam al-Nawawī*, j.3. Op.cit., h.70.


**Hadith Kedua Puluh Satu: *Da'if* disebabkan perawi *sanad* ditajrih.**

Dari Sahlah binti Suhayl, bahawa beliau telah didatangi darah *istihādah*, lalu dia pun berjumpa dengan Nabi s.a.w dan Baginda menyuruhnya mandi ketika setiap kali hendak solat.<sup>1</sup>

▪ **TAKHRĪJ AL-ḤADĪTH**

Riwayat ini dikeluarkan oleh Abū Dāud dari jalur Muhammad bin Ishāq dari ‘Abd al-Rahman bin al-Qāsīm dari bapanya dari Aisyah...<sup>2</sup>

▪ **GAMBARAJAH SANAD**



▪ **SEBAB TAD’IF**

Imam al-Mundhirī mengatakan, ulama’ berbeza pendapat tentang keharusan berhujah dengan perawi yang bernama Muhammad bin Ishaq bin Yasar.<sup>3</sup> Ibn Hajar menukilkan bahawa ada pendapat yang mengatakan Ibn Ishaq adalah punca kekeliruan dalam meriwayatkan hadith ini.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (1998), *Talkhīs al-Ḥabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*, “Kitab al-Hayd”, j.1. Op.cit., h. 439.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Lihat ‘Azīm Ābādī (2000), j.1. Op.cit., h. 252.

<sup>4</sup> Op.cit.

#### ▪ ULASAN DAN KOMENTAR

Berkata Imam Ibn Hibban, Ibn Ishaq ini dikritik hebat oleh Hisyam bin ‘Urwah dan Imam Malik.<sup>1</sup> Adapun Ibn Hajar mengatakan bahawa Ibn Ishaq ini **صَدُوقٌ يُدَلِّسُ** iaitu boleh dibenarkan tetapi dia juga seorang *mudallis*, dan beliau juga dilemparkan tuduhan cenderung kepada fahaman Syiah dan Qadariah. Dr.Bashar ‘Awwād dan Shu’ib al-Arnāūṭ mengatakan bahawa perawi ini *thiqah* tetapi *mudallis*. Ini kerana Imam Ibn Ma’ien, Ahmad bin Hanbal, Ibn ‘Uyaynah, Ali bin Madīni dan lain-lain memuji dan menggolongkannya sebagai ulama’.<sup>2</sup> Ibn Mulaqqin menukikan bahawa al-Nawawī telah menda’ifkan hadith ini, tetapi beliau menjelaskan terdapat riwayat yang dikeluarkan oleh *al-Shaykhān* yang menyuruhnya mandi, tetapi beliau sendiri yang menentukan mandi pada setiap waktu.<sup>3</sup>



<sup>1</sup> Lihat ‘Asqalānī (2001) *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j.3, op.cit. h.507.

<sup>2</sup> Basyar ‘Awwād Ma’rūf dan Shu’ib al-Arnāūṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, j.3. Op.cit., h.211-213.

<sup>3</sup> Lihat Ibn al-Mulaqqin (2004), j.3. Op.cit., h. 137.

## BAB 5

### PENUTUP

Kajian ini telah memberi pendedahan yang amat berguna kepada penulis. Ia juga memberi semangat serta dorongan kepada penulis untuk terus berusaha mendalami ilmu hadith, khususnya ilmu *takhrīj al-ḥadīth* dan *dirāsah al-asānid*. Penulis berpendapat usaha untuk mengkaji kitab-kitab *takhrīj* seperti *Naṣb al-Rāyah*, *al-Badr al-Munīr* dan *Talkhīs Al-Habīr* adalah amat penting lagi bermanfaat. Ini disebabkan ketokohan mereka serta kemantapan dan penguasaan ilmu yang begitu mendalam dibidang hadith. Walaupun begitu, ini bukan bermakna penilaian yang mereka berikan terhadap sesuatu riwayat itu adalah muktamad serta tidak boleh dipertikaikan lagi.

Bagi *tālib al-‘ilm* seperti penulis, kitab-kitab ini membantu menerangkan jumlah bilangan jalur *sanad* yang dihimpun bagi sesuatu riwayat, nama kitab-kitab induk pengumpul riwayat hadith serta keadaan para perawi, perbahasan *al-jarh wa al-ta’dīl*, dan siapakah dikalangan ulama’ yang dijadikan rujukkan dalam perbahasan penelitian keatas *sanad*. Mudah-mudahan dengan melalui kajian kitab-kitab ini, ia boleh menjadi jambatan bagi penulis untuk meneruskan penerokaan kajian terhadap metode penilaian hadith yang diguna pakai oleh para ulama’ hadith yang lebih dahulu dari mereka, khususnya dikurun yang tiga terawal. Ini kerana, mereka adalah pengumpul riwayat hadith, mereka bermusafir menjelajah keserata tempat dan negeri semata-mata untuk mendapatkan riwayat hadith dan mereka bertemu dengan para perawi yang meriwayatkan hadith dan menyoal selidik perawi itu.

Oleh yang demikian, sudah tentu kajian mereka dan penilaian mereka terhadap sesuatu riwayat adalah lebih mantap dari golongan yang datang selepas zaman mereka. Walaupun begitu untuk memahami perbincangan huraian mereka dan istilah-istilah yang mereka gunakan, apatah lagi mengupas dan menghuraikan cara penilaian mereka bukanlah suatu yang mudah. Maka cara yang selamat bagi penulis adalah melalui kitab-kitab *takhrīj* antaranya yang penulis nyatakan diatas tadi, dimana ketokohan mereka dalam bidang hadith ini juga telah diakui oleh umat ini.



## 5.1 Kesimpulan

Setelah membentangkan perbahasan para ulama' hadith khususnya Ibn Hajar sendiri tentang *manhaj tad'if al-hadith* diikuti dengan contoh-contoh yang dipraktikkan beliau dalam kitab *Talkhīs Al-Habīr*, penulis dapat membuat rumusan seperti berikut:

1. Proses pengajian ilmu dengan bimbingan para ulama' terkemuka dizaman itu, telah melayakan Imam Ibn Hajar menjadi seorang tokoh dalam bidang hadith.
2. Dengan memiliki guru yang ramai, tempat pengajian yang berbeza serta tempoh pengajian yang lama, menjadikan kajian beliau amat luas dan mendalam.
3. Ibn Hajar menggunakan kitab-kitab rujukan *maṣādir* (yang asal disusun oleh pengarangnya sendiri), baik kitab-kitab himpunan hadith mahupun kitab-kitab *rijāl al-ḥadīth* sebagai asas semakan.
4. Keupayaan beliau mengupas istilah yang digunakan oleh para imam. Ini kerana setiap imam menggunakan istilah tertentu dengan makna yang khusus bagi mereka.
5. Selain dari *kutub al-sittah*, *musnad Ahmad* dan *al-Muwatta'*, beliau juga membentangkan jalur *sanad* sesuatu riwayat melalui sumber kitab yang lain seperti kitab *al-Mu'jam al-Ṭabrānī*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Sunan al-Dārquṭnī* dan *al-Mustadrak* Imam al-Hākim, dan lain-lain.
6. Ibn Hajar kebiasaannya, berpada dengan membentangkan keadaan *sanad* dan perawi tanpa menjelaskan kesimpulan hukum keatas sesuatu riwayat. Sebaliknya dalam kitab yang asal, Ibn al-Mulaqqin lebih cenderung untuk menjelaskan kedudukan sesuatu riwayat diawal perbahasan.
7. Adakalanya pembentangan *jarh wa ta'dīl* dalam kitab ini terlalu ringkas, seperti kata Ibn Hajar; "Keadaan perawi ini sedia maklum". Ini memerlukan penulis atau sesiapa sahaja yang membaca kitab ini merujuk kepada kitab yang memperincikan keadaan perawi itu.

8. Ibn Hajar seperti gurunya Ibn al-Mulaqqin mentakhrijkan hadith dengan menyebut kitab yang mengeluarkan riwayat itu terlebih dahulu, kemudian baru disebut nama sahabat yang meriwayatkan hadith itu dari Nabi s.a.w. Adapun al-Zayla'ī dalam *Naṣb al-Rāyah* memulakan *takhrīj* dengan menyebutkan sahabat yang meriwayatkan hadith itu dahulu dari nama kitab-kitab yang mengeluarkan hadith tersebut.
9. Kebiasaannya Ibn Hajar hanya menyebutkan nama penyusun kitab yang mengeluarkan hadith, seperti al-Tirmidhī, Ahmad atau al-Ṭabrānī. Jarang sekali beliau menyebut nama penyusun kitab dan kitabnya sekali melainkan ditempat-tempat tertentu sahaja, seperti mengatakan hadith ini dikeluarkan oleh al-Hākim dalam *al-Mustadrak*.
10. Ibn Hajar akan menukilkan *matn* hadith seperti yang termaktub dalam kitab al-Rāfi'ī kemudiannya didatangkan lafaz hadith seperti yang diriwayatkan dalam kitab-kitab hadith.
11. Pada pandangan penulis, pembentangan ilmiah dalam kitab ini hanya sesuai bagi mereka yang memiliki asas yang mantap dalam ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth*. Ini disebabkan cara kupasan dan penghujahan yang banyak menggunakan istilah-istilah khusus.
12. Ibn Hajar banyak bersandarkan kepada penilaian para ulama' yang lebih dahulu darinya dalam perbahasan *al-jarh wa al-ta'dil*, begitu juga kedudukan riwayat hadith secara umumnya, tetapi beliau akan membantah hujah yang dilihat lemah atau mengemukakan hujah bagi menyokong pendapat yang dilihat *rajih*.

## 5.2 Saranan

1. Penulis menyarankan kepada setiap *ṭālib al-ʿIlm* agar meninggalkan *taʿasub* kepada mana-mana pandangan *fiqhiyah* yang bersandarkan kepada riwayat hadith yang *ḍaʿif* apatah lagi *mawḍūʿ*.
2. Penulis menyarankan bagi mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang *dirasah al-asānid*, agar tidak sekadar memahami perbahasan *muṣṭalah al-ḥadīth* dari sudut teori sahaja, tetapi mempelajarinya menerusi apa yang dipraktikal oleh para ulama' yang muktabar dalam ilmu hadith. Hakikat ilmu ini bukanlah seperti matematik, dengan bersandarkan kepada teori tertentu, natijah akan dilahirkan dengan mudah. Sebaliknya kefahaman yang mendalam berkaitan *sanad* dan *matn* begitu juga keupayaan mengesan *'illah* adalah antara ciri-ciri utama yang perlu dimiliki.
3. Penulis menyarankan kepada para penuntut ilmu hadith agar memberi keutamaan pada penilaian para ulama' hadith yang besar seperti Ahmad bin Hanbal, al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāud, al-Tirmidhī, al-Nasāi begitu juga al-Dārquṭnī dan al-Bayhaqī. sebagaimana yang dapat dilihat dari hasil kerja Imam Ibn Hajar.
4. Penulis menyarankan kepada mereka yang mahu melakukan kajian keatas kitab *Talkhīs al-Habīr* agar berusaha menyusun kamus yang berkaitan dengan semua nama-nama kitab rujukan yang dinyatakan oleh Ibn Hajar ketika membincangkan keadaan sesuatu riwayat, dengan menyatakan keadaan kitab itu telah dicetak ataupun masih berbentuk manuskrip.
5. Penulis menyarankan agar dapat dilakukan suatu perbandingan antara rumusan *al-jarh wa al-ta'dīl* dalam kitab ini dengan kitab *Taqrīb al-Tahdhīb*, begitu juga perbandingan penilaian hadith dalam kitab ini dengan kitab-kitab beliau yang lain.



6. Penulis juga menyarankan kepada penyelidik yang lain agar mengkaji sejauh manakah kesepakatan penilaian Ibn Hajar keatas sesuatu riwayat dengan ulama' hadith khususnya mereka yang berada dikurun yang ketiga terawal.



## Bibliografi

-A-

Al-Qurān al-Karīm

‘Asqalānī, Ahmad bin Ali bin Hajar al- (2000), *Fath al-Bāri*, 13j. Al-Riyāḍ: Dār al-Salām.

\_\_\_\_\_ (2000), *Hadyu al-Sāri Muqadimah Fath al-Bāri*. Al-Riyāḍ: Dār al-Salām

\_\_\_\_\_ (1993), *Nuzhah al-Nadhar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Tahqīq Nur al-Din ‘Etr. Dimashq: Dār al-Khayr.

\_\_\_\_\_ (2003) *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn Ṣalāh*. Tahqīq wa Dirasah Dr.Rabī’ bin Hādī Umayr al-Madkhali, 2 j.T.T.P: Maktabah al-Furqan.

\_\_\_\_\_ (2001), *Tahdhīb al-Tahdhīb*. 4 j.. Beirut: Muassasah al-Risālah,

\_\_\_\_\_ (1996), *Lisān al-Mīzan*, 7 j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

\_\_\_\_\_ (1998), *Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi’i al-Kabīr*. 4 j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

Ahmad Shākīr(1408H) *al-Bā’ith al-Hathīth Sharh Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyah.

Albānī, Muhammad Nāsr al-Din al- (1985), *Īrwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj Manār al-Sabīl*, 8 j. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ ( 2000), *Salsilah al-Ahādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fī al-Ummah*. 14 j. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ ( 1989), *Ādab al-Zafāf*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ (1991), *Ḍa’īf Sunan Abī Dāud*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ (1991), *Ḍa’īf Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ (1991), *Ḍa’īf Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

\_\_\_\_\_ (1417H), *Tamām al-Minnah fī Ta'liq 'alā Fiqh al-Sunnah*. Al-Riyāḍ: Dār al-Rāyah.

Abū Ghuddah, 'Abd al-Fattāh (1417H), *Lamahāt min Tārikh al-Sunnah wa Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islamiah.

\_\_\_\_\_ (1411 H), *Umarā' al-Mu'minīn fī al-Ḥadīth*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islamiah.

\_\_\_\_\_ (2000), *Safahāt min Ṣabr al-Ulama'*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islamiah.

\_\_\_\_\_ (1997), *Thalāth Rasāil fī Ulūm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islamiah.

\_\_\_\_\_ (1992), *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Bayān Madlūlluhā al-Shar'i wā Ta'rīf bi Hal Sunan al-Dārquṭnī*. Beirut: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islamiah.

Abū Dāud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Sajastāni al-Azdī (1998), *Sunan Abū Dāud. Tahqiq Muhammad 'Awwāmah*, 5 j. Beirut: Muassasah al-Rayyān.

'Azīm Ābādī, Abū 'Abd al-Rahman Sharf al-Haq Muhammad Ashraf al-Sadiqī al- (2000), 14 j., *'Awn al-Ma'būd Sharh Sunan Abī Dāud*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Islāmī.

Ābādī, Muhammad Abū Layth al-Khayr (2005), *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣiluhā wa Mu'āṣiruhā*. Selangor Malaysia: Dār al-Shākir.

'Abd al-Aziz Muhammad bin Ibrahim 'Abd al-Latif (1412 H), *Ḍawābiṭ al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Ṣan'ā: Maktabah al-Nūr al-Islāmiah.

Abū Shahbah, Muhammad bin Muhammad (t.t), *al-Wasīṭ fī 'Ulūm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Arabi.

Aqsari, Abū 'Abd Allah Reḍa al- (2001), *Irsyād al-Tahlīl bi Fawā'id min al-Muṣṭalah wa al-'Ilal wa al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Mesir: Dār Ibn Umar.

‘Abd al-Ghaffār Sulayman al-Bandārī dan Sayid Karwī Hassan (1993), *Mawsu’ah Rijal al-Kutub al-Tis’ah*, 4.j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

Ali Mustafa Yaqub (2004), *Kritik Hadis*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Akademi Pengajian Islam (t.t), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Universiti Malaya.

Ahmad Sunawari Long (2007), *Pengenalah Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Islam Bangi.

### **-B-**

Bukhāri, Muhammad bin Ismail Abū ‘Abd Allah al-Ju’fī al- ( 1987) *al-Jāmi’ al-Ṣahih al-Mukhtasar*, 6 j. Beirut: Dār Ibn Kathīr / al-Yamāmah.

Bakr Abū Zayd (1314 H), *al-Ta’ṣīl li Usūl al-Takhrīj wa Qawa’id al-Jarh wa al-Ta’dīl*. Al-Riyāḍ: Dār al-‘Āṣimah.

Biqā’ī, Ali Nayif (1998), *al-Ijtihād fi ‘Ilm al-Ḥadīth wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiah.

Bashar ‘Awwād Ma’rūf dan Shu’ib al-Arnāuṭ (1997), *Tahrīr Taqrīb al-Tahdhīb*, 4 j. Beirut: Muassasah al-Risālah.

### **-D-**

Dhahabī, Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman al- (1997), *al-Kāsyif fī Ma’rifah man lahu Riwāyah fī al-Kutub al-Sittah*, 3 j. Beirut: Dār al-Fikr.

Dāyuni, Aziz Rasyīd Muhammad al- (2006), *Usus al-Hukm ‘alā al-Rijāl hattā Nihāyah al-Qarn al-Thālith al-Hijri*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah.

Dqr, ‘Abd al-Ghanī al- (1994), *al-Imam al-Nawawī Shaykh al-Islām wa al-Muslimīn wa ‘Umdah al-Fuqahā’ wa al-Muhaddithin*. Dimashq: Dār al-Qalam.

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (2001), *Kamus DwiBahasa, Bahasa Inggeris-Melayu*.

Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur (2006), *Kamus Besar Arab- Melayu*.

**-E-**

‘Etr, Nūr al-Dīn (1988), *al-Imam al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah baina Jāmi’ehi wa baina al-Ṣahihayn*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

\_\_\_\_\_ (2001), *Usul al-Jarh wa al-Ta’dil wa ‘Ilm al-Rijāl*, T.T.P: al-Yamāmah / Dār al-Farfur.

\_\_\_\_\_ (1997), *Manhaj al-Naqd fī Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr.

‘Eṣam Musa Hādī (1422), *al-Rauḍ al-Dhātī fī al-Fawāid al-Ḥadīthiyah li al-‘Alāmah Muhammad Nāsr al-Dīn Albāni*. Jordan: Al-Maktabah al-Islamiah,.

**-H-**

Haythamī, Nūr al-Din Ali bin Abī Bakr al- (1994), *Majma’ al-Zawāid wa al-Manba’ al-Fawāid*, 10 j. Beirut: Dār al-Fikr.

Humsyī, Ahmad Fāiz al- (1992), *Tahdhīb Siyr A’lām al-Nubalā’*, 3 j. Beirut: Muassasah al-Risālah.

**-I-**

Ibn Abī Hātim, Abū Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Rāzi(2006), *Kitab al-‘Ilal*. al-Riyāḍ: Muassasah al-Juraysi.

Ibn Mājah, Abū Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwaynī (1997), *Sunan Ibn Mājah wa bi Hāshiah Ta’liqāt Miṣbāh al-Zujājah fī Zawāid Ibn Mājah*, 5 j. Beirut: Dār al-Ma’rifah.

Ibn Ṣalāh, Abū ‘Amru Uthmān bin Ṣalah al-Din bin ‘Abd al-Rahman bin Uthmān al-Kurdī al-Shahrazūrī (1984), *Ulūm al-Ḥadīth li Ibn al-Ṣalāh*. Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim (1988), *Raf’ al-Malām ‘an al-Aimmatu al-A’lām. Tahqiq wa Takhrīj* Husayn al-Jamal. al-Qāherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmi.

Ibn Abī Ya’lā (1998), *Ṭabaqāt al-Hanābilah*, 4 j. al-Qāherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyah.

Ibn al-Athir, ‘Izz al-Din Muhammad (1993), *Usd al-Ghābah fī Ma’rifah al-Ṣahabah. Tahqiq wa Ta’liq* Ali Muhammad Mu’awwad & ‘Adil Muhammad ‘Abd al-Mawjud, 7 j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

Irāqī, Zayn al-Din Abī al-Faḍl ‘Abd al-Rahim bin al-Hussayn al- (1998), 5 j., *al-Mugnī ‘an al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrīj Mā fī al-Ihyā’ min al-Akhhār*, dicetak bersama Ihyā’ Ulūm al-Din. al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth.

Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Din Abū Hafs Umar bin Ali bin Ahmad al-Ansārī (2004), *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Ahādīth wa al-Athār al-Waqi’ah fī al-Sharh al-Kabīr*, 10 j. Al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah.

Ibn Uthaymin, Muhammad Ṣāleḥ (1998), *Sharh al-Aqidah al-Wasṭiyah*. Al-Riyāḍ: Dār al-Tharayyā.

Irfān ‘Abd al-Hamid (1997), *Dirasāt fī al-Firaq al-Aqāid al-Islāmiah*. Beirut: Dār al-Bashīr & Muassasah al-Risālah.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Kamil & Shakir Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.

#### **-J-**

Juday’, ‘Abd Allah bin Yusuf al- (2004), *Tahrīr Ulum al-Ḥadīth*, 2 j. Beirut: Muassasah al-Rayyān.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1997), *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil:10.

#### **-K-**

Kāfi, Abū Bakr (2000), *Manhaj Imam al-Bukhāri fī Taṣhīh al-Ahādīth wa Ta'līluhā*. Beirut: Dār Ibn Hazm.

Khalaf, Najm 'Abd al-Rahman, (1989), *Ulūm al-Isnād min al-Sunan al-Kubrā, Dirāsah wa Naqd*. Al-Riyād: Dār al-Rāyah.

**-L-**

Laknawī, Abū al-Hasanāt Muhammad 'Abd al-Hay al-Hindī al-(1997), *al-Ajwibah al-Fādīlah li al-Asilah al-'Asharah al-Kāmilah*. Al-Qāherah: Dār al-Salām.

\_\_\_\_\_ (2000), *al-Raf' wa al-Takmīl fī al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Beirut: Maktab al-Matbu'āt al-Islamiah.

\_\_\_\_\_ (1416H), *Zhafr al-Amānī bi Sharh Mukhtaṣar al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī*. Beirut: Maktab al-Matbu'āt al-Islāmiah.

**-M-**

Muslim bin al-Hajjāj Ibn Muslim bin Ward bin Kushādh al-Qusyayrī al-Nisābūrī (2000), *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam al-Nawawī*, j.9. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabī.

Mubārakfūrī, Abū al-'Ula Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-(2001), *Tuhfah al-Ahwaḍhī bi Sharh Jāmi' al-Tirmidhī*, 10 j. Beirut: Dār al-Ihya' al-Turāth al-Arabi / Muassasah al-Tārikh al-Arabī.

Mua'allimī, 'Abd al-Rahman bin Yahya al-Yamānī al- (1986), *al-Tankīl bi Mā fī Ta'nīb al-Kawtharī min al-Abātīl*. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.

Milyabārī, Hamzah 'Abd Allah al- (2003), *Ulūm al-Ḥadīth fī Ḍau' Taṭbīqāt al-Muhaddithīn al-Nuqād*. Beirut: Dār Ibn Hazm.

\_\_\_\_\_ (2001), *al-Muāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Mutaakhirīn fī Taṣhīh al-Ahādīth wa Ta'līluhā*. Beirut: Dār Ibn Hazm.

\_\_\_\_\_ (2003), *Nadharāt Jadidah fī Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār Ibn Hazm

**-N-**

Nawawī, Zakaria Muhy al-Din bin Sharaf al- (2005), *al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab*, 22 j. Beirut: Dār al-Fikr.

Najjār, Abū Usāmah Islām bin Mahmūd bin Muhammad al- (1997), *Bulūgh al-Amānī min Kalām al-Mu'allimī al-Yamānī Fawā'id wa Qawā'id fī al-Jarh wa Ta'dīl*. Al-Riyād: Dār Aḍwā' al-Salaf.

**-Q-**

Qāsīmī, Muhammad Jamaluddin al- (t.t), *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-kutub al-'Ilmiah.

Qārī, Ali al-Makkī al-Harawī al- (2005), *al-Masnū' fī Ma'rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū'*. Beirut: Maktab al-Matbu'āt al-Islamiah.

Qal'ah Jī, Muhammad Rawās (1999), *Turuq al-Bahth fī al-Dirāsāt al-Islamiah*. Beirut: Dār al-Nafāis.

Qaraḍawī, Yusuf al- (1993), *al-Muntaqā min Kitāb al-Targhīb wa al-Tarhīb li al-Mundhiri*, 2 j. Manshūrah: Dār al-Wafā'.

**-R-**

Rāzi, Zayn al-Din Muhammad bin Abī Bakar bin 'Abd al-Qādir al- (1994), *Mukhtār al-Ṣihāh*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

**-S-**

Sakhāwī, Muhammad bin 'Abd al-Rahman al- (1999), *al-Mutakallimūn fī al-Rijāl*. Beirut: Maktab al-Matbu'āt al-Islāmī.

Suyūṭī, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-, (t.t) *Tadrīb al-Rāwi fī Sharh Taqrīb al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiah.

\_\_\_\_\_ (1983) *Ṭabaqāt al-Huffāz*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiah.



Shawkānī, Muhammad bin Ali al- (2000), *al-Sayl al-Jarār al-Mutadaffiq ‘alā Hadāiq al-Azhār*, 3 j. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.

\_\_\_\_\_ (1995), *Irshād al-Fuhūl ilā Tahqīq ‘Ilmi al-Usūl*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyah,

Said Abī al-Ma’āṭī al-Nūrī, dkk (1992), *al-Jāmi’ fī al-Jarh wa al-Ta’dīl*, 3 j. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.

Shaykh, ‘Abd al-Sattār al- (1992), *al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-‘Asqalānī Amīr al-Mu’minin fī al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār al-Qalam.

Sibā’ī, Muṣṭafā al- (1998), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī’ al-Islāmī*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī / Dār al-Warāq.

Sulaymāni, Abū al-Hassan Muṣṭafa bin Ismail al- (2000), *Ithāf al-Nabīl bi Ajwibah asilah Ulūm al-Ḥadīth wa Ilal wa al-Jarh wa Ta’dīl*, 2 j. T.T.P: Maktabah al-Furqan.

Sa’di, Abū Jaib (1988), *al-Kamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilāhan*. Beirut: Dār al-Fikr.

Salīm, Amru ‘Abd al-Mun’im (2000), *Qawāid Ḥadīthiyah wa yalihā Tahsīl mā fāta al-Tahdīth*. Maktabah al-Umarayn al-‘Ilmiah.

Sirāj al-Din, ‘Abd Allah (t.t), *Sharh al-Manzūmah al-Baiquniyyah*. Dimashq: Maṭba’ah al-Ṣabāh.

#### -T-

Tahānui, Zafar Ahmad al-Uthmānī al- (2000) *Qawāid ‘Ulum al-Ḥadīth*. Al-Qāherah: Dār al-Salām.

Ṭahhān, Mahmud al- (1985), *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*. T.T.P: Maktabah al-Haramayn.

#### -U-

Uthman bin Ali Hassan (1995), *Manhaj al-Istidlāl ‘alā Masāil al-I’tiqād ‘inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, 2 j. al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.

‘Umari, Akram Diyā’ al- (1983), *Buhūth fī al-Sunnah al-Musharrafah*. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-Ulūm wa al-Hikam.

‘Uqayli , Abū Ja’far Muhammad bin ‘Amru bin Musa bin Hammād al- (1998), *Kitāb al-Ḍu’afā’ al-Kabīr*, 4 j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

‘Umari, Muhammad Ali Qāsim al- (2000), *Dirāsāt fī Manhaj al-Naqd ‘inda al-Muḥaddithin*. Jordan: Dār al-Nafāis.

### -Z-

Zayla’ī, Jamāl al-Din Abī Muhammad ‘Abd Allah bin Yusuf al- (2002), *Naṣb al-Rāyah Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*, 5 j. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah.

Zirkalī, Khayr al-Din Ibn Qudāmah al-Maqdisī al- (1999), *al-A’lām*, 8 j. Beirut: Dār al-Ilm li al-Malāyīn.

Zāhidī, Ḥāfiz Thanā’ Allah al- (2003), *Tawjīh al-Qārī ilā al-Qawāid wa al-Fawāid al-Usūliyah wa al-Hadīthiyah wa al-Isnādiyah fī Fath al-Bāri*. Beirut: Dār Ibn Hazm.

